



IJM CORPORATION BERHAD
(104131-A)

LAPORAN TAHUNAN 2003

20 Tahun Pencapaian



KANDUNGAN

• Penyata Wawasan, Misi & Budaya	2
• Profil Korporat	3
• 20 Tahun Pencapaian	4
• Polisi Perniagaan dan Komitmen Kami	6
• Carta Organisasi Kumpulan	7
• Struktur Kumpulan	8
• Sorotan Kewangan Kumpulan	10
• Prestasi Suku Tahunan Kumpulan	11
• Maklumat Bagi Pelabur-pelabur	12
• Lembaga Pengarah dan Setiausaha	14
• Profil Para Pengarah, Setiausaha dan Pasukan Pengurusan Kanan	15
• Penyata Nilai Ditambah & Pengagihan	21
• Analisis Pemegangan Saham	22
• Analisis Pemegangan Waran	23
• Diari Korporat	24
• Penyata Pengerusi	26
• Ulasan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif	30
• Penyata Urus Tadbir Korporat	42
• Laporan Jawatankuasa Audit	52
• Penyata Kawalan Dalaman	56
• Penyata Mengenai Kualiti	58
• Penyata Mengenai Keselamatan dan Kesihatan	60
• Penyata Mengenai Alam Sekitar	62
• Penyelidikan & Pembangunan, serta Inovasi	64
• Orang Kami	66
• Kakitangan & Produktiviti	68
• Perkhidmatan Masyarakat	69
• Penyata Kewangan	70
• Senarai Harta	153
• Notis Mesyuarat Agung Tahunan	162
• Borang Proksi	163
• Informasi Korporat	165



Memperingati prestasi konsisten 20 tahun
IJM telah dijadikan lebih bermakna
pada tahun ini dengan anugerah-anugerah berikut:

**Anugerah Kecemerlangan Industri
Pembinaan Malaysia 2003
(Bangunan Utama)**

**Anugerah Laporan Korporat
Tahunan Nasional 2003**

**Anugerah Kecemerlangan
Ekspor 2003**

Anugerah-anugerah ini jelas
menunjukkan komitmen dan keinginan
IJM dan kakitangannya terhadap
misi korporatnya.





Wawasan

Untuk menjadi jurubina Malaysia dari segi projek-projek infrastruktur dan bangunan bertaraf dunia yang berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Misi

Untuk mendokong taraf prestasi tertinggi dalam semua usahaniaga kami dengan Mercu Kecemerlangan.

Budaya

Kami sentiasa berusaha untuk:

- mendokong taraf profesionalisme tertinggi dan urus tadbir korporat contoh untuk memaksimumkan manfaat kesemua pemegang kepentingan;
- menghormati budaya, gender, agama, hak asasi manusia dan maruah diantara kesemua pemegang kepentingan kami;
- memastikan kualiti produk dan perkhidmatan kami melebihi jangkaan pelanggan kami;
- mewujudkan suasana yang sesuai bagi semangat berpasukan di kalangan kakitangan kami untuk bekerja ke arah tenaga kerja yang bersatu padu;
- menjadi warga korporat yang bertanggungjawab dan dihormati dengan keperihatinan terhadap isu-isu sosial, keselamatan, kesihatan dan alam sekitar.

Korporat Kami



PROFIL KORPORAT

IJM boleh mengimas kembali permulaannya kepada tiga buah syarikat yang dikelolakan dengan begitu baik – IGB Construction Sdn Bhd, Jurutama Sdn Bhd dan Mudajaya Sdn Bhd. Ketiga-tiga syarikat pembinaan yang gigih ini bergabung pada tahun 1984 dalam usaha untuk bersaing secara lebih berkesan dengan pesaing-pesaing asing yang lebih besar yang telah membuatkan kehadiran mereka begitu dirasai dalam pasaran Malaysia pada lewat tahun 1970-an dan awal tahun 1980-an.

Jurutama dan Mudajaya, diasaskan oleh jurutera generasi pertama negara untuk menjadi kontraktor, membawa bersama mereka profesionalisme dan sistem pengurusan ke dalam kumpulan pembinaan bernilai RM31 juta yang baru ditubuhkan ketika itu. Dengan modal yang cukup banyak dan rekod prestasi yang mengagumkan, IJM telah memperolehi penerimaan pasaran serta merta dan keupayaan kewangan yang agak besar untuk bersaing dengan lebih berkesan.

Hari ini, IJM diiktiraf sebagai salah sebuah daripada sebilangan kecil syarikat-syarikat bebas yang dikelolakan secara profesional di Malaysia dengan rekod prestasi yang cemerlang dalam pasaran tempatan dan juga antarabangsa. Fakta ini diiktiraf sewajarnya melalui beberapa anugerah yang diterima oleh Syarikat. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan telah menganugerahkan kepada Syarikat dengan Anugerah Kontraktor Antarabangsa Malaysia bagi Tahun 2000, Anugerah Jurubina Malaysia bagi Tahun 2001 dan Anugerah Projek (Kategori Bangunan Besar) bagi tahun 2003. Koleksi anugerah Syarikat bertambah lagi dengan Anugerah Urus Tadbir Korporat Perniagaan Malaysia yang diperkenalkan buat julung kalinya pada tahun 2002, dan Anugerah Merit Korporat BSKL (Sektor pembinaan) bagi tahun 2002 dan 2003. Kejayaan demi kejayaan Kumpulan dalam mengeksport perkhidmatan pembinaannya juga turut mendapat perhatian. Kementerian Perdagangan Antarabangsa Malaysia dan Industri baru-baru ini telah menganugerahkan Syarikat dengan Anugerah Kecemerlangan 2003 bagi Ekspor Perkhidmatan.

IJM berjaya melonjak berlipat kali ganda sepanjang dua dekad yang lepas berdasarkan kekompetenan terasnya, dengan kepelbagaiannya yang kebanyakannya tertumpu kepada perniagaan berkaitan dan pengembangan ke dalam pasaran-pasaran baru.

Syarikat mengorak langkah pertamanya ke dalam pembangunan harta semasa kemelesetan pada pertengahan tahun-tahun 1980-an. Terdapat sedikit sahaja peluang-peluang pembinaan tetapi Kerajaan telah menyediakan tanah untuk syarikat-syarikat pembinaan untuk membina rumah-rumah kos rendah dan sederhana secara besar-besaran di bawah program penswastaan.

Menulit di atas kemahiran pembinaannya, beberapa projek sedemikian telah berjaya dilaksanakan oleh kumpulan, membentuk asas bagi bahagian harta. Hari ini, pembangunan harta merupakan sebahagian besar daripada kegiatan kumpulan dan semakin meningkat di peringkat antarabangsa.

Begitu juga, IJM mengambil peluang menukar perniagaan bahan binaan dalamannya, seperti pengkuarian dan konkrit siap campur kepada kegiatan teras memandangkan permintaan di luar kumpulan meningkat dengan ketara, membentukkan asas bagi Bahagian Industri yang wujud di dalam Kumpulan sekarang.

Dalam langkah pertama pempelbagaian sebenarnya, Kumpulan telah menceburkan diri ke dalam perladangan pada tahun 1985 dalam usaha untuk mengurangkan kesan kepada Kumpulan oleh sifat kekitaran pendapatan daripada Bahagian Pembinaan. Pelaburan dalam perladangan telah mendatangkan hasil dengan agak banyak. Bahagian ini telah menyumbang secara ketara kepada pendapatan Kumpulan sepanjang beberapa tahun dan juga membantu menampung pendapatan Kumpulan ketika masa-masa yang sukar, seperti semasa krisis kewangan Asia 1997/98. Bahagian ini telah disenaraikan pada Papan Utama Malaysia Securities Exchange Berhad (MSEB).

IJM telah begitu berjaya dalam skim penswastaan infrastruktur luar negara (Bina-Kendali-Pindah), melabur dalam projek-projek infrastruktur besar seperti Lebuhraya Ekspres Wilayah Guangdong (Guangdong Provincial Expressway) di China, projek Laluan Masuk Bertol Bahagian Barat (Western Access Tollway) di Argentina, projek lebuhraya bertol Swarna dan Rewa di India, loji rawatan air BAWC di Vietnam dan lain-lain lagi. Sepanjang beberapa tahun, Bahagian Infrastruktur telah menyumbang dengan banyaknya kepada pendapatan Kumpulan dan akan kekal menjadi sebahagian besar daripada strategi masa depan Kumpulan.

IJM menjadi syarikat awam pada tahun 1986 dengan permodalan pasaran sebanyak RM66 juta, jumlah aset sebanyak RM172 juta dan perniagaan tempatan. Hari ini, Syarikat mempunyai keistimewaan dengan menjadi salah sebuah daripada sebilangan kecil syarikat-syarikat tersenarai pada Bursa Saham Kuala Lumpur yang telah mempamerkan pertumbuhan yang kukuh, keberuntungan tidak terganggu dan perniagaan bertaraf antarabangsa. Menjelang 31 Disember 2003, permodalan pasaran dan jumlah aset Kumpulan masing-masing bernilai RM1.78 bilion dan RM2.56 bilion. Tahun demi tahun, ia telah mengembangkan profil pemilikan institusi dan pasukan pengurusan bebas dengan reputasi yang cemerlang bagi profesionalisme, prestasi dan urus tadbir yang baik.





20 Tahun Pencaapaian

“ Sepanjang 20 tahun yang lepas,
kita telah menyaksikan IJM maju setapak demi setapak
dengan kejayaan dan anugerah baru
tercapai tahun demi tahun.

Ini adalah testimoni kepada komitmen
tidak berbelah-bagi kepada kecemerlangan
oleh orang IJM.”

Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob
Pengerusi



**EXPORT EXCELLENCE
AWARD 2003 (SERVICES)**
Ministry of International Trade
and Industry

**NATIONAL ANNUAL CORPORATE
REPORT AWARD 2003**

Industry Excellence Awards,
Main Board Companies:
Construction & Infrastructure
Project Companies



**THE MALAYSIAN
CONSTRUCTION INDUSTRY
EXCELLENCE AWARD 2003**
Project Award-Major Building Category:
The Putrajaya Convention Centre



**MALAYSIAN BUSINESS
CORPORATE GOVERNANCE
AWARD 2002**
Juara Bersama

**THE MALAYSIAN
CONSTRUCTION
INDUSTRY
AWARD 2001**

Builder Of The Year



**THE MALAYSIAN
CONSTRUCTION
INDUSTRY AWARD 2000**
Malaysian International Contractor
Of The Year



**MS ISO 9001: 2000
QUALITY MANAGEMENT
SYSTEMS**
Pensijilan sejak 1996



**THE OHSAS 18001
CERTIFICATION**

Syarikat pembinaan
Malaysia yang pertama
mendapat pensijilan

1984



IJM telah ditubuhkan pada 16 Julai 1983 di bawah nama Solidstate Sdn Bhd. Pada tahun 1984, Solidstate telah menerbitkan saham untuk mengambil alih IGB Construction Sdn Bhd, Jurutama Sdn Bhd dan Mudajaya Construction Sdn Bhd. Namanya ditukar kepada IJM Engineering & Construction Sdn Bhd dengan modal berbayar sebanyak RM30.90 juta. Perlantikan Tan Sri Dato' (Dr) Haji Ahmad Azzizuddin sebagai Pengurus dan Koh Boon Chor dan Lim Choong Kong sebagai Pengarah Urusan dan Timbalan Pengarah Urusan.



Berkembang ke dalam bidang pengkuarian dengan pembelian Damansara Rock Products Sdn Bhd (DRP). Membeli Chen Yu Land Sdn Bhd untuk menceburkan diri ke dalam pembangunan harta di Perak. Pelaburan pertama dalam pasaran pembinaan Singapura melalui Hexacon Construction Pte Ltd. Memperolehi projek penswastaan harta utama yang pertama di Ulu Kelang, Kuala Lumpur. Membayar dividen sulung kasar sebanyak 10%.

1985

Mendapat kontrak pengurusan projek yang pertama di Sydney, Australia. Membentuk JMD Development Inc, USA untuk membangunkan unit-unit kediaman di Orlando, Florida. Menyiapkan 32 buah sekolah di Kedah menggunakan sistem pasang siap bagi Kementerian Pendidikan. Menceburi bidang



perladangan melalui pelaburan dalam Desa Talisai Sdn Bhd (DTSB) bagi penanaman kelapa sawit di Sandakan, Sabah. Membeli Sharidal Complex (kini Wisma IJM), Petaling Jaya untuk kegunaan sebagai Ibu Pejabat.



1986

Disenaraikan pada Papan Utama BSKL (kini MSEB) pada 29 September dengan modal berbayar diterbitkan sebanyak RM50 juta. Menyiapkan beberapa projek awam dan bangunan utama seperti Kelab Darul Ehsan, Pan Pacific Pangkor



Resort, Lebuhraya Bertol KL-Seremban dan persimpangan bertingkat dan Institut Vokasional & Latihan Perindustrian Singapura. Dua belas orang kakitangan pengurusan telah dianugerahkan ijazah MBA oleh Golden Gate University, San Francisco.

1987

Menubuhkan IJM International Limited di Hong Kong sebagai kenderaan bagi pelaburan luar negeri. Diserahkan tugas bagi menyiapkan Jambatan Santubong, Kuching. Menyiapkan hospital sebesar 548 buah katil atas dasar serah kunci di



Teluk Intan. Sebagai tindakan ke atas kekurangan peluang-peluang pekerjaan bagi lepasan graduan baru berikut kemelesetan dan seruan oleh Kerajaan, IJM telah melancarkan Program Latihan Graduan dengan pengambilan seramai 21 orang graduan.



1988



Perlantikan Dato' Goh Chye Keat sebagai Pengarah Urusan baru dan Chay Kwok Thong sebagai Timbalannya. Mendapat projek pembinaan jalanraya yang pertama di Bangladesh. Menyiapkan Pangaspuri Hong Villa, Hong Kong. Menerima projek bagi pembangunan semula Gleneagles Hospital, Singapura dan pakej pertama bagi pembinaan projek Lebuhraya Ekspres Utara Selatan. Membeli kepentingan utama dalam Spirolite (M) Sdn Bhd bagi RM2 tunai. Keuntungan sebelum cukai menjunam kepada paras yang terendah sebanyak RM3.5 juta, kesan kemelesetan teruk industri pembinaan bagi tiga tahun berturut-turut di tengah-tengah kemelesetan ekonomi dalam negara.



1989



Syarikat dinamakan IJM Corporation Berhad dengan logo baru untuk menggambarkan kegiatan Kumpulan yang pelbagai. Membeli Torsco Sdn Bhd melalui pertukaran saham. Dianugerahkan projek pembinaan beberapa stesen pemeteran PGU II dan Kompleks Ibu Pejabat Shell Sarawak, Lutong. Menyiapkan 1,100 unit skim perumahan swasta di Batu Lanchang, Pulau Pinang.



1990


Menyelesaikan terbitan hak 1:3, dengan itu meningkatkan modal saham kepada RM70.476 juta. Kontrak baru yang diperolehi mencecah ketinggian baru sebanyak RM503 juta. Dianugerahkan projek pembinaan serah kunci Institut Jantung Negara dan pembinaan sebuah hotel resort di Mauritius. Menyiapkan Lebuhraya Ekspres Lembah Klang Utara (Subang ke Bukit Raja) dan bangunan Ibu Pejabat St George Building Society, Sydney. Memenangi 5 daripada 29 hadiah dalam Pertandingan Kemahiran Nasional Pertama oleh Kementerian Kerjaraya.



1991



Pengembangan selanjutnya ke dalam bidang pengkuarian dengan membeli Malaysian Rock Products Sdn Bhd. Melupuskan 30% ekuiti dalam Mudajaya Construction Sdn Bhd. Buku tempahan mencecah ketinggian baru sebanyak RM1.374 bilion apabila projek-projek baru yang diterima telah mencecah satu lagi ketinggian sebanyak RM540 juta. Menerima dua Anugerah Keselamatan daripada Sarawak Shell Berhad bagi penyiapan 1 juta jam manusia dan kerana mencapai 2 tahun tanpa kerugian masa disebabkan kecederaan.



1992

Modal saham ditingkatkan kepada RM86.476 juta melalui terbitan khas kepada Bumiputera dan menerbitkan RM63.064 juta jumlah nominal Stok Pinjaman untuk membiayai pengambilalihan. Jumlah dagangan mencecah ketinggian bersejarah sebanyak RM809 juta dan keuntungan sebelum cukai telah meningkat 63%



kepada RM51 juta. Majlis pecah tanah bagi Kolej Antarabangsa oleh Perdana Menteri. Membeli Sijas Plantations Sdn Bhd dan melabur dalam Desa Talisai Palm Oil Mill Sdn Bhd (DTPOM). Membeli kepentingan dalam Suria Bistari Development Sdn Bhd yang akan menerima sebuah projek penswastaan pembangunan bercampur di Johor. Melaksanakan Skim Opsyen Saham Kakitangan yang pertama.

1993

Harga saham mencecah nilai tertinggi sebanyak RM11.80 dan permodalan pasaran melebihi RM1 bilion. Dividen mencecah 15 sen setiap saham dan keuntungan sebelum cukai meningkat selanjutnya kepada RM65 juta. Menceburkan diri di Vietnam untuk membangunkan sebuah loji rawatan



air baru di Ho Chi Minh City. Menyiapkan pembinaan Kolej Antarabangsa dan sedia untuk pengambilan pelajar yang pertama. Berjaya menyiapkan 3 pakej lebuhraya utama Lebuhraya Ekspres Utara Selatan yang bernilai melebihi RM405 juta. Melantik dua timbalan Pengarah Urusan, Dato' Krishnan Tan dan Tan Sin Leong, berikutan persaraan Chay Kwok Thong. Menyertai gerakan mencari mangsa dalam tragedi Highland Towers.



1994

Kumpulan menjalankan pengembangan pilihan dalam sektor perniagaan terasnya dan membuat pengambilalihan strategik berikut: (1) 50% kepentingan ekuiti dalam OSW Properties Pty Limited, Australia yang mendapat hak pembangunan bagi projek hotel dan pangsapuri di pusat bandar Sydney; (2) 37.5% kepentingan ekuiti dalam Wuxi Nenda Co-Generation Company Limited di China yang akan membangun, mengendali dan menyelenggara sebuah loji penjanaan bersama di Wuxi, Jiangsu Province, P.R. China; (3) semua saham diterbitkan Strong Mixed Concrete Sdn Bhd (SMC) – pengilang konkrit siap campur; (4) 21.8% kepentingan ekuiti dalam Sin Kean Boon Group Berhad



– sebuah syarikat tersenarai-MSEB yang mengeluarkan produk-produk terbikin logam; (5) 60% kepentingan ekuiti dalam Xylocorp (M) Sdn Bhd yang memiliki tanah pembangunan seluas 187 ekar di Pulau Pinang; dan (6) tambahan 10% kepentingan dalam DTSB, menjadikannya 60% anak syarikat. Anak syarikat milikan 70%, Nilai Cipta Sdn Bhd, telah menerima konsesi selama 16 tahun untuk menjalankan penswastaan pertama kompleks bangunan kerajaan di Malaysia. Projek-projek besar yang diperolehi termasuk Hotel Renaissance dan Hotel New World. Di Pulau Pinang, Kolej Antarabangsa telah mulakan pengambilan sulung pelajaran-pelajarnya bagi program matrikulasi serta program mahasiswa/mahasiswi.



1995

Memberikan ganjaran kepada pemegang-pemegang saham dengan terbitan bonus satu untuk satu. Bersama dengan penukaran ICULS dan terbitan saham-saham baru selaras dengan ESOS,



Modal berbayar melebihi RM300 juta buat pertama kalinya. Jumlah aset Kumpulan IJM buat pertama kalinya mele过asi RM1 bilion. IJM Plantations telah membeli sebidang tanah pertanian berhampiran dengan Sandakan, menambahkan simpanan tanahnya kepada lebih daripada 24,000 ekar. IJM telah menerima pakai "Cemerlang Melalui Kualiti" sebagai moto korporatnya, DTPOM telah dianugerahkan Anugerah Merit PORLA bagi Kadar Pengekstrakan Minyak yang Optimum.



1996

Kumpulan meluncur untuk memecah rekod prestasi dengan kedua-dua hasil dan keuntungan sebelum cukainya masing-masing mencelah tahap RM1 bilion dan RM100 juta. Melalui anak syarikat milik penuhnya IJM Overseas Ventures Sdn Bhd, ia telah mengambil alih 20% kepentingan ekuiti dalam Guangdong Provincial Expressway Development Co. Ltd (GPED) di China, yang kemudian disenaraikan pada Bursa Saham Shenzhen. Kehadirannya di China telah berkembang selanjutnya dengan 25.5% kepentingan ekuiti dalam Yangzhong Changjiang Great Bridge, pemegang konsesi tol di Jiangsu. Di Argentina, Kumpulan telah mengambil alih 24.83% kepentingan ekuiti dalam Grupo Concesionario del Oeste S.A. (GCO), yang telah diberi 22.67 tahun konsesi membina-



mengendali-memindah ke atas Laluan Pintu Masuk Barat Bertol di Buenos Aires. Kumpulan juga memperolehi beberapa projek baru termasuk Mid Valley Megamall, Landasan 2 KLIA dan Pusat Kargo Termaju MAS. Projek pembangunan harta kebanggaannya di Petaling Jaya, Riana Green Fasa II telah dilancarkan berikutan kejayaan penjualan Fasa I. 20% kepentingan syarikat bersekutu, Industrial Concrete Products Berhad (ICP), telah disenaraikan pada Papan Utama MSEB. IJM Corporation Berhad telah dianugerahkan pensijilan ISO 9002 yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Pengerusi semasa Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman telah menyertai Ahli Lembaga Pengarah.



1997

Dato' Krishnan Tan telah menggantikan Dato' Goh Chye Keat sebagai Pengarah Urusan Kumpulan (GMD). Goh Chye Koon dan Choo Choon Yeow telah dilantik sebagai Timbalan GMD. Kumpulan sekali lagi mencatat paras tertinggi hasil dengan jumlah dagangan sebanyak RM1.47 bilion. Walau bagaimanapun, keuntungan sebelum cukai merosot 29%, seiring dengan krisis kewangan serantau. Antara lain, ia telah mendapat projek serah kunci bagi Hospital dan Klinik Kesihatan Putrajaya bernilai RM282 juta. Ia juga telah mengambil alih 50% kepentingan ekuiti dalam Prebore Piling & Engineering Sdn Bhd (PPE) – sebuah syarikat yang mempunyai kepakaran dalam penanaman cerujuk gerek, cerucuk mikro dan cerucuk tuang di situ pra gerimit – untuk menambah kegiatan sedia ada bagi unit cerucuknya. Jelutong Development Sdn Bhd dianugerahkan kontrak untuk membina Lebuhraya Ekspres Jelutong sepanjang 4.76 km dan sebagai balasan diberi hak untuk menebus guna dan membangunkan tanah seluas 324.9 ekar. Buat seketika, Bahagian Perladangan menjadi penjana keuntungan utama apabila harga CPO melambung naik ke paras tertinggi. Kumpulan telah menuahkan pangkalannya di India dengan mengambil alih kepentingan ekuiti dalam Gautami Power Private Limited yang memegang konsesi untuk mengendalikan loji kuasa berasaskan nafta berkapasiti 330 MW di wilayah Andhra Pradesh. Dalam Bahagian Pendidikan, kelompok perintis seramai 15 orang pelajar telah menerima ijazah sarjana mereka daripada University of Sydney.



Dato' Krishnan Tan telah menggantikan Dato' Goh Chye Keat sebagai Pengarah Urusan Kumpulan (GMD). Goh Chye Koon dan Choo Choon Yeow telah dilantik sebagai Timbalan GMD. Kumpulan sekali lagi mencatat paras tertinggi hasil dengan jumlah dagangan sebanyak RM1.47 bilion. Walau bagaimanapun, keuntungan sebelum cukai merosot 29%, seiring dengan krisis kewangan serantau. Antara lain, ia telah mendapat projek serah kunci bagi Hospital dan Klinik Kesihatan Putrajaya bernilai RM282 juta. Ia juga telah mengambil alih 50% kepentingan ekuiti dalam Prebore Piling & Engineering Sdn Bhd (PPE) – sebuah syarikat yang mempunyai kepakaran dalam penanaman cerujuk gerek, cerucuk mikro dan cerucuk tuang di situ pra gerimit – untuk menambah kegiatan sedia ada bagi unit cerucuknya. Jelutong Development Sdn Bhd dianugerahkan kontrak untuk membina Lebuhraya Ekspres Jelutong sepanjang 4.76 km dan sebagai balasan diberi hak untuk menebus guna dan membangunkan tanah seluas 324.9 ekar. Buat seketika, Bahagian Perladangan menjadi penjana keuntungan utama apabila harga CPO melambung naik ke paras tertinggi. Kumpulan telah menuahkan pangkalannya di India dengan mengambil alih kepentingan ekuiti dalam Gautami Power Private Limited yang memegang konsesi untuk mengendalikan loji kuasa berasaskan nafta berkapasiti 330 MW di wilayah Andhra Pradesh. Dalam Bahagian Pendidikan, kelompok perintis seramai 15 orang pelajar telah menerima ijazah sarjana mereka daripada University of Sydney.



1998

Di sebalik keadaan perdagangan yang sukar disebabkan oleh krisis kewangan Asia, Kumpulan telah menyiapkan beberapa projek pembinaan mengikut jadual – terutamanya Istana Budaya dan Pusat Perubatan Talam di KL, serta Pusat Kargo Termaju MAS di KLIA. Bahagian Hartanya juga turut menunaikan janjinya apabila ia menyerahkan lebih 635 unit kediaman kepada pembeli-pembeli Sri Pangkor Condominiums, Lakeside Towers dan Jambul Apartments. Kisah kejayaan Kumpulan dalam usahaniaga antarabangsa terus menghasilkan kejayaan demi kejayaan: GCO, kepentingan ekuiti 24.5% pemegang konsesi bagi Laluan Pintu Masuk Bertol Barat di Argentina, telah memulakan pengutipan tol sepenuhnya; ia berjaya menyiapkan Avilion Hotel sebesar 455 buah bilik di Sydney, Australia dan 155 unit bangunan pangsapuri perkhidmatan Micasa Hotel di Yangon, Myanmar; di India, ia memperolehi dua projek - jalanraya konkrit Mumbai-Pune Expressway yang berjarak 13km dan Pintasan Chennai yang bernilai RM40 juta.



1999



Buat pertama kali dalam sejarah IJM, ekuiti pemegang saham dan jumlah aset mengatasi tahap tertinggi masing-masing sebanyak RM1 bilion dan RM2 bilion. Projek-projek besar yang disiapkan dalam tahun ini termasuk Mid Valley Megamall dan Laluan PJ-Bangsar di KL, Loji Rawatan Air Binh An di Vietnam dan 278 unit



pangaspuri Horden Towers di Australia. IJM Construction Sdn Bhd menjadi syarikat terkini yang menyertai kumpulan syarikat IJM diperakui ISO. Kilang minyak sawit yang kedua telah memulakan operasinya dan yang ketiga sedang dalam pembinaan untuk meningkatkan selanjutnya keupayaan pemprosesan buah-buahan segar diproses (FFB) bagi Bahagian Perladangan.

2000

IJM merupakan syarikat pembinaan pertama di Malaysia yang dianugerahkan pensijilan OHSAS 18001 yang diiktiraf di peringkat antarabangsa bagi Piawaian Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan. Rekod prestasi IJM yang membanggakan di pasaran luar negeri diiktirafkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan yang menganugerahkan ia dengan Anugerah Kontraktor Antarabangsa Malaysia Pertama bagi Tahun ini. Hasil luar pesisir telah menyumbang sebanyak 46% daripada keuntungan sebelum cukai Kumpulan. PPE telah memperolehi pensijilan ISO 9002. Sistem Penilaian Kualiti dan Keselamatan IJM (IQSAS) secara rasminya telah dilancarkan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting –membuktikan selanjutnya komitmen IJM yang tinggi kepada kualiti. Kumpulan menjual kepentingan utamanya dalam bahagian pendidikan kepada Kumpulan INTI



Universal Group, bagi membolehkannya menempu semula kepada operasi terasnya. Kumpulan telah mengambil langkah selanjutnya untuk menukar pinjaman jangka pendek kepada hutang jangka panjang pada kadar tetap dengan terbitan sebanyak RM150 juta nilai nominal sebanyak 5% Bon Tidak Bercagar Boleh Tebus bersama waran sebanyak 80.18 juta. Waran bercerai telah ditawarkan kepada pemegang-pemegang saham atas dasar 1:5.



2001

Kumpulan telah mendapat keuntungan sebelum cukai tertingginya sebanyak RM210.41 juta, dibantu oleh pelupusan sebahagian pelaburannya dalam GPED yang menghasilkan laba luar biasa sebanyak RM122.26 juta. Malangnya, penurunan nilai peso Argentina menyebabkan pelaburan kami dalam GCO diturunkan nilai sebanyak RM47 juta.



Harga saham IJM melonjak sebanyak 60.15% dalam tahun ini – syarikat dengan prestasi kedua terbaik di MSEB.



Bahagian Pembinaan memperolehi kontrak bernilai RM1.77 bilion – jumlah tertinggi dalam mana-mana satu tahun – termasuk Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) yang berprestij dan Jalan Pengedara Perdana Putrajaya bernilai RM470 juta. PCC, yang bernilai RM603 juta, merupakan kontrak tunggal terbesar yang diperolehi oleh Kumpulan. Selepas Anugerah Kontraktor Antarabangsa CIDB Tahun 2000, pengiktirafan terus lagi diterima oleh IJM melalui Anugerah Jurubina Malaysia bagi tahun ini.



2002

IJM telah memenangi Anugerah sulung Urus Tadbir Korporat Perniagaan Malaysia (pemenang bersama) dan Anugerah Merit Korporat BSKL (Sektor Pembinaan). Hasil kendalian dan keuntungan sebelum cukai bagi Bahagian Pembinaan telah melonjak ke tahap tertinggi masing-masing sebanyak RM1 bilion dan RM100 juta buat pertama kalinya. IJM sekali lagi membuatkan kehadirannya terasa di India – dengan menjadi Kumpulan pertama Malaysia yang menceburkan diri ke dalam pasaran perumahan di sana dengan menandatangani Memorandum Persefahaman dengan Lembaga Perumahan Andhra Pradesh untuk bersama-sama membangunkan projek Pusat Perbandaran Bersepadu di Hyderabad, manakala sebuah lagi anak syarikatnya, IJM (India) Infrastructure Ltd telah dianugerahkan pensijilan ISO 9000. IJM Building Systems Sdn Bhd telah ditauliahkan oleh Malaysian Book of Records bagi pengeluaran panel komposit simen bertetulang gentian kelapa sawit ringan yang pertama.



2003

Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman telah mengambil alih jawatan sebagai Pengurus berikutan perletakan jawatan Tan Sri Dato' (Dr) Haji Ahmad Azizuddin. Penghargaan selanjutnya diterima oleh IJM melalui Anugerah Projek CIDB (Kategori Bangunan Besar), Anugerah Kecemerlangan Industri Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) (Perkhidmatan Eksport), Anugerah Merit Korporat BSKL (Sektor Pembinaan) dan Anugerah Laporan Korporat Tahunan Nasional (sektor Pembinaan dan Infrastruktur). Pengarah bukan eksekutif dan bekas Pengarah Urusan IJM, Dato' Goh Chye Keat telah dianugerahkan Anugerah Pengusaha Paling Menonjol oleh CIDB. IJM Plantations Berhad telah disenaraikan pada Papan Utama MSEB. Pengagihan modal saham IJMP dinilai sebanyak RM137.49 juta telah dibuat atas dasar 2:5 kepada pemegang-pemegang saham IJM. Pusat Konvensyen Putrajaya yang canggih telah berjaya disiapkan dan diserahkan kepada klien lebih awal dari masa yang dijadualkan untuk menjadi tuan rumah kepada Persidangan Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC). Peringkat 1 Lebuhraya Ekspres Jelutong yang berjarak 3.76km



telah disiapkan dan diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Di India, IJM telah menyiapkan bahagian daripada Lebuhraya Bertol Tada-Nellore tiga bulan awal daripada yang dijadualkan. Rizab batu kasar bagi operasi kuari Kumpulan ditambah selanjutnya melalui pengambilalihan 100% ekuiti dalam Warga Sepakat Sdn Bhd.



POLISI PERNIAGAAN & KOMITMEN KAMI



IJM CORPORATION BERHAD
(104131-A)

Polisi Perniagaan & Komitmen Kami


Pengendalian perniagaan kami dipandukan oleh komitmen kukuh ke arah mutu produk; keselamatan, kesihatan dan alam sekitar; pelakuan beretika; kebijakan kakitangan; tanggungjawab sosial; urus tadbir korporat yang baik; dan memaksimumkan pulangan kepada kesemua pemegang kepentingan.

Kami komited kepada:

- Mutu produk dan perkhidmatan kami dan nilai diberi kepada pelanggan-pelanggan kami;
- Memupuk hubungan yang menguntungkan semua pihak dengan kesemua pelanggan kami agar kepercayaan dan hormat menghormati akan melanjutkan lagi hubungan kami.
- Mencapai matlamat kami untuk operasi tanpa kemalangan, penghapusan bahaya kesihatan pekerjaan dan memastikan tidak ada kerosakan kekal kepada alam sekitar;
- Menjadi warga korporat yang baik dengan menghormati kedaulatan undang-undang dalam apa jua perniagaan dan dalam mana-mana negeri kami beroperasi.
- Mewujudkan persekitaran kerja di mana terdapat kepercayaan dan hormat menghormati antara satu sama lain, dalam mana kepelbagaiam dan kemasukan dinilai dan sumbangan diiktiraf dan diberi ganjaran berpadanan.
- Memastikan bahawa kebijakan kakitangan kami diambil kira sepanjang masa disamping mengusahakan objektif perniagaan.
- Mengurus prestasi kewangan kami untuk memaksimumkan pulangan jangka panjang kepada kesemua pemegang kepentingan pelabur, kakitangan, pelanggan, pemutang dan kerajaan;
- Berada di hadapan dalam mengusahakan urus tadbir korporat yang baik.



CARTA ORGANISASI KUMPULAN



STRUKTUR KUMPULAN

pada 31 Mac 2004



PEMBINAAN



► IJM Construction Sdn Bhd

Anak-anak Syarikat

- IJM Building Systems Sdn Bhd
- Jurutama Sdn Bhd
- Prebore Piling & Engineering Sdn Bhd

Syarikat-syarikat Bersekutu

- Hexacon Construction Pte Ltd
- Integrated Water Services (M) Sdn Bhd

► Nilai Cipta Sdn Bhd

Syarikat-syarikat Bersekutu

► Deltabumi Sdn Bhd

HARTA



► IJM Properties Sdn Bhd

Anak-anak Syarikat

- Chen Yu Land Sdn Bhd
- IJM Management Services Sdn Bhd
- Jalinan Masyhur Sdn Bhd
- Liberty Heritage Sdn Bhd
- NS Central Market Sdn Bhd
- Suria Bistari Development Sdn Bhd
- Wedec Sdn Bhd
- Xylocorp Sdn Bhd

Syarikat-syarikat Bersekutu

- Masscorp-Vietnam Sdn Bhd
- Worldwide Venture Sdn Bhd

Anak-anak Syarikat

- Sheffield Enterprise Sdn Bhd
- PIETC Sdn Bhd

Syarikat-syarikat Bersekutu

- Island Golf View Sdn Bhd

► IJM Australia Pty Ltd

- Billmex Pty Ltd

► Jelutong Development Sdn Bhd


- **Swarnandhra-IJMII Integrated Township Development Company Private Limited**
(anak syarikat IJM (India) Infrastructure Ltd)

- **LCL-IJMII International Interiors Private Limited**
(entiti kawalan bersama IJM (India) Infrastructure Ltd)

Nota: Tidak termasuk syarikat-syarikat lengai/tidak beroperasi

- Anak syarikat langsung / syarikat bersekutu IJM Corporation Berhad
- * Syarikat bersekutu IJMII (Mauritius) Limited
- # Syarikat bersekutu IEMCEE Infra (Mauritius) Limited

INDUSTRI



► Malaysian Rock Products Sdn Bhd

Anak-anak Syarikat

- Aggregate Marketing Sdn Bhd
- Azam Ekuiti Sdn Bhd
- Bohayan Industries Sdn Bhd
- Damansara Rock Products Sdn Bhd
- Kemenia Industries Sdn Bhd
- Kuang Rock Products Sdn Bhd
- Oriental Empire Sdn Bhd
- Scaffold Master Sdn Bhd
- Strong Mixed Concrete Sdn Bhd
- Warga Sepakat Sdn Bhd

Syarikat-syarikat Bersekutu

- Pulai Maju Sdn Bhd

► Torsco Bhd

Anak-anak Syarikat

- Torsco Overseas Sdn Bhd
- Sang Kee Feedmills Sdn Bhd
- Sang Kee Enterprise Sdn Bhd

Syarikat-syarikat Bersekutu

- Cofreth (M) Sdn Bhd
- Industrial Concrete Products Bhd
- Sin Kean Boon Group Bhd
- Spirolite (M) Sdn Bhd

PERLADANGAN



► IJM Plantations Berhad

Anak-anak Syarikat

- Berakan Maju Sdn Bhd
- Desa Talisai Sdn Bhd
 - Desa Talisai Palm Oil Mill Sdn Bhd
- Sihat Maju Sdn Bhd
- Cahaya Adil Sdn Bhd
- Gerbang Selasih Sdn Bhd
- Firdana Corporation Sdn Bhd
- Dynasive Enterprise Sdn Bhd
- Excellent Challenger (M) Sdn Bhd Group
- Gunaria Sdn Bhd
- IJM Edible Oils Sdn Bhd
- IJM Agri Services Sdn Bhd
- Minat Teguh Sdn Bhd
 - Akrab Perkasa Sdn Bhd
- Mowtas Bulkers Sdn Bhd
- Rakanan Jaya Sdn Bhd
 - Isu Mutiara Sdn Bhd
- Ratus Sempurna Sdn Bhd
- Sijas Plantations Sdn Bhd
- Sabang Mills Sdn Bhd

Syarikat-syarikat Bersekutu

- Loongsyn Sdn Bhd
- Cekap Tropikal Sdn Bhd
- Mowtas Multi-User Jetty Sdn Bhd

INFRASTRUKTUR & LAIN-LAIN



► IJM International Limited

Syarikat-syarikat Bersekutu

- OSW Properties Pty Ltd

► IJM International (BVI) Pty Ltd

Syarikat-syarikat Bersekutu

- Avillion Hotels International (Sydney) Pty Ltd
- Reliance-OSW (Nominees) Pty Limited

► IJM Overseas Ventures Sdn Bhd

Syarikat-syarikat Bersekutu

- Earning Edge Sdn Bhd

► IJM Investments (M) Limited

Anak-anak Syarikat

- IJMII (Mauritius) Limited
 - IJM (India) Infrastructure Ltd
- IEMCEE Infra (Mauritius) Limited
- IJM Rewa (Mauritius) Limited
 - Rewa Tollway Private Limited

Syarikat-syarikat Bersekutu

- Swarna Tollway Pte Ltd*
- Gautami Power Private Limited#


Syarikat-syarikat Bersekutu

- CIDB Inventures Sdn Bhd
- Emas Utilities Corporation Sdn Bhd
- Grupo Concesionario del Oeste S A
- JWS Projects Sdn Bhd
- Masscorp-Chile Sdn Bhd

SOROTAN KEWANGAN KUMPULAN

		2003	2002	2001	2000	1999
HASIL KENDALIAN (n¹)	RM'000					
Pembinaan	1,132,274	1,120,670	628,314	621,377	612,122	
Pembangunan Harta	204,378	160,652	148,575	97,247	252,594	
Pengilangan dan Pengkuarian	222,847	192,818	237,711	188,708	155,607	
Perlادangan	152,383	130,569	72,554	65,123	114,964	
Infrastruktur	34,675	35,118	80,068	98,020	56,336	
Pelaburan & Lain-lain	31,012	20,685	18,914	24,149	18,345	
	1,777,569	1,660,512	1,186,136	1,094,624	1,209,968	
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	RM'000					
Pembinaan	101,596	104,605	86,599	64,040	42,083	
Pembangunan Harta	35,774	19,728	16,873	13,411	25,864	
Pengilangan dan Pengkuarian	20,889	8,253	17,378	11,718	8,693	
Perlادangan	34,853	29,761	6,796	4,792	24,314	
Infrastruktur	4,526	30,700	99,293	27,911	36,230	
Pelaburan & Lain-lain	9,162	(1,277)	(16,530)	(2,916)	2,247	
	206,800	191,770	210,409	118,956	139,431	
KEUNTUNGAN BOLEH DIAGIH KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM	RM'000	145,724	122,543	168,998	76,773	117,676
MODAL SAHAM DITERBITKAN	RM'000	382,276	363,937	352,723	351,517	345,966
DANA PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM	RM'000	1,509,489	1,468,389	1,320,641	1,205,851	1,113,479
JUMLAH ASET	RM'000	2,563,620	2,615,188	2,289,922	2,262,011	2,050,274
PEROLEHAN SETIAP SAHAM (Asas)	Sen	39.2	34.0	48.0	21.9	34.2
DIVIDEN KASAR SETIAP SAHAM	Sen	15.0	12.0	20.0	8.0	6.0
PENGAGIHAN MODAL	Sen	37.0	-	-	-	-
ASET KETARA BERSIH SETIAP SAHAM	RM	3.88	3.99	3.69	3.26	3.05
PULANGAN ATAS JUMLAH ASET	%	5.68	4.60	7.38	3.39	5.74
PULANGAN ATAS EKUITI	%	9.65	8.19	12.80	6.37	10.57
PENGGEARAN (Hutang bersih/Ekuiti)	%	12.41	13.72	14.14	30.57	29.54
HARGA SAHAM						
Tinggi	RM	5.35	6.00	4.60	4.42	3.46
Rendah	RM	3.98	3.94	2.27	2.56	1.86
Penutup	RM	4.66	5.10	4.26	2.66	3.08
HARGA WARAN						
Tinggi	RM	2.50	2.96	1.51	1.69	-
Rendah	RM	1.26	1.24	0.60	0.70	-
Penutup	RM	1.76	1.91	1.29	0.73	-


¹¹ Termasuk bahagian daripada hasil syarikat bersekutu dan usahasama



PRESTASI SUKU TAHUNAN KUMPULAN 2003

		Suku Tahun Pertama	Suku Tahun Kedua	Suku Tahun Ketiga	Suku Tahun Keempat
HASIL KENDALIAN (RM'000)	RM'000				
Pembinaan		329,829	352,548	250,782	199,115
Pembangunan Harta		48,264	45,643	69,694	40,777
Pengilangan dan Pengkuarian		51,012	55,552	58,717	57,566
Perlادangan		37,430	52,432	29,991	32,530
Infrastruktur		8,553	7,613	7,908	10,601
Pelaburan & Lain-lain		5,680	5,628	10,220	9,484
	480,768	519,416	427,312	350,073	
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	RM'000				
Pembinaan		26,837	31,460	21,436	21,863
Pembangunan Harta		7,841	9,601	11,957	6,375
Pengilangan dan Pengkuarian		5,272	6,489	4,788	4,340
Perlادangan		4,541	11,305	7,965	11,042
Infrastruktur		1,167	273	867	2,219
Pelaburan & Lain-lain		(1,019)	3,846	3,103	3,232
	44,639	62,974	50,116	49,071	
KEUNTUNGAN BOLEH DIAGIH KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM	RM'000	27,327	42,406	36,219	39,772
MODAL SAHAM DITERBITKAN	RM'000	364,317	371,200	377,615	382,276
DANA PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM	RM'000	1,445,773	1,520,214	1,438,472	1,509,489
JUMLAH ASET	RM'000	2,666,388	2,893,826	2,459,264	2,563,620
PEROLEHAN SETIAP SAHAM (Asas)	Sen	7.50	11.52	9.66	10.44
DIVIDEN KASAR SETIAP SAHAM	Sen	-	5.00	-	10.00
PENGAGIHAN MODAL	Sen	-	-	37.0	-
ASET KETARA BERSIH SETIAP SAHAM	RM	3.92	4.04	3.76	3.88
PULANGAN ATAS JUMLAH ASET (Disetahunkan)	%	4.10	5.86	5.89	6.21
PULANGAN ATAS EKUITI (Disetahunkan)	%	7.56	11.16	10.07	10.54


KALENDAR KEWANGAN			
Akhir Tahun Kewangan	31 Disember 2003		
Pengumuman Keputusan			
Suku tahun pertama	21 Mei 2003		
Suku tahun kedua	20 Ogos 2003		
Suku tahun ketiga	19 November 2003		
Suku tahun keempat	26 Februari 2004		
Notis Mesyuarat Agung Tahunan	27 April 2004		
Mesyuarat Agung Tahunan	19 Mei 2004		
Bayaran Dividen			
Interim Pertama			
Perisyiharan			20 Ogos 2003
Penutup buku			31 Oktober 2003
Bayaran			14 November 2003
Interim Kedua			
Perisyiharan			26 Februari 2004
Penutup buku			30 April 2004
Bayaran			21 Mei 2004



MAKLUMAT BAGI PELABUR-PELABUR

A. Harga Saham IJM

Terjejas oleh sentimen negatif ke arah sektor pembinaan berikutan peluang-peluang yang berkurangan bagi penambahan buku tempahan, prestasi harga saham IJM adalah lebih rendah daripada prestasi pasaran keseluruhan. Manakala keseluruhan KLCI meningkat daripada hampir 648.43 mata pada akhir tahun 2002 kepada 793.94 mata pada akhir tahun 2003, Harga saham IJM menurun daripada RM5.10 kepada RM4.66.



Dengan nisbah P/E yang menarik sebanyak 11.9x pada akhir tahun 2003 dan secara relatifnya menunjukkan penambahan buku tempahan yang lebih baik antara pesaing setara, saham-saham IJM dikatakan antara saham paling murah di Malaysia oleh beberapa rumah pembrokeran global termasyhur bagi potensi kenaikan besarnya.

Stern Stewart & Co., sebuah firma perundingan global terunggul, telah meletakkan IJM antara 10 syarikat tersenarai teratas di Malaysia bagi penghasilankekayaan pemegang-pemegang saham bagi tempoh lima tahun dari April 1998 hingga April 2003.

4 Focus

IJM a natural blue-chip company

A lot since 1990

BY STEWART COOKE

IJM Corp Bhd maintains an enviable profit record; consistently recording revenue increases since 1990. Maintained by management – but more with significant value in the company – IJM quickly built up its reputation soon after listing on the BSE main board in 1988.

Those familiar with IJM say the company has blue-chip quality from the word go.

On a scaling share capital basis, IJM's share price has risen from RM1.90 in 1990 to RM17.00 in December 1992. IJM's current market capitalisation is about RM11.7bil. The last time IJM called on investors to put more in the company was about 10 years ago. However, for the last 10 years of the

IJM Gross Dividend (cents per share)

Tahun	1990	1991	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999	2000	2001
Dividenden	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10
Dividenden	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10	10

The Chemical Express is one of the projects that IJM has invested in India where it has gained a significant foothold.

5-Year Financial Highlights (RM mil)


	1997	1998	1999	2000	2001
Revenue	1,476	1,148	1,118	1,098	1,186
Pre-tax profit	81.6	70.7	219.4	118.8	215.8
Shareholders' Funds	864	1,001	1,113	1,191	1,112
Earnings per share (cent)	28.1	13.4	18.2	21.8	44

Adjusted share price of IJM

Sumber: TheStar, 25 Januari 2003

B. Harqa Waran IJM

Seiring dengan prestasi saham-saham induk, prestasi harga Waran IJM juga lebih rendah daripada prestasi keseluruhan pasaran pada tahun 2003. Daripada harga penutup RM1.91 pada akhir tahun 2002, ia menurun kepada RM1.76 pada akhir tahun 2003.



C. Bon-bon IJM 2000/2005

Sebagai pengendorsan selanjutnya kepada kedudukan kewangan IJM yang kukuh, MARC sekali lagi telah mengesahkan semula penarafan hutang korporat IJM pada gred "A" dalam kajian tahunan terkininya pada Julai 2003.

Butiran bon-bon tersebut dinyatakan dalam Nota 14 kepada penyata kewangan.


D. Kajian Urus Tadbir Korporat Euromoney 2003

Sebagaimana yang diperincikan dalam Penyata Urus Tadbir Korporat, IJM sentiasa berusaha untuk mengekalkan taraf yang tinggi bagi urus tadbir korporat untuk melindungi kepentingan semua pemegang-pemegang amanah pelbagai kepentingan. Sebagai bukti taraf yang tinggi dipatuhi di IJM, Euromoney, peneraju majalah kewangan global, telah menarafkan IJM sebagai syarikat Malaysia No.1 dalam kajian penarafan urus tadbir korporat dalam pasaran-pasaran membangun dunia. IJM juga berada ditangga ke-13 secara keseluruhan dalam tinjauan pendapat yang meliputi firma-firma indeks teratas di Asia, Eropah Timur dan Amerika Latin berdasarkan taraf pendedahan kewangan dan layanan kepada pelabur-pelabur.

KHIDMAT PELABUR

Kumpulan menyediakan laman web dinamik (<http://www.ijm.com>) yang memberikan maklumat terperinci mengenai operasi dan perkembangan terkini dalam Kumpulan. Untuk maklumat atau bantuan selanjutnya, anda boleh menghubungi:-

Jeremie Ting Keng Fui
Setiausaha Syarikat
Tel: +603-79858130 Faks: +603-79529388
E-mel: it@ijm.com



LEMBAGA PENGARAH & SETIAUSAHA



Berduduk dari kiri ke kanan: Tan Sri Dato' Ir (Dr) Haji Murad Bin Mohamad Noor, Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan,

Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman Bin Wan Yaacob, Goh Chye Koon

Berdiri dari kiri ke kanan: Soo Heng Chin, Datuk Yahya Bin Ya'acob, Dato' Ismail Bin Shahudin, Abd Hamid Bin Othman,

Datuk Oh Chong Peng, Dato' Goh Chye Keat, Jeremie Ting Keng Fui

PENGERUSI

Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman Bin Wan Yaacob

CEO & PENGARAH URUSAN

Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan

TIMBALAN CEO & TIMBALAN PENGARAH URUSAN

Goh Chye Koon

PENGURUS BESAR KANAN & PENGARAH EKSEKUTIF

Soo Heng Chin

PENGARAH-PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF

Dato' Goh Chye Keat

Dato' Ismail Bin Shahudin

Abd Hamid Bin Othman

PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF BEBAS KANAN

Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad Bin Mohamad Noor

PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF BEBAS

Datuk Yahya Bin Ya'acob

Datuk Oh Chong Peng

SETIAUSAHA SYARIKAT

Jeremie Ting Keng Fui

PROFIL PARA PENGARAH, SETIAUSAHA DAN PASUKAN PENGURUSAN KANAN

PENGARAH-PENGARAH

>* Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman Bin Wan Yaacob, Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas

PSM, SPMT, DPMT, JSM, AMN, D.Eng.(h.c.) B'ham, FASc, FIEM, FICE, FIHT, FCIOB, P.Eng., C.Eng.



Y. Bhg. Tan Sri Wan Abdul Rahman, dilahirkan pada Jun 1941, menyertai Lembaga pada 1 Julai 1996.

Beliau mendapat Diploma dalam Kejuruteraan Awam daripada Maktab Teknik, Kuala Lumpur pada 1963, Diploma dalam Kejuruteraan Awam & Struktur daripada Brighton College of Technology, United Kingdom pada 1965, dan mengikuti Program Pengurusan Lanjutan daripada Harvard Business School Boston, Massachusetts, USA pada 1993. Beliau telah dianugerahkan Doktor Kehormat Kejuruteraan oleh University of Birmingham, United Kingdom pada 1994. Beliau telah bekerja dengan Kementerian Kerja Raya selama 32 tahun, setelah berkhidmat selama enam tahun yang terakhir sebagai Ketua Pengarah Jabatan Kerja Raya sebelum beliau bersara pada 1996.

Beliau pada masa ini adalah Pengerusi Majlis Piawaian & Akreditasi Malaysia, Persatuan Kejuruteraan Jalan Raya Malaysia (REAM). Beliau merupakan ahli Majlis Persatuan Kejuruteraan Jalan Raya Asia & Australia (REAAA) dan ahli Ex-Officio Institusi Lebuhraya dan Pengangkutan (Cawangan Malaysia).

Jawatan pengarah beliau dalam syarikat-syarikat awam termasuk Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad (Pengerusi), Lysaght Galvanized Steel Berhad (Pengerusi), Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Malaysia Mining Corporation Berhad, NCB Holdings Berhad, Saujana Consolidated Berhad dan SIME-UEP Properties Berhad.

#^ Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan, Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan

SMS, DSPN, B. Econ(Hons), CPA(M), CA, MBA



Y. Bhg. Dato' Tan, dilahirkan pada Disember 1952, menyertai IJM sebagai Pengawal Kewangan pada 1983 dan menyertai Lembaga sebagai Pengarah Silih Ganti pada 12 Jun 1984. Beliau dinaikkan pangkat demi pangkat sehingga memegang jawatan Pengarah Urusan Kumpulan pada 1 Januari 1997. Jawatan beliau telah diubah nama kepada jawatan Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Pengarah Urusan Kumpulan pada 22 September 2003.

Beliau berkelayakan sebagai Akauntan Awam Bertauliahan pada 1978 selepas tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) daripada Universiti Malaya pada 1975, dan memegang ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan daripada Golden Gate University, San Francisco, USA. Sebelum menyertai IJM, beliau telah bekerja dengan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad selama tujuh tahun, dengan jawatan terakhir beliau sebagai Pengawal Kewangan Kumpulan.

Jawatan pengarah beliau dalam lain-lain syarikat awam termasuk IJM Plantations Berhad, Industrial Concrete Products Berhad, ABN AMRO Bank Berhad, MASSCORP Berhad, Torsco Berhad dan Grupo Concesionario del Oeste S.A. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Eksekutif Federation of Public Listed Companies Berhad (FPLC) sejak 2000 dan Pemegang Amanah Perdana Leadership Foundation sejak 2003.

#^+ Goh Chye Koon, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif & Timbalan Pengarah Urusan

KMN, B. Eng. (Civil) (Hons), MIEM, P. Eng.



En Goh, dilahirkan pada Jun 1949, menjadi Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan IJM sejak 1 Januari 1997. Jawatan beliau telah diubah nama kepada jawatan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Timbalan Pengarah Urusan Kumpulan pada 22 September 2003.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) daripada Universiti Malaya pada 1973, dan berkhidmat sebagai jurutera dalam Kementerian Kerja Raya selama 11 tahun dan merupakan Jurutera Pengawasan sebelum menyertai IJM sebagai Jurutera Kanan pada 1984. Beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar (Kawasan Tengah) pada 1986 dan telah dilantik sebagai Pengarah Silih Ganti pada 25 Julai 1995 sebelum memegang jawatan semasa beliau. Beliau juga merupakan Pengarah IJM Plantations Berhad.

Beliau adalah Timbalan Presiden (sesi 2002/2004) Master Builders Association Malaysia (MBAM) dan merupakan Naib Presidennya sejak 1990. Dari 1988 hingga 1990, beliau adalah Timbalan Setiausaha Agongnya. Beliau juga merupakan ahli Majlis Perunding Presiden Lembaga Jurutera, Malaysia (2002-2004) dan ahli Panel Perunding Pembinaan Perbadanan Produktiviti Negara (2003-2004).

PROFIL PARA PENGARAH, SETIAUSAHA DAN PASUKAN PENGURUSAN KANAN *(Sambungan)*

PENGARAH-PENGARAH

#++ **Soo Heng Chin**, Pengurus Besar Kanan & Pengarah Eksekutif

B.Eng. (Civil) (Hons), MIEM, MBA



En Soo, dilahirkan pada Januari 1955, telah dilantik sebagai Pengarah Silih Ganti pada 12 Jun 1998 dan kemudiannya sebagai Pengarah Eksekutif Kumpulan pada 17 Mei 2001. Jawatan beliau telah diubah nama kepada jawatan Pengurus Besar Kanan & Pengarah Eksekutif berkuatkuasa dari 26 Februari 2004. Beliau mengetuai Perkhidmatan Pembinaan di Ibu Pejabat menyelia pelbagai perkhidmatan sokongan di bawah Bahagian Pembinaan.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) daripada Universiti Malaya pada 1978, dan memegang ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan daripada Golden Gate University, San Francisco, USA. Sebelum menyertai IJM pada 1979 sebagai jurutera di Mudajaya Construction Sdn Bhd, beliau merupakan jurutera dengan Jabatan Saliran dan Pengairan, Pahang.

>+ **Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad Bin Mohamad Noor**, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan

PSM, DSDK, JMN, PMK, SMK, KMN, BA (Hons) (Mal), Dip.Ed. (Mal), Dip.Ed.Admin (Reading UK), Hon.D.Litt (Reading UK), Hon.D.Ed (USM Pulau Pinang)



Y. Bhg. Tan Sri Murad, dilahirkan pada April 1930, telah dilantik ke Lembaga pada 25 Julai 1985. Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dan Diploma dalam Pendidikan daripada Universiti Malaya masing-masing pada 1955 dan 1956, dan Diploma dalam Pendidikan & Pentadbiran daripada University of Reading, United Kingdom pada 1961. Beliau telah dianugerahkan Doktor Persuratan Kehormat pada 1990 oleh University of Reading, dan Doktor Pendidikan Kehormat oleh Universiti Sains Malaysia pada 1992.

Jawatan beliau pada masa lepas termasuk Ketua Pengarah Pendidikan (1976-1985), Pengerusi Lembaga Pembangunan Bandar (1985-1988), Pengerusi Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (1985-1990), Pengerusi Majlis Universiti Sains Malaysia (1985-1992), dan Naib Presiden Universiti Islam Antarabangsa (1992-1995).

* **Datuk Oh Chong Peng**, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

PJN, JSM, FCA



Y. Bhg. Datuk Oh, dilahirkan pada Julai 1944, telah dilantik sebagai Pengarah pada 12 April 2002.

Beliau menjalani latihan perakaunan di London dan layak sebagai Akauntan Bertauliah pada 1969 dan pada masa ini adalah ahli Fellow Institute of Chartered Accountants di England and Wales.

Beliau merupakan rakan firma kanan Coopers and Lybrand (sekarang dikenali sebagai PricewaterhouseCoopers), Malaysia dari 1974 sehingga beliau bersara pada 1997. Beliau menyertai Coopers & Lybrand di London pada 1969 dan di Malaysia pada 1971. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Bursa Saham Kuala Lumpur yang dilantik oleh Kerajaan dari 1990 hingga 1996, dan bekas Presiden (1994 hingga 1996) dan Ahli Majlis (1981 hingga 2002) Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia.

Jawatan pengarah beliau dalam lain-lain syarikat awam termasuk British American Tobacco (Malaysia) Berhad, IJM Plantations Berhad, Land & General Berhad (Pengerusi), Nanyang Press Holdings Berhad (Pengerusi) dan Star Publications (Malaysia) Berhad. Beliau juga merupakan Pemegang Amanah Huaren Education Foundation dan UTAR Education Foundation; dan Ahli yang dilantik oleh Kerajaan bagi Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan.

>* **Datuk Yahya Bin Ya'acob**, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

PJN, DIMP, JSM, KMN, SMP, PBS, B.A. (Hons), D.P.A. (Malaya), M.B.M. (Philippines)



Y. Bhg. Datuk Yahya, dilahirkan pada Januari 1944, telah dilantik ke Lembaga pada 31 Mac 1999.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dan Diploma dalam Pentadbiran Awam daripada Universiti Malaya masing-masing pada 1967 dan 1970, dan memegang ijazah Sarjana dalam Pengurusan Perniagaan daripada Asian Institute of Management pada 1976.

Datuk Yahya telah berkhidmat dalam perkhidmatan Pentadbiran dan Diplomatik Malaysia selama lebih daripada 32 tahun, dan berkhidmat selama lima tahun yang terakhir sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya sebelum beliau bersara pada 1999. Lain-lain jawatan beliau termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan (1991-1994), Setiausaha Perbendaharaan Persekutuan (Bahagian Kontrak) (1988-1991), Timbalan Pengarah Unit Pelaksanaan & Penyelaras, Jabatan Perdana Menteri (1986-1988), dan Timbalan Setiausaha Perbendaharaan Persekutuan (Bahagian Kewangan) (1976-1986).

Jawatan pengarah beliau dalam lain-lain syarikat awam termasuk Rumpun Hijau Capital Berhad, UDA Holdings Berhad, Pelaburan Johor Berhad dan Torsco Berhad.

> **Dato' Goh Chye Keat**, Pengarah Bukan Eksekutif

DSPN, JSM, DJN, Dip.Eng., P.Eng.



Y. Bhg. Dato' Goh, dilahirkan pada Disember 1941, salah seorang perintis Kumpulan, telah menjadi Pengarah bukan eksekutif sejak beliau bersara sebagai Pengarah Urusan Kumpulan IJM pada 31 Disember 1996. Beliau telah dilantik ke Lembaga pada 16 April 1984, dan telah menjadi Pengarah Urusan Kumpulan pada 1988.

Beliau layak sebagai ahli Graduan Institut Jurutera Awam, United Kingdom pada 1967 selepas memperoleh Diploma dalam Kejuruteraan daripada Maktab Teknik, Kuala Lumpur pada 1964, dan telah dianugerahkan Keahlian *Fellow* Kehormat oleh University of Sydney, Australia pada 1996. Beliau telah dianugerahkan Anugerah Pengusaha Cemerlang oleh CIDB pada 2003 bagi sumbangan beliau kepada industri pembinaan.

Dato' Goh mula berkhidmat dengan Jabatan Kerja Raya dan berada di sana untuk tiga tahun sebelum menyertai Soon Tat & Co sebagai Pengurus Projek. Beliau meninggalkan Soon Tat & Co selepas tiga tahun untuk menyertai Jurutama Sdn Bhd pada 1970.

Jawatan pengarah beliau dalam lain-lain syarikat awam termasuk Industrial Concrete Products Berhad dan MASSCORP Berhad.

Dato' Ismail Bin Shahudin, Pengarah Bukan Eksekutif

DPCM, PMP, B. Econ(Hons)



Y. Bhg. Dato' Ismail, dilahirkan pada Januari 1951, telah dilantik sebagai Pengarah pada 30 Oktober 2003 dan merupakan wakil Tronoh Mines Malaysia Berhad.

Dato' Ismail tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) daripada Universiti Malaya pada 1974. Beliau telah bekerja dengan Malayan Banking Berhad selama 10 tahun sebagai Pengarah Eksekutif (1992-2002), Timbalan Pengurus Besar United Asian Bank Berhad/Bank of Commerce Berhad (1988-1992), Pengurus Akaun Citibank Berhad (1979-1988) dan Pegawai Kewangan ESSO Malaysia Berhad (1974-1979). Beliau telah menjadi Ketua Eksekutif Kumpulan Malaysia Mining Corporation Berhad sejak Ogos 2002.

Jawatan pengarah beliau dalam lain-lain syarikat awam termasuk Berjuntai Tin Dredging Berhad, Kramat Tin Dredging Berhad, Malakoff Berhad, Malaysia Mining Corporation Berhad, Malaysia Smelting Corporation Berhad, Tronoh Mines Malaysia Berhad dan MMC Engineering Group Berhad.

Abd Hamid Bin Othman, Pengarah Bukan Eksekutif

B.Sc(Hons) Quantity Surveying



Dilahirkan pada Oktober 1950, Encik Abd Hamid adalah Pengarah bukan eksekutif IJM Corporation Berhad. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah pada 25 Mac 2004, dan merupakan wakil Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KSWP").

Encik Abd Hamid tamat pengajian dengan Ijazah dalam Juruukur Bahan daripada Thames Polytechnic London pada 1976. Beliau adalah Pengurus Besar, Jabatan Harta KWSP sejak 2000.

Jawatan yang beliau pegang sebelum ini termasuk Pengarah, Bahagian Juruukur Bahan dan Kontrak Jabatan Pengairan & Saliran bagi Kementerian Kerja Raya (1987-1990) dan Pengurus Kanan, Bahagian Pengurusan Projek Jabatan Harta KWSP (1991-1999).

Tidak ada perhubungan kekeluargaan di antara para Pengarah dan/atau pemegang-pemegang saham utama Syarikat kecuali bagi yang berikut:-

No.	Nama	Perhubungan
1.	Dato' Goh Chye Keat dan Goh Chye Koon	Adik beradik

Semua Pengarah adalah warganegara Malaysia.

Kecuali bagi Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman Bin Wan Yaacob dan Dato' Goh Chye Keat yang mempunyai urusniaga pihak berkaitan tertentu sebagaimana diterangkan dalam Nota 44 kepada penyata kewangan, tidak ada Pengarah mempunyai sebarang kepentingan kewangan dalam mana-mana pengaturan perniagaan yang melibatkan Kumpulan.

Semua Pengarah mempunyai rekod bersih berhubung dengan sabitan bagi kesalahan-kesalahan.

- | | | |
|--------------------------|-------------------------------------|----------------------|
| # Jawatankuasa Eksekutif | > Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan | * Jawatankuata Audit |
| ^ Jawatankuasa Saham | + Jawatankuasa ESOS | |

PROFIL PARA PENGARAH, SETIAUSAHA DAN PASUKAN PENGURUSAN KANAN *(Sambungan)*

SETIAUSAHA

Jeremie Ting Keng Fui, Setiausaha Syarikat

MBA, FCIS, FCSM



En Ting, dilahirkan pada September 1957, menyertai IJM pada 1982 dan telah dilantik sebagai Setiausaha Syarikat pada 1 Julai 1994. Beliau mengetuai Jabatan Perkhidmatan Korporat, Sumber Manusia & Pentadbiran dan Sistem Maklumat.

Beliau juga merupakan Setiausaha Syarikat Industrial Concrete Products Berhad dan IJM Plantations Berhad.

Beliau lulus peperiksaan The Institute of Chartered Secretaries and Administrators (ICSA) pada 1981, selepas mendapat Diploma dalam Asas Pentadbiran daripada Chelmer Institute of Higher Education, Chelmsford, Essex, England pada 1979, dan memegang ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan daripada Golden Gate University, San Francisco, USA.

Beliau adalah Presiden Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA) bagi tahun 2004, dan telah menjadi ahli silih ganti Jawatankuasa Eksekutif Federation of Public Listed Companies Berhad sejak 2001. Beliau adalah penerima Anugerah Setiausaha Syarikat ROC-MAICSA tahun 2000 (Kategori Syarikat Tersenarai), dan merupakan Bekas Presiden yang Lepas Institut Setiausaha Syarikat Malaysia.

PENGURUS-PENGURUS KANAN

Loy Boon Chen, Pengarah Kewangan

MBA, CPA(M)



En Loy, dilahirkan pada Oktober 1951, telah dilantik sebagai Pengarah Kewangan pada 1 Julai 1998. Beliau juga merupakan Pengarah bukan eksekutif Guangdong Provincial Expressway Development Co. Limited, China.

Beliau mengetuai Jabatan Kewangan & Akaun, dan merupakan ahli Jawatankuasa Kecil Piawaian Perakaunan Federation of Public Listed Companies Berhad sejak 1998.

Beliau menerima kelayakan sebagai Akauntan Awam Bertauliah pada 1978 dan memegang ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan daripada Golden Gate University, San Francisco, USA. Beliau berkhidmat dengan Ernst & Young selama tujuh tahun sebelum menyertai Chong Kok Lin & Sons Berhad pada 1980 sebagai Akauntan merangkap Setiausaha selama setahun. Pada 1981, beliau menyertai Mudajaya Construction Sdn Bhd sebagai Ketua Akauntan sebelum dilantik sebagai Pengawal Kewangan Kumpulan IJM pada 1994.

Mah Teck Oon, Pengarah (Bahagian Industri)

B.Eng. (Hons), P.Eng., MIEM



En Mah, dilahirkan pada November 1952, menjadi Ketua Bahagian Industri IJM sejak 1 Julai 1998. Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) daripada Universiti Malaya pada 1976. Beliau bekerja dengan Hong Leong Group Malaysia selama 15 tahun. Dalam 10 tahun pertama beliau merupakan Pengurus Besar bagi dua syarikat jubin seramiknya. Kemudiannya, beliau menjadi Pengurus Besar Kanan Bahagian Produk Konkrit Hume Industries (M) Berhad sebelum menyertai IJM pada 1995 sebagai Pengurus Besar Kumpulan (Bahagian Industri).

Teh Kean Ming, Pengurus Besar Kumpulan (Harta)

B.E (Civil), P.Eng., MIEM



En Teh, dilahirkan pada April 1955, telah dilantik sebagai Pengurus Besar Kumpulan Bahagian Harta IJM pada 1 April 2001. Beliau juga merupakan Pengarah bukan eksekutif Sin Kean Boon Group Berhad.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan daripada University of New South Wales, Australia pada 1981. Beliau merupakan Jurutera Residen Awam & Struktur Projek Dayabumi Fasa 3 (1981-1983) dan Malayan Banking Berhad (1983-1987) dan Jurutera/Pengurus Tapak Antah Biwater J.V. Sdn Bhd (1987-1989) sebelum menyertai IJM Construction Sdn Bhd sebagai Pengurus Projek (1989-1993), Pengurus Kanan (Projek) (1994-1997) dan Pengarah Projek (1998-2001).

Velaigam a/l Doraisamy, Pengurus Kanan (Undang-undang)

LLB (Hons), PgDip (Constn Law), RICS (Finals), MCIArb.



En Velaigam a/l Doraisamy, dilahirkan pada Januari 1951 menyertai semula Syarikat sebagai Pengurus Kanan (Undang-undang) pada 2 Januari 1996 dan mengetuai Jabatan Undang-undang.

Beliau merupakan pembantu juruukur bahan dengan IJM apabila beliau berlepas ke United Kingdom pada 1984 untuk meneruskan pengajian undang-undang. Manakala di sana, beliau lulus Peperiksaan Akhir Royal Institute of Chartered Surveyors' dalam kategori QS dan kajian lepasan ijazah dalam Undang-undang Pembinaan di Kings College, University of London. Beliau kemudiannya menduduki peperiksaan Chartered Institute of Arbitrators dan telah diterima masuk sebagai ahli pada 1994. Beliau merupakan Perunding dengan Peguamcara Sri Kanth & Co., United Kingdom (1992-1995) sebelum memegang jawatan semasanya di IJM.

Tan Gim Foo, Pengarah Projek

B. Eng. (Civil) (Hons), P.Eng., MIEM



En Tan, dilahirkan pada Jun 1958, menjadi ketua Projek Unit 1 Bahagian Pembinaan IJM sejak 8 Mac 2003, menyelia projek pembinaan dalam Kawasan Tengah.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) daripada Universiti Malaya pada 1983. Beliau bermula sebagai Jurutera Tapak Mudajaya Construction Sdn Bhd (1983-1986) sebelum menyertai IJM sebagai Jurutera Perancangan & Rekabentuk (1986-1988), Pengurus Projek (1988-1994), Pengurus Kanan (1994-1997) dan Pengarah Projek sejak 1998.

En Tan adalah Pengarah Projek bagi projek trek-pantas Pusat Konvensyen Putrajaya yang disiapkan baru-baru ini.

How See Hock, Pengarah Projek

B. Eng. (Civil) Singapore, P Eng., MIEM



En How, dilahirkan pada Julai 1955, merupakan ketua Projek Unit 2 Bahagian Pembinaan IJM sejak 1998, menyelia projek pembinaan di Bahagian Selatan, Landasan Kereta Api, Bekalan Tenaga dan Air.

Beliau tamat pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda dalam Kejuruteraan Awam daripada University of Singapore pada 1980. Beliau menyertai JKR, Negeri Kelantan, sebagai Jurutera Rekabentuk & Pembangunan selama dua tahun. Pada 1982, beliau menyertai Mudajaya Construction Sdn Bhd sebagai jurutera tapak sebelum menyertai IJM.

Beliau merupakan Pengarah Binh An Water Corporation Ltd. Vietnam, Emas Utilities Corporation Sdn Bhd dan Yangzhong Changjiang Bridge Co. Ltd, Jiangsu Province, China.

Debojit Chowdhury, Pengarah Projek

B. Eng (Civil)



En Chowdhury, dilahirkan pada Mac 1956, telah dilantik sebagai ketua Projek Unit 4 Bahagian Pembinaan IJM sejak 1998, menyelia projek pembinaan dalaman dan Projek-projek Khas.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan daripada University of Singapore pada 1981. Beliau bermula sebagai Jurutera Projek IJM Corporation Berhad (1982 – 1989), Pengurus Projek (1990 – 1992), Pengurus Kanan (1993 – 1996) dan Pengarah Projek sejak 1997.

Beliau sebelum ini terlibat dalam projek luar negeri di Bangladesh dan kini sedang menyelaraskan satu projek BOT di India.

PROFIL PARA PENGARAH, SETIAUSAHA DAN PASUKAN PENGURUSAN KANAN *(Sambungan)*

Ng Chin Meng, Pengarah Negeri (India)

B.Eng, MIEM, P.Eng, MIE Australia, CP Eng



Dilahirkan pada Oktober 1956, tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda dalam Kejuruteraan (Awam) pada 1982 daripada Australia.

Apabila tamat pengajian, beliau bekerja untuk Australian Road Board selama 1½ tahun sebelum kembali ke Malaysia untuk bekerja di beberapa firma perunding di Malaysia. Beliau terlibat dalam pembinaan Lebuhraya Utara Selatan dan banyak Projek Kejuruteraan Awam Berat lain.

Beliau menyertai IJM (Industri) pada 1994 sebagai Pengurus Kanan Projek Jalan.

Dari Mac 1997, beliau telah dihantar untuk menerajui Operasi Kumpulan di India. Beliau pada masa ini adalah Pengarah Eksekutif IJM (India) Infrastructure Ltd. Di bawah pengawasan beliau, banyak projek berprestij telah dijalankan di India, seperti sebahagian daripada lebuhraya konkrit pertama iaitu, Mumbai-Pune Expressway, Projek BOT NH5 dan NH9, selain daripada banyak lagi projek jalan negeri lain, dan pembangunan Perbandaran Bersepadu di Hyderabad, India.

Tan Kiam Choon, Pengarah Projek



En Tan, dilahirkan pada Oktober 1954, telah dilantik sebagai ketua Projek Unit 9 sejak 2003. Beliau menyertai semula Syarikat sebagai Pengurus Kanan pada September 1995, menyelia projek pembinaan di Kawasan Utara.

Beliau tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) daripada Queen's University Belfast pada 1979. Beliau berkhidmat sebagai Jurutera Awam dengan Jabatan Kerja Raya di Ibu Pejabat JKR dan Kota Bharu (1979-1982) dan kemudiannya sebagai Jurutera Makmal dengan Shawinigan Engineering Co. Ltd. untuk Projek Elektrik Hidro Bersia (1982-1983). Sebelum menyertai IJM sebagai Pengurus Projek (1991-1994), beliau menghabiskan masa selama 7 tahun dalam keupayaan yang berbeza terlibat dalam prategasan, bahan konkrit dan pembaikan konkrit. Beliau kemudiannya menyertai semula Syarikat sebagai Pengurus Kanan (1995-1997), Pengurus Besar IJM Management Services Sdn Bhd (1997-1999), dan Pengarah Projek bagi Kawasan Utara (1997-2004).

Yeo Poh Meng, Pengarah Urusan (Torsco Berhad)

P.Eng., M.I.E.M., C.Eng., M.I.Mech.E.



En Yeo, dilahirkan pada Oktober 1952, telah dilantik sebagai Pengarah Urusan Torsco Berhad pada 2001.

Beliau tamat pengajian dengan Diploma dalam Kejuruteraan Mekanikal daripada Maktab Teknik, Kuala Lumpur pada 1972 dan kemudiannya layak sebagai Jurutera Mekanikal. Beliau memulakan kerjayanya pada 1972 dengan Jabatan Kerja Awam.

Pada 1976, beliau menyertai sektor swasta dan mengumpul 15 tahun pengalaman dalam pengurusan projek & pemasaran produk kejuruteraan & perkhidmatan bagi industri penjanaan kuasa serta industri petrokimia, minyak & gas.

Pada 1991, beliau menyertai IJM Corporation Berhad sebagai Pengurus Kanan dalam Bahagian Industri dan telah ditukar ke Torsco Sdn Bhd sebagai Pengurus Besar pada 1995 dan dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Torsco Berhad pada 1998 sebelum memegang jawatan semasanya. Beliau adalah Setiausaha Kehormat Persatuan Pengeluar Peralatan dan Mesin Berat Malaysia (HEMMAM) bagi sesi 2003/2004.

PENYATA NILAI DITAMBAH & PENGAGIHAN

	2003 RM'000	2002 RM'000
Nilai ditambah :		
Hasil	1,363,895	1,295,195
Pembelian barang & perkhidmatan	(1,074,986)	(1,024,844)
Nilai ditambah oleh Kumpulan	288,909	270,351
Bahagian keuntungan daripada syarikat-syarikat bersekutu	35,225	44,090
Bahagian daripada keuntungan entiti kawalan bersama	561	3,838
Kerosotan pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	-	(10,800)
Lain-lain pendapatan pelaburan	68	4,867
Jumlah nilai ditambah	<u>324,763</u>	<u>312,346</u>
Pengagihan :		
Kepada kakitangan		
- Gaji & lain-lain kos kakitangan	68,963	66,905
Kepada Kerajaan		
- Cukai	56,139	53,148
Kepada penyedia modal		
- Dividen	32,205	26,147
- Kos kewangan	23,161	24,124
- Kepentingan minoriti	4,937	16,079
Dikekalkan bagi pelaburan semula & pertumbuhan masa hadapan		
- Susut nilai	25,839	29,547
- Keuntungan tertahan	113,519	96,396
	<u>324,763</u>	<u>312,346</u>

Nilai ditambah adalah pengiraankekayaan dibentuk. Penyata di atas menunjukkan nilai ditambah Kumpulan untuk 2003 dan 2002 dan pengagihannya melalui bayaran kepada kakitangan, kerajaan dan penyedia modal, dengan baki tertahan dalam Kumpulan bagi pelaburan semula dan pertumbuhan masa hadapan

	2003 RM'000	2002 RM'000
<u>Penyesuaian</u>		
Keuntungan bagi tahun	145,724	122,543
Tambah : Susut nilai	25,839	29,547
Kos kewangan	23,161	24,124
Kos kakitangan	68,963	66,905
Cukai	56,139	53,148
Kepentingan minoriti	4,937	16,079
Jumlah nilai ditambah	<u>324,763</u>	<u>312,346</u>

ANALISIS PEMEGANGAN SAHAM

pada 31 Mac 2004

Modal Saham Dibenarkan : RM1,000,000,000
 Modal Diterbitkan & Berbayar : RM389,897,359
 Kelas Saham : Saham Biasa bernilai RM1.00 sesaham
 Hak Mengundi
 Atas tunjukan tangan : 1 undi
 Atas undian pol : 1 undi bagi setiap saham dipegang

PENGAGIHAN PEMEGANGAN SAHAM				
Rangkaian Pemegangan Saham	Bilangan Pemegang Saham	Bilangan Saham	Peratusan Modal Diterbitkan	
Kurang dari 100	167	5,278	0.00%	
100 – 1,000	1,494	1,384,243	0.36%	
1,001 – 10,000	2,057	8,407,937	2.16%	
10,001 – 100,000	523	18,020,271	4.62%	
100,001 sehingga kurang daripada 5% saham diterbitkan	256	222,921,302	57.17%	
5% dan ke atas saham diterbitkan	3	139,158,328	35.69%	
	4,500	389,897,359	100.00%	

DAFTAR PEMEGANG SAHAM UTAMA			
	Bilangan Saham Langsung	Dianggap	Peratusan Modal Diterbitkan
1. Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - Skim Amanah Saham Bumiputera	24,604,494	-	6.311%
2. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	58,172,100	-	14.920%
3. The Capital Group Companies, Inc.	-	24,443,297	6.269%
4. Tronoh Mines Malaysia Berhad	72,142,534	-	18.503%

TIGA PULUH PEMEGANG SAHAM TERBESAR

	Bilangan Saham	Peratusan Modal Diterbitkan
1. Tronoh Mines Malaysia Berhad	72,142,534	18.50%
2. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	42,411,300	10.88%
3. Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn Bhd- Skim Amanah Saham Bumiputera	24,604,494	6.31%
4. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd- Emerging Markets Growth Fund	16,512,714	4.24%
5. Valuecap Sdn Bhd	10,729,300	2.75%
6. Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn Bhd- Amanah Saham Wawasan 2020	10,189,200	2.61%
7. Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn Bhd- Amanah Saham Malaysia	6,981,300	1.79%
8. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd- BBH dan Co Boston untuk GMO Emerging Markets Fund	6,584,600	1.69%
9. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd- Invesco Series (AsianEquityCore)	5,655,500	1.45%
10. Malaysia National Insurance Berhad	5,229,100	1.34%
11. RHB Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - RHB Asset Management Sdn Bhd untuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	4,818,700	1.24%
12. Takaful Nasional Sdn Bhd	4,360,200	1.12%
13. Universal Trustee (Malaysia) Berhad- Mayban Unit Trust Fund	3,731,000	0.96%
14. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd- Capital International Emerging Markets Investment Fund	3,717,000	0.95%
15. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd- T. Rowe Price International Funds untuk New Asia Fund	3,603,600	0.92%
16. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd- Abu Dhabi Investment Authority	3,280,000	0.84%
17. HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd- T. Rowe Price Trust Company, International Common Trust Fund	3,006,700	0.77%
18. Mayban Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - Mayban Investment Management Sdn Bhd untuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (N14011980810)	2,972,000	0.76%
19. Citicorp Nominees (Tempatan) Sdn Bhd- Prudential Assurance Malaysia Berhad (Prulink Equity Fund)	2,813,000	0.72%
20. Cartaban Nominees (Asing) Sdn Bhd - Government of Singapore Investment Corporation Pte Ltd untuk Government of Singapore (C)	2,599,000	0.67%
21. Citicorp Nominees (Asing) Sdn Bhd - Mellon Bank, N.A. for Mellon Newton Universal Growth Funds Limited (Asian Gwth Fund)	2,587,900	0.66%
22. Amanah Raya Nominees (Tempatan) Sdn Bhd- Amanah Saham Didik	2,584,000	0.66%
23. AMMB Nominees (Tempatan) Sdn Bhd- AmTrustee Berhad untuk HLG Penny Stock Fund (5/4-3)	2,544,500	0.65%
24. Citicorp Nominees (Tempatan) Sdn Bhd- Prudential Assurance Malaysia Berhad (Par Fund)	2,179,132	0.56%
25. Mayban Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - Mayban Trustees Berhad untuk RHB Dynamic Fund (N14011200188)	2,050,000	0.53%
26. AMMB Nominees (Tempatan) Sdn Bhd- AmTrustee Berhad untuk Pacific Dividend Fund (5/27-2)	1,895,700	0.49%
27. Cartaban Nominees (Asing) Sdn Bhd- Investors Bank dan Trust Company for Ishares, Inc.	1,876,000	0.48%
28. Citicorp Nominees (Asing) Sdn Bhd- CB LDN untuk Stichting Shell Pensioenfonds	1,850,000	0.47%
29. Cartaban Nominees (Asing) Sdn Bhd- State Street London Fund 28W2 untuk Credit Lyonnais	1,813,253	0.47%
30. Lembaga Tabung Angkatan Tentera	1,805,000	0.46%
	257,126,727	65.94%

ANALISIS PEMEGANGAN WARAN

pada 31 Mac 2004

Waran 2000/2004 : RM54,059,125 belum ditukar

Tarikh Tamat Waran: 28 Ogos 2004

PENGAGIHAN PEMEGANGAN WARAN		Bilangan pemegang Waran	Bilangan Waran	Peratusan Waran Belum Ditukar
Kurang daripada 100	13	531	0.00%	
100 - 1,000	1,046	954,699	1.77%	
1,001 - 10,000	694	2,780,943	5.14%	
10,001 - 100,000	207	7,084,524	13.10%	
100,001 - sehingga kurang daripada 5% waran diterbitkan	67	27,346,600	50.59%	
5% dan ke atas waran diterbitkan	1	15,891,828	29.40%	
	2,028	54,059,125	100.00%	

TIGA PULUH PEMEGANG WARAN TERBESAR

	Bilangan Waran	Peratusan Waran Belum Ditukar
1. Tronoh Mines Malaysia Berhad	15,891,828	29.40%
2. Permodalan Nasional Berhad	2,388,800	4.42%
3. AMMB Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - AmTrustee Berhad untuk HLG Penny Stock Fund (5/4-3)	2,086,000	3.86%
4. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	1,896,100	3.51%
5. Glenfield Enterprise Sdn Bhd	1,488,000	2.75%
6. Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	1,343,000	2.48%
7. Universal Trustee (Malaysia) Berhad- CMS Premier Fund	880,000	1.63%
8. BHLB Trustee Berhad- Prugrowth Fund	845,000	1.56%
9. Goh Chee Koon	715,300	1.32%
10. Universal Trustee (Malaysia) Berhad- SBB Emerging Companies Growth Fund	709,000	1.31%
11. BHLB Trustee Berhad- TA Comet Fund	697,300	1.29%
12. RHB Nominees (Asing) Sdn Bhd- Artradis Barracuda Fund	583,100	1.08%
13. Citicorp Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - CMS Dresdner Asset Management Sdn Bhd untuk Malaysian Assurance Alliance Bhd	572,300	1.06%
14. HSBC Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - HSBC (Malaysia) Trustee Berhad untuk Amanah Saham Sarawak	550,000	1.02%
15. Cartabon Nominees (Asing) Sdn Bhd- DBS Vickers (Hong Kong) Limited untuk Yip Tai Yuen	545,000	1.01%
16. Lim Yong Keat	507,000	0.94%
17. HSBC Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - HSBC (M) Trustee Berhad untuk Prudential Dana Al-Ilham (4173)	445,000	0.82%
18. Norwest Corporation Sdn Bhd	423,100	0.78%
19. Soo Heng Chin	422,000	0.78%
20. John Hancock Life Insurance (Malaysia) Berhad	415,000	0.77%
21. General Technology Sdn Bhd	414,000	0.77%
22. Universal Trustee (Malaysia) Berhad- CMC Islamic Fund	400,000	0.74%
23. Mayban Nominees (Tempatan) Sdn Bhd - Mayban Trustees Berhad untuk Public Ittikal Fund (N14011970240)	394,500	0.73%
24. Seah Hong Ghee (Gee) @ Chair Kow	376,000	0.70%
25. Citicorp Nominees (Tempatan) Sdn Bhd- Prudential Assurance Malaysia Berhad (Par Fund)	309,000	0.57%
26. Ee Ching Wah	300,000	0.55%
27. Neoh Choo Ee & Company Sdn Bhd	295,000	0.55%
28. Affin Nominees (Tempatan) Sdn Bhd- Akaun Sekuriti Dicagar untuk Low Chu Mooi (SXM378)	279,000	0.52%
29. Takaful Nasional Sdn Bhd	276,000	0.51%
30. Ling Hee Leong	259,900	0.48%
	36,706,228	67.91%

PEMEGANAN SAHAM & PEMEGANGAN WARAN PARA PENGARAH

pada 31 Mac 2004

Nama Pengarah	Bilangan Saham Langsung	Bilangan Saham Dianggap	Peratusan Modal Diterbitkan	Bilangan Waran Langsung	Bilangan Waran Dianggap	Peratusan Waran Belum Ditukar
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob	-	-	-	33,400	-	0.062%
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	920,698	344,698 ¹	0.325%	1,447,000	234,000 ¹	3.110%
Goh Chee Koon	377,412	-	0.097%	715,300	-	1.323%
Soo Heng Chin	110,000	-	0.028%	447,000	-	0.827%
Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor	10,333	-	0.003%	-	-	-
Datuk Oh Chong Peng	-	-	-	-	-	-
Datuk Yahya Bin Yaacob	-	-	-	-	-	-
Dato' Goh Chee Keat	406,362	170,132 ²	0.148%	-	-	-
Dato' Ismail Bin Shahudin	-	-	-	-	-	-
Abd Hamid Bin Othman	-	-	-	-	-	-

Nota:-

¹ Melalui ahli keluarga

² Melalui CK Goh Holdings Sdn Bhd

DIARI KORPORAT

14 Januari

ANUGERAH URUS TADBIR KORPORAT PERNIAGAAN MALAYSIA



IJM Corporation Berhad dan Public Bank Berhad telah diisyiharkan pemenang bersama bagi Anugerah Urus Tadbir Korporat Perniagaan Malaysia 2002 yang Pertama. Lebih 850 buah syarikat, yang tersenarai pada MSEB, telah ditapis untuk mengambil bahagian. Lain-lain peserta akhir adalah Malayan Banking Berhad, Nestle Malaysia Berhad dan Esso Malaysia Berhad.

25 Februari

LAWATAN OLEH MENTERI SUMBER MANUSIA KE PCC

Menteri Sumber Manusia, Yang Berhormat Datuk Dr. Fong Chan Onn, telah melawat Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC). Semasa lawatan ke tapak tersebut, beliau telah diberi penerangan ringkas oleh CEO kami mengenai kemajuan projek tersebut.

11 Mac

ANUGERAH MERIT KORPORAT BSCL 2002

Majlis anugerah ini telah diadakan di Palace of the Golden Horses, Mines Resort. IJM telah menerima Anugerah Merit di bawah Sektor Pembinaan sebagai pengiktirafan urus tadbir korporat contohnya.

14 Mac

MENANDATANGANI DOKUMEN KESELAMATAN

Dokumen Keselamatan bagi projek-projek Bina-Kendali-Pindah kami di India, Projek Rewa dan Satna telah ditandatangani pada hari ini. Anggaran kos kedua-dua projek ini adalah masing-masing RM92 juta dan RM45 juta.

26 April

MAJLIS MAKAN MALAM TAHUNAN 2003



Kami merayakan Makan Malam Ulang tahun Ke-20 kami di Hotel Sunway Lagoon Resort. CEO kami, Dato' Krishnan Tan, adalah antara 14 orang kakitangan yang menerima Anugerah Perkhidmatan 20 Tahun.

9 Jun

UPACARA PENYERAHAN PUSAT KONVENTSYEN PUTRAJAYA OLEH PUTRAJAYA HOLDINGS SDN BHD KEPADA KERAJAAN MALAYSIA



Bekas Perdana Menteri kita, Tun Dr Mahathir Mohamad telah menyaksikan upacara penyerahan Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) yang telah siap kepada Kerajaan Malaysia. Ini sesungguhnya merupakan suatu detik yang membanggakan memandangkan PCC menjadi satu lagi ikon untuk negara yang diiktiraf secara meluas, yang siap dibina oleh IJM.

2 Julai

UPACARA PENYENARAIAN AWAL IJM PLANTATIONS BERHAD PADA PAPAN UTAMA MSEB



Saham-saham IJM Plantations Berhad dibuka pada harga 99 sen, 49 sen di atas harga yang dirizabkan. Ia merupakan kaunter kedua paling aktif pada hari tersebut. Saham-saham telah didagangkan pada harga tinggi sebanyak RM1.15 dan pada harga rendah sebanyak 77.5 sen. Ia ditutup pada harga 79.5 sen atas jumlah keseluruhan sebanyak 20.309 juta saham.

17 Julai

CEO KAMI DIKURNIAKAN GELARAN D.S.P.N.



CEO kami Dato' Krishnan Tan telah dikurniakan Darjah Setia Pangkuan Negeri (D.S.P.N.) yang membawa gelaran Dato' pada majlis sambutan ulang tahun ke-65 Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas.

28 Julai

LAWATAN OLEH PASUKAN PELABUR KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)

Sekumpulan enam orang pegawai daripada KWSP telah datang melawat syarikat kami untuk mendapatkan kefahaman yang lebih jelas mengenai operasi kami, isu-isu dan cabaran yang dihadapi oleh IJM. Lawatan ini adalah sebahagian daripada amalan am pelaburan KWSP untuk melawat syarikat-syarikat dalam mana mereka mempunyai pemegangan besar.

1 Ogos

ANUGERAH PERKHIDMATAN PERTUBUHAN JURUBINA-JURUBINA UTAMA MALAYSIA 2003



Timbalan CEO IJM, Goh Chye Koon, telah diberi anugerah di atas di bawah kategori Emas (15 tahun) bagi memegang jawatan Timbalan Setiausaha Agung dari Julai 1988 hingga Jun 1990, Naib Presiden dari Julai 1990 hingga Jun 2002 dan Timbalan Presiden sejak Julai 2002.

12 Ogos

PERLUMBAAN RAT RACE TAHUNAN KUALA LUMPUR THE EDGE 2003

IJM telah mengambil bahagian dalam acara tahunan ini selama 4 tahun berturut-turut. Pasukan ini sekali lagi telah memperkenalkan prestasi yang membanggakan dan telah muncul



sebagai pemenang tempat kedua. Pasukan sorak kami yang berwarna-warni juga turut hadir untuk memberikan sokongan kepada pelumba-pelumba kami.

12 September

12 September



Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan telah menganugerahkan IJM dengan Anugerah Projek (Kategori Bangunan Besar) bagi Pusat Konvensyen Putrajaya yang berprestij dan canggih. CEO kami telah hadir untuk menerima anugerah ini di Hotel Sunway Lagoon Resort, Subang Jaya. Sementara itu, Dato' Goh Chye Keat, Pengarah Bukan Eksekutif IJM dan bekas Pengarah Urusan Kumpulan telah dianugerahkan Anugerah Pengusaha Cemerlang. Anugerah ini diberikan sebagai pengiktirafan sumbangan beliau ke arah kemajuan industri Pembinaan Malaysia.

4 Oktober

LAWATAN TUN DR MAHATHIR KE PERPUSTAKAAN YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA



Perpustakaan Putrajaya – satu lagi projek yang baru disiapkan oleh IJM dalam tempoh rekod 8 bulan – telah dikunjungi oleh Tun Dr Mahathir Mohamad. Perpustakaan ini, merupakan sebuah blok pejabat dua tingkat, terdiri daripada perpustakaan utama, auditorium, dewan bankuet, dewan pelbagai guna, dll. Ia akan menempatkan pejabat Tun Dr Mahathir dan Yayasan Kepimpinan Perdana.

14 - 19 Oktober

EKSPOSISI PERTUBUHAN NEGARA-NEGARA ISLAM (OIC)

Ini adalah perasmian Eksposisi OIC, yang dirancang sebagai terbesar di rantau ini. IJM merupakan salah satu daripada syarikat yang mengambil bahagian dalam pameran tersebut. Ia adalah peluang bagi syarikat-syarikat kecil, sederhana dan besar untuk memasarkan barang dan perkhidmatan mereka kepada beberapa negara OIC.

4 Disember

IJM MEMENANGI ANUGERAH NACRA



Komitmen dan hasrat IJM untuk mengeluarkan laporan tahunan yang membanggakan, yang bersesuaian dengan objektif kami untuk mempertingkatkan hubungan pelabur dan komunikasi pemegang-pemegang saham, meraih pulangan yang besar apabila dianugerahkan Anugerah Laporan Korporat Nasional (NACRA) di bawah kategori Kecemerlangan Industri (Syarikat-syarikat Projek Pembinaan dan Infrastruktur) bagi tahun 2002. CEO kami, Dato' Krishnan Tan telah menerima anugerah daripada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, pada upacara majlis yang diadakan di Palace of the Golden Horses, Kuala Lumpur.

10 Disember

10 Disember

Lebih daripada 200 sekutu perniagaan IJM yang terlibat dalam kejayaan penyiapan Pusat Konvensyen Putrajaya telah dijemput ke upacara ringkas di Kompleks Sukan IJM-COBRA. Para hadirin majlis tersebut telah diberikan plak dan lain-lain cendramata.

PENYATA PENGERUSI



“ Kami kekal optimistik yang kami dapat mengharungi persekitaran pembinaan yang rumit dan menghasilkan prestasi pendapatan yang boleh dibanggakan pada 2004. ”

Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob
Pengerusi

PENGENALAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah IJM Corporation Berhad, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2003.

PERSEKITARAN OPERASI

Pada tahun 2003, ekonomi Malaysia telah berkembang pada kadar 5.2% berbanding dengan 4.2% pada 2002, lebih baik daripada jangkaan.

Pada awal tahun, sentimen pengguna dan perniagaan terjejas dengan teruk oleh peperangan di Iraq, dan wabak virus Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS). Untuk menangani ekonomi yang lembap, pada Mei 2003, Kerajaan secara proaktif menyediakan pakej langkah-langkah menggalakkan pertumbuhan menyeluruh. Langkah-langkah merangsang keyakinan ini disertai dengan berkurangnya kesusahan geopolitik global pada pertengahan kedua tahun 2003 telah mendorong ekonomi Malaysia untuk pulih. Ke arah penghujung tahun, keyakinan pengguna, dengan itu perbelanjaan, meneruskan momentum menaiknya dibantu oleh pendapatan eksport yang menggalakkan daripada sektor pengilangan, harga komoditi yang tinggi dan kesan kekayaan positif hasil daripada pasaran saham yang bertambah baik.

Persekitaran bagi perniagaan teras kami sesungguhnya amat mencabar. Sejak krisis kewangan Asia, Malaysia telah mengamal polisi fiskal pengembangan dan polisi monetari yang bertolak ansur untuk merangsang ekonomi domestik agar momentum pertumbuhan dapat dikenalkan. Menyedari defisit bajet yang tinggi akan melemahkan ekonomi dalam jangka panjang, Kerajaan telah mula melaksanakan langkah-langkah penyatuan fiskal yang disasarkan pada bajet seimbang pada masa hadapan berdekat. Kerajaan semakin berhati-hati dalam menawarkan projek-projek infrastruktur awam dengan pelaksanaan beberapa projek kos tinggi dikaji semula.



Bangunan Parcel E di Putrajaya



Jelutong Expressway di Pulau Pinang

Namun demikian, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah tambahan untuk meningkatkan peranan sektor swasta sebagai penyedia peluang. Melalui Paket Strategi Baru pada Mei 2003, Kerajaan memperkenalkan beberapa langkah dan insentif baru termasuk insentif bagi pemilik-pemilik rumah pertama di bawah projek Pemilikan Rumah bagi Rakyat (HOPE) untuk merangsang sektor-sektor harta dan pembinaan serta juga menyediakan perumahan yang mampu dibeli kepada kumpulan pendapatan lebih rendah.

Sungguhpun sektor pembinaan tumbuh sebanyak 2.5% (2002 : 2.3%), tahap keseluruhan peluang pembinaan baru adalah kekurangan dan ini dapat dilihat dalam tahap rendah peningkatan buku tempahan di kalangan kebanyakan syarikat pembinaan. Prestasi baik kebanyakan syarikat pembinaan, termasuk IJM boleh dikaitkan kepada kerja-kerja yang diperolehi pada tahun-tahun yang lepas.

KEPUTUSAN OPERASI

Kumpulan kami mengakhiri tahun 2003 dengan prestasi sebelum cukai yang lebih baik secara keseluruhan, pencapaian rekod dalam jumlah dagangan dan keuntungan kendalian, sebelum perkara terkecuali. Bagi tahun kewangan semasa, Kumpulan memperolehi hasil sebanyak RM1,363.89 juta dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM206.8 juta. Peningkatan dalam hasil sebanyak 5.3% berbanding tahun lepas adalah terutamanya disebabkan oleh hasil yang lebih tinggi dicapai oleh bahagian Pembinaan, Harta dan Industri dan syarikat bersekutu Perladangan. Peningkatan sebanyak 7.8% dalam keuntungan sebelum cukai berbanding tahun lepas adalah terutamanya akibat daripada sumbangan lebih baik dari bahagian Harta dan Industri, dan syarikat bersekutu Perladangan. Jika diketepikan elemen terkecuali dalam

keuntungan 2002, prestasi sebelum cukai 2003 sebenarnya meningkat sebanyak 17.05%. Di sebalik itu, keuntungan bersih Kumpulan meningkat sebanyak 18.9% disebabkan kadar cukai berkesan yang lebih rendah dan bahagian keuntungan yang berkurangan yang perlu diagih kepada kepentingan minoriti.

Di sebalik tahap baru pelaburan dalam projek infrastruktur, pada akhir 2003 Kumpulan mencapai tahap hutang berbanding ekuiti sebanyak 12.41% (2002 : 13.72%) paling rendah pernah dicapai oleh Kumpulan. Kawalan kredit yang ketat, kutipan hutang yang cekap dan penggunaan lebih baik keupayaan semuanya menyumbang kepada keputusan ini.

TINJAUAN PERNIAGAAN BAGI 2004 DAN STRATEGI OPERASI

Sehingga kini semua petunjuk membayangkan ekonomi dunia yang lebih baik untuk 2004. Pertumbuhan pada kadar lebih tinggi sebanyak 4% adalah dijangkakan. Ekonomi-ekonomi utama seperti US, Eropah, China, India dan Jepun dijangka akan mencatat laba yang membanggakan, di sebalik beberapa risiko kurang baik datang dari ancaman serangan pengganas dan ketakpastian dalam pasaran mata wang.

Bagi Malaysia, Bank Negara telah meramalkan kadar pertumbuhan sebanyak 6 – 6.5% yang boleh dicapai selepas mengambil kira perangkaan ekonomi dan dagangan beberapa bulan yang lepas. Kejayaan besar parti gabungan Barisan Nasional yang memerintah dalam pilihannya akan memanjangkan kesan "rasa selesa" yang mencetus perbelanjaan pengguna manakala keyakinan yang diperbaharui itu akan membawa masuk lebih

PENYATA PENGERUSI (*Sambungan*)

banyak pelaburan langsung asing dan dana asing kepada pasaran saham, menambahkan lagi ransangan kepada ekonomi Malaysia.

Namun demikian, penekanan ekonomi masa hadapan kerajaan kelihatannya berdasarkan penyatuhan fiskal disasarkan pada bajet seimbang pada masa hadapan berdekatan manakala menyediakan persekitaran monetari bertolak ansur yang sesuai bagi peranan sektor swasta yang lebih dinamik dan bertenaga dalam ekonomi. Ini jelas kelihatan dalam Bajet 2004 yang, antara lain, telah menyaksikan pengurangan sebanyak 21% dalam peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan awam. Seruan oleh kerajaan kepada kontraktor-kontraktor tempatan untuk mempertingkatkan eksport perkhidmatan sedemikian adalah petunjuk selanjutnya masa depan yang cerah bagi sektor ini.

Menjangkakan kenyataan yang akan muncul ini, Kumpulan telah beberapa tahun yang lepas mengambil langkah-langkah untuk mengembangkan operasi di luar negeri manakala menyusun dirinya semula untuk mengambil kontrak sektor swasta tempatan yang lebih berdaya saing. Strategi kami dalam hubungan ini sedang mendatangkan hasil.

Sementara itu, kami menjangka lebih banyak cabaran dari segi kos. Harga bahan mentah yang meningkat dan kekurangan bekalan akibat kenaikan harga minyak, kelemahan Dolar dan pertumbuhan pesat negara China akan terus memberi kesan ke atas kos.

Manakala prospek bagi Bahagian Pembinaan kelihatan amat mencabar, Bahagian Harta dijangka akan menyaksikan prospek yang lebih baik. Dalam jangkaan sambutan positif kepada pakej rangsangan kerajaan, pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh serta juga kadar faedah yang rendah dalam persekitaran kecairan yang melimpah, Bahagian Harta akan melancar lebih banyak produk inovatif di Lembah Kelang dan Pulau Pinang, di samping meneruskan dengan fasa-fasa baru projek-projek sedia adanya. Di luar negeri, sambutan yang amat menggalakkan kepada projek perumahan sulung kami, Kukatpally di Hyderabad, India, projek perumahan swasta pertama oleh sebuah syarikat Malaysia, memberi keyakinan tambahan bagi penglibatan lebih besar dalam pasaran India.



Tol Tada-Nellore, India

Lain-lain bahagian seperti Industri dan Perladangan dijangka mempamerkan prestasi lebih baik. Jualan lebih tinggi batu kelikir dan konkrit campur siap adalah dijangkakan daripada Bahagian Industri manakala pengeluaran gugusan buah-buah segar (FFB) yang sedang meningkat dan harga Minyak Sawit Mentah (CPO) yang meningkat boleh membawa sumbangan yang lebih tinggi kepada Kumpulan walaupun kepentingan ekuiti Kumpulan telah berkurangan daripada 100% kepada 49.4%.

Bahagian Infrastruktur yang menyaksikan sumbangan lebih rendah pada 2003 akan menyaksikan permulaan baru di India. Berikutnya penyiapan Lebuhraya Ekspres Bertol Tada – Nellore (milik 35%) baru-baru ini yang dibina atas dasar Bina-Kendali-Pindah (BOT) dan jangkaan penyiapan dua Lebuhraya BOT milik penuh di Rewa dan Satna, aliran pendapatan berulang baru telah diwujudkan. Sungguhpun sumbangan permulaan adalah sedikit, projek-projek ini akan menyumbang secara positif pada tahun-tahun akan datang.

Secara keseluruhan, keadaan perniagaan dijangka mencabar dan bersaingan, terutamanya dengan kenaikan harga bahan binaan dan bilangan kecil kontrak kerajaan. Walau bagaimanapun, kami mempunyai buku tempahan sedia ada yang baik dan rekod prestasi yang baik dalam kontrak antarabangsa. Kami meramalkan jualan harta yang lebih baik. Harga produk sawit dijangka akan kekal kukuh pada 2004. Dengan itu, kami kekal optimistik yang kami dapat mengharungi persekitaran pembinaan yang rumit dan menghasilkan prestasi pendapatan yang boleh dibanggakan pada 2004. Komentari bagi bahagian perniagaan Kumpulan yang selanjutnya dibincang dalam Ulasan Operasi Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan.

DIVIDEN

Memandangkan prestasi operasi dan aliran tunai yang lebih baik, jumlah bayaran keluar dividen bagi 2003 telah ditambah kepada 15%. Dividen interim pertama sebanyak 5% atau 5 sen setiap saham tolak cukai sebanyak 28% telah diisyiharkan dan dibayar pada 14 November 2003. Dividen interim kedua sebanyak 10% atau 10 sen sesaham tolak cukai sebanyak 28% telah diisyiharkan. Ahli-ahli yang berhak yang berada dalam daftar pada 30 April 2004 akan dibayar pada 21 Mei 2004. Tiada dividen akhir dicadangkan bagi tahun kewangan 2003.

Dalam tahun ini, selain daripada dividen tunai, Syarikat membuat pengagihan modal sebanyak RM137.49 juta saham IJM Plantations Berhad (IJMP) bernilai 50 sen setiap saham dalam nisbah 2 saham IJMP bagi setiap 5 saham IJM. Ini adalah bersamaan dengan pengagihan 37 sen setiap saham. Pengagihan ini merupakan testimoni usaha kami untuk meningkatkan pulangan kepada pemegang-pemegang saham.

CADANGAN KORPORAT

Pada 29 April 2002, Syarikat mengumumkan penyempurnaan tandatangan Perjanjian Pemindahan Penyenaraian di antara Pentadbir Khas Rahman Hydraulic Tin Berhad (RHTB), IJM Corporation Berhad (IJM) dan IJM Plantations Sdn Bhd (IJMP), anak syarikat milik penuh IJM, bagi cadangan pengambilalihan status penyenaraian RHTB untuk membolehkan penyenaraian IJMP. Butir-butir skim telah diumumkan pada 28 Jun 2002. Penyenaraian IJMP pada Papan Utama MSEB telah selesai dilaksanakan pada 2 Julai 2003 dan IJMP menjadi syarikat bersekutu 49% Kumpulan.

URUS TADBIR KORPORAT

Penyata mengenai urus tadbir korporat kami boleh didapati pada muka surat 42 hingga 51.

Tidak ada sanksi dan/atau penalti yang dikenakan ke atas Syarikat dan anak-anak syarikatnya, para pengarah atau pihak pengurusan oleh badan-badan berkanun berkaitan pada 2003.

URUSNIAGA PIHAK BERKAITAN

Urusniaga pihak berkaitan Kumpulan bagi 2003 dinyatakan dalam Nota 44 kepada penyata kewangan. Nota ini juga membentangkan urusniaga berulang dilakukan dalam tempoh selaras dengan mandat am yang diperolehi daripada pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Luarbiasa yang diadakan pada 21 Mei 2003.

Kecuali bagi yang dibentangkan dalam Nota 44 kepada penyata kewangan, tidak ada kontrak material Kumpulan melibatkan kepentingan para pengarah dan pemegang saham utama dalam tempoh masa berkenaan.

PENGHARGAAN

Sepanjang 20 tahun yang lepas, kita telah menyaksi IJM maju setapak demi setapak dengan kejayaan dan anugerah baru tercapai tahun demi tahun. Ini adalah testimoni kepada komitmen tidak berbelah-bagi kepada kecemerlangan oleh orang IJM.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada para pengarah, pihak pengurusan dan semua kakitangan Kumpulan bagi komitmen padu dan sumbangan mereka ke arah kejayaan berterusan Kumpulan kita. Tahun 2004 akan amat mencabar tetapi saya yakin Kumpulan akan mengatasi cabaran-cabaran ini seperti masa lalu dan terus berusaha untuk mencapai kejayaan baru. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pemegang-pemegang saham, rakan-rakan sekutu, pelanggan-pelanggan, jurubank, subkontraktor-subkontraktor dan pembekal-pembekal atas sokongan berterusan mereka kepada Kumpulan.

Lembaga dan saya juga ingin merakamkan penghargaan ikhlas kami kepada En Lai Meng yang bersara daripada Lembaga pada 30 September 2003. Saya juga mengalaukan kedatangan Dato' Ismail bin Shahudin dan En Abd Hamid bin Othman, yang telah dilantik sebagai Pengarah-pengarah bukan eksekutif pada 30 Oktober 2003 dan 25 Mac 2004 masing-masing. Saya yakin mereka akan membawa timbunan pengalaman dan perbincangan di Lembaga. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada CEO kami, Dato' Krishnan Tan atas penganugerahan darjah Dato' oleh Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang pada 17 Julai 2003.

Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman
bin Wan Yaacob
Pengerusi

14ha site: Maiden project awaits Andhra State Govt's nod

IJM teams up with Indian firm to develop township

RM3bil project: Casa Ispina offers 182 units of upmarket superlink town houses

IJM moves into high-end properties in JB

BUSINESS TIMES

Companies & Strategies 9

IJM bucks the trend

ULASAN OPERASI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF




Pembinaan



Harta



Industri



Perladangan



Infrastruktur

Tahun 2003 merupakan tahun yang penuh peristiwa. Banyak kejayaan penting telah dicapai di tengah-tengah persekitaran perniagaan yang begitu mencabar. Serentak dengan itu, pengaturan semula perniagaan teras Kumpulan untuk menyesuaikan padan keadaan-keadaan yang pesat berubah terpaksa dibuat untuk mengekalkan pertumbuhan masa hadapan.

Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan
CEO & Pengarah Urusan



ULASAN OPERASI • PEMBINAAN



“
Bahagian Pembinaan terus menjadi penyumbang terbesar kepada prestasi Kumpulan pada 2003.
”

“
Pemerolehan projek-projek baru dalam negara dijangka akan menjadi semakin bersaing...

...Kumpulan akan memusatkan usaha-usahanya untuk membentuk nic dalam pasaran baru luar negeri sambil menyusun semula strategi-strategi pasarannya ke arah perniagaan sektor swasta.
”

Kiri ke kanan: Tan Gim Foo (Pengarah Projek), Tuan Haji Mohd Razin Ghazali (Pengurus Kanan - Pembangunan Perniagaan), Debojit Chowdhury (Pengarah Projek), Goh Chye Koon (Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif & Timbalan Pengarah Urusan), Tan Kiam Choon (Pengarah Projek), Phoon Wai Weng (Pengurus Besar), Kok Fook Yu (Pengurus Kanan - Malaysia Timur), How See Hock (Pengarah Projek), Soo Heng Chin (Pengurus Besar Kanan & Pengarah Eksekutif) & Ng Chin Meng (Pengarah Negeri - India)

Pertumbuhan positif dalam sektor pembinaan Malaysia kekal pada 2.5% (2002: 2.3%) di sebalik kesan kurang baik peperangan di Iraq dan wabak SARS. Perbelanjaan kerajaan ke atas projek-projek awam masih lagi menjadi kekuatan utama dalam mengekalkan kegiatan pembinaan dalam negara.

Bahagian Pembinaan terus menjadi penyumbang terbesar kepada prestasi Kumpulan pada 2003. Hasil dan keuntungan sebelum cukai Bahagian Pembinaan masing-masing melebihi RM1 bilion dan RM100 juta dalam dua tahun berturut-turut. Hasil Bahagian sekali lagi mencapai tahap tertingginya pada 2003, meningkat sedikit sebanyak 1.04% kepada RM1,132.27 juta (2002: RM1,120.67 juta). Di sebalik perubahan dalam campuran produk dengan bahagian ini melaksanakan perkadarannya yang lebih besar dalam projek bangunan dengan margin yang lebih rendah dan kenaikan harga bahan-bahan pembinaan seperti palang keluli, disel dan bitumen, Bahagian ini mencapai keuntungan sebelum cukai sebanyak RM101.60 juta (2002: RM104.61 juta), mengekalkan margin sebanyak 8.98%.

Kumpulan menyerahkan semua projek yang dijadualkan untuk siap pada 2003 mengikut masa yang ditetapkan kepada klien-klien kami. Antaranya adalah Pusat Konvensyen Putrajaya bernilai RM603 juta yang merupakan kontrak pembinaan Kumpulan yang paling besar pernah diperolehi. Dinamakan sebagai “ikon negara”, ia telah disiapkan sempat untuk menganjurkan Persidangan Pertubuhan Negara-negara Islam ke-10. Projek ini, yang telah dianugerahkan dengan Anugerah



Bangunan Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya

ULASAN OPERASI • PEMBINAAN (*Sambungan*)



Dewan Ketua Negara



Ruang Tanpa Tiang Dewan Plenari dengan kapasiti tempat duduk sebanyak 3,000



Restoran di perimeter dataran



Salah satu ruang tanpa tiang dewan bankuet yang terbesar di Malaysia

Kecemerlangan CIDB di bawah kategori Bangunan Utama, menjadi testimoni kepada keupayaan berterusan Kumpulan untuk melaksanakan projek serah kunci canggih dalam tempoh masa yang singkat dan mengikut taraf kualiti yang cemerlang.

Lain-lain projek besar yang berjaya disiapkan oleh Kumpulan dalam tahun termasuk Lebuhraya Ekspres Jelutong (Peringkat 1) di Pulau Pinang, Bangunan Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya, dan Kondominium Mentari, apartmen Taman Wahyu dan Bukit Baru, semuanya di Kuala Lumpur.

Di India, penyiapan bahagian kami dalam Lebuhraya Tol Ekspres Tada-Nellore bernilai RM184.45 juta tiga bulan lebih awal daripada jadual menunjukkan satu lagi kejayaan bagi Kumpulan memandangkan projek tersebut menjadi projek penswastaan jalanraya bertol pertama Kumpulan di India.

Di sebalik suasana perniagaan yang sukar dalam industri pembinaan tempatan, Kumpulan telah berjaya memperolehi projek-projek baru berjumlah RM935 juta pada 2003 bertujuan untuk mengisi buku tempahan kami dan dijangka akan memastikan Kumpulan sentiasa sibuk untuk tempoh 1 hingga 2 tahun yang akan datang. Di antara projek-projek besar yang berjaya diperolehi di peringkat tempatan termasuk projek pembangunan campuran Cahaya Alam di Shah Alam (RM272.00 juta), Pakej Jalan Lingkaran Luar Butterworth 1B (Seksyen 1, 2 & 3) dan Pakej 3 di Pulau Pinang (RM224.27 juta) dan Fasa 2 & 3 projek Alam Warisan di Putrajaya (RM172.94 juta). Di India, kontrak bagi pembinaan saluran jejambat Delhi Metro telah diperolehi pada nilai kontrak sebanyak RM128 juta.

Pemerolehan projek-projek baru dalam negara dijangka akan menjadi semakin bersaing memandangkan Kerajaan cuba untuk menangani defisit bajet sepanjang beberapa tahun yang akan datang dengan menghadkan perbelanjaan



Kondominium Mentari di Kuala Lumpur

pembangunan dan menangguh beberapa projek utama. Sektor pembinaan akan selanjutnya menjadi lebih mencabar akibat kenaikan harga bahan. Pertumbuhan ekonomi dunia dijangka sebanyak 4% dan tahap pertumbuhan yang melonjak di China, dan sekarang di India, selanjutnya akan mengekang keupayaan dan mencetus kenaikan harga input. Turun naik mata wang juga akan menambah kepada dimensi ketakpastian selanjutnya.

Kumpulan akan memusatkan usaha-usahanya untuk membentuk nic dalam pasaran baru luar negeri sambil menyusun semula strategi-strategi pasarnya ke arah perniagaan sektor swasta. Dalam hubungan ini, Kumpulan sedang meningkatkan penyusunan semulanya untuk menawarkan penyelesaian menyeluruh termasuk pembelian tanah, kelulusan rekabentuk dan pembinaan untuk berjaya mendapat kerja-kerja. Sedikit sebanyak kejayaan telah dilihat dalam hubungan ini melalui projek bangunan Commerce Asset Holding Berhad dan projek pasaraya hiper Tesco. Dari segi kos, pihak pengurusan akan sentiasa berjaga-jaga untuk melindung nilai beberapa risiko di samping secara proaktif mengurus risiko-risiko ini.



KHIDMAT SOKONGAN PEMBINAAN

Duduk dari kiri ke kanan: Soo Heng Chin (Pengurus Besar Kanan & Pengarah Eksekutif),

Choo Lai Fong (Pengurus Kanan - Pembelian & Stor) & Pang Sek Loh (Pengurus Kanan - Teknikal)

Berdiri dari kiri ke kanan: Ng Yock Yin (Pengurus Kanan - Kontrak), Mohammad Albakri Bin Tajuddin (Pengurus - Keselamatan & Kesihatan), Toh Teck Soon (Pengurus Kanan - M&E), Tuan Haji Mohd Razin Ghazali (Pengurus Kanan - Pembangunan Perniagaan), Chang Khee @ Chang Pheng Kee (Pengurus Kanan - Bengkel), Siva Kumar s/o Rajappan (Pengurus - Sistem Kualiti) & Wee Kee Hong (Pengurus Kanan - Akaun & Kewangan)



ULASAN OPERASI • HARTA

“ Bahagian mencapai keputusan yang meyakinkan dengan keuntungan pra-cukai yang bertambah baik sebanyak RM35.77 juta. ”

“ Bahagian juga akan cuba untuk membentuk nic dalam menyediakan “pembangunan dibina khas kepada klien-klien berpotensi. ”

“ Di bahagian luar negeri, Bahagian akan meneruskan penumpuannya di India untuk mengukuhkan penyertaannya dalam pasaran perumahan berkelompok yang semakin berkembang. ”



Duduk dari kiri ke kanan: Lee Phaik See (Pengurus Jualan & Pemasaran), Low Eng Bee (Pengurus Pemasaran Kanan), Teh Kean Ming (Pengurus Besar Kumpulan - Harta), Karam Singh a/l Sadhu Singh (Pengurus Kanan) & Ng Hay Lian (Pengurus)

Berdiri dari kiri ke kanan: Toh Chin Leong (Jurutera Kanan), Tan Aik Hong (Pengurus Kanan), Colin Ivan Samson (Pengurus - Penghubungan), Khoo Kah Hock (Pengurus - Kewangan), Ch'ng Ewe Ghee (Penolong Pengurus - Kontrak), Tham Hueng Cheong (Pengurus Cawangan) & Oye Kheng Hoon (Pengurus Cawangan)

Tahun 2003 amat mencabar bagi Bahagian. Dalam suku tahun pertama 2003, sentimen-sentimen pasaran telah dilembapkan oleh ketakpastian peperangan di Iraq, dan berhampiran dengan negara, wabak SARS. Pakej ransangan ekonomi kerajaan yang diumumkan pada 21 Mei 2003 adalah satu titik perubahan bagi pasaran harta. Pakej termasuk pengecualian duti setem bagi harta di bawah RM180,000, kebolehan ditolak cukai ke atas kos faedah bagi pembeli rumah buat pertama kalinya dan penepian satu tahun ke atas Cukai Keuntungan Harta Tanah berkuatkuasa dari 1 Jun 2003. Sentimen-sentimen pasaran terus menunjukkan peningkatan dari Suku Tahun ketiga berikutnya dengan pembendungan wabak SARS, ekonomi global dan tempatan yang bertambah baik dan berita-berita positif dalam pasaran saham.



Fasa 4 Riana Green, Petaling Jaya

Sejajar dengan keadaan pasaran yang semakin bertambah baik, Bahagian mencapai keputusan yang meyakinkan dengan keuntungan sebelum cukai yang bertambah baik sebanyak RM35.77 juta (2002: RM19.73 juta) berdasarkan jumlah dagangan sebanyak RM204.38 juta (2002: RM160.65 juta), mewakili peningkatan masing-masing sebanyak 81.34% dan 27.22%. Margin keuntungan keseluruhan adalah lebih tinggi disebabkan oleh campuran produk yang lebih baik dengan sumbangan yang lebih tinggi hasil daripada projek margin yang lebih tinggi di samping jualan beberapa tanah yang bukan strategik di wilayah utara.

Di Pulau Pinang, projek pembangunan seperti projek pembangunan campuran Bandar Sri Pinang dan kilang perindustrian Fortune Park bersama dengan Peringkat 1 Lebuhraya Ekspres Jelutong yang baru sahaja disiapkan di Bandar Georgetown, bangunan peruncitan merangkap pejabat E-Gate bersama dengan skim perumahan Jalan Udini dan Taman Idaman di Simpang Ampat menyumbang kepada prestasi Bahagian yang bertambah baik. Sumbangan daripada projek pembangunan Lembah Klang datang daripada skim perumahan Desa Latania di Klang dan Riana Green Fasa 4 di Petaling Jaya. Lain-lain penyumbang kepada Bahagian dalam tahun termasuk Pasar Besar NS di Seremban, kedai Bistari Impian di Johor dan skim perumahan Taman Utama di Sandakan, Sabah.

Projek baru yang dilancarkan dalam tahun termasuk rumah besar berangkai Casa Impiana di Johor, Shop 15 di Bandar Sri Pinang, fasa-fasa baru skim perumahan Taman Idaman, Taman Utama dan Desa Latania, dan projek perindustrian Fortune Park. Kadar pembelian semua pelancaran ini adalah baik.

Progres dalam bahagian luar negeri juga membawa kepada optimisme bagi masa hadapan. Di Australia, anak syarikat IJM Australia telah memulakan pembangunan di kawasan seluas 10,000 meter persegi harta perindustrian di Sydney. Pembinaan dijangka akan disiapkan pada 2004. Sementara itu, syarikat bersekutu mitik 50%, OSW Properties telah menyiapkan 6,573 meter persegi ruang pejabat dan kompleks runcit di Sydney. Jualan dan penyeawaan dijangka akan bermula pada 2004.

Usahaniaga harta sulung Kumpulan di India, projek pembangunan campuran Kukatpally di Hyderabad – sebuah usahasama dengan kerajaan Andra Pradesh – telah dilancarkan menjelang akhir 2003. Kadar pembelian melebihi jangkaan kami dan dijangka akan menyumbang secara positif kepada perolehan masa hadapan.

Pasaran harta Malaysia dijangka akan menunjukkan tandanya peningkatan selanjutnya pada 2004 dengan harapan ekonomi global dan tempatan yang bertambah baik dan persekitaran kadar faedah rendah yang selesa. Namun demikian Bahagian menjangkakan persekitaran kendalian untuk kekal mencabar dengan bekalan baru yang lebih daripada mencukupi muncul di pasaran dan kenaikan kos.

Bil-bil progres ke atas jualan yang telah dikomitkan daripada projek semasa dijangka menyumbang dengan banyaknya kepada prestasi Bahagian pada 2004. Selain daripada usaha-usaha padu Bahagian untuk menjual unit-unit sedia ada daripada projek semasa, Bahagian



Alpine Tower, e-Kondo yang pertama di Pulau Pinang

akan juga meneruskan dengan beberapa projek baru di lokasi strategik. Projek baru yang akan dilancarkan pada 2004 akan termasuk projek pembangunan campuran yang akan dibina di atas tanah seluas 66 ekar yang baru dibeli yang terletak di kawasan perbandaran matang di Cheras, Kuala Lumpur dan projek kondominium Bayswater di MetroEast yang membentuk sebahagian daripada Skim Pembangunan Jelutong di Pulau Pinang. Bahagian akan juga terus melancarkan fasa-fasa baru beberapa projek dalam pelaksanaan yang sedia ada.

Bahagian juga telah memulakan pembangunan “bina & pajak” atas dasar pajakan jangka panjang bagi klien-klien yang bereputasi baik. Projek sulung adalah bangunan pasaraya hiper di Pulau Pinang yang akan dipajak kepada Tesco Stores, pengendali pasaraya hiper utama, sepanjang tempoh selama 30 tahun. Projek ini dijangka akan menyumbang kepada pendapatan sewa berulang kepada Bahagian bermula lewat 2004.

Bahagian juga akan cuba untuk membentuk nic dalam menyediakan “pembangunan dibina khas” kepada klien-klien berpotensi. Ini melibatkan penawaran “penyelesaian menyeluruh” daripada pencarian tanah serta juga mendapat kelulusan pembangunan dan pembinaan harta, khusus mengikut keperluan dan keutamaan klien-klien.

Berhubung dengan Bahagian Pembinaan, 2003 telah menyaksikan Bahagian menyusun semula strategi-strateginya. Di Malaysia, Bahagian akan terus mengembangkan simpanan tanahnya terutamanya dalam kawasan berkembang pesat dan strategik manakala menjual atau melupuskan stok tanah yang tidak sesuai dengan pelan strategik Bahagian. Bahagian juga akan terus mencari usahasama dengan pemilik-pemilik tanah dengan pembangunan yang bernilai tinggi. Segmen “bina khas” akan terus diberi penekanan. Di luar negeri, Bahagian akan meneruskan penumpuannya di India untuk mengukuhkan penyertaannya dalam pasaran perumahan berkelompok yang semakin berkembang.

Bahagian, dengan kepakaran pembinaan dalam dan polisi-polisi mutu yang komited, akan terus memberi penekanan ke atas penyerahan tepat pada masa dan berkualiti dengan rekabentuk inovatif pada harga yang berdaya saing dilengkapi dengan perkhidmatan pengurusan harta profesional untuk memberikan pemilik-pemilik dan pelabur-pelabur harta jaminan ke arah kiediaman yang boleh didiami dan peningkatan nilai modal jangka masa panjang.



ULASAN OPERASI • INDUSTRI

Bahagian telah meningkatkan keuntungan pra-cukai tahun lepas sebanyak RM8.25 juta dengan 153.11% kepada RM20.89 juta.

Bahagian merasa yakin akan memberi prestasi yang lebih baik pada 2004.



Duduk dari kiri ke kanan: Yeo Poh Meng (Pengarah Pengurusan - Torsco), Mah Teck Oon (Pengarah - Bahagian Industri), William Anthony Ho (Pengurus Besar - Kuari), & Chee Kok Phoon (Pengurus Berdiri dari kiri ke kanan: Tan Kuan Beng (Pengurus - Kawalan Kredit), Low Hong Imm (Pengurus - Akaun & Kewangan), Chan Choy Ping (Pengurus - Akaun & Kewangan) & Leong Yew Kuen (Pengurus Besar - Konkrit Siap Campur)

Tahun 2003 merupakan satu lagi tahun yang memuaskan bagi Bahagian. Mengembang sejajar dengan sektor pembinaan yang bertambah baik, Bahagian telah meningkatkan keuntungan sebelum cukai tahun lepas sebanyak RM8.25 juta dengan 153.11% kepada RM20.89 juta. Tanpa mengambil kira pelarasan kerosotan sebanyak RM10.80 juta pada 2002, keuntungan sebelum cukai meningkat dengan memberangsangkan sebanyak 9.64% daripada RM19.05 juta pada tahun lepas. Prestasi memuaskan telah dicapai akibat daripada jumlah dagangan yang lebih tinggi sebanyak RM222.85 juta (2002: RM192.82 juta) dan prestasi keseluruhan yang lebih baik daripada operasi kuari dan konkrit campur siap.



Pemasangan baldi sisa untuk Megasteel

Sektor pengkuarian menunjukkan prestasi memuaskan pada 2003 dengan semua kuari di Selangor, Negeri Sembilan, Johor dan Pahang mencatat keputusan yang lebih baik. Diterajui oleh Malaysian Rock Products Sdn Bhd (MRP), sektor mencatat 2.0% peningkatan dalam jumlah dagangan kepada RM55.12 juta dan 15% lonjakan dalam keuntungan sebelum cukai kepada RM4.10 juta. Secara keseluruhan, jumlah jualan bagi batu agregat meningkat kepada 4.15 juta tan (2002: 3.76 juta tan) manakala jualan pracampuran merosot kepada 219,000 tan (2002: 257,000 tan). Peningkatan keberuntungan datangnya daripada margin yang lebih baik diperolehi daripada harga jualan yang lebih tinggi dan kos yang lebih rendah di semua kuari. Kuari Kuantan, dalam operasi sepenuh tahun pertamanya, juga menunjukkan prestasi seperti dijangkakan.

Dalam tahun ini, MRP mengambil alih 100% kepentingan ekuiti dalam Warga Sepakat Sdn Bhd (WSSB) yang memiliki 10-ekar tanah bersebelahan dengan kuari kami di Labu, Negeri Sembilan. Selain itu, MRP juga menandatangani perjanjian pajakan 15-tahun untuk memajak 10 ekar lagi tanah berhampiran dengan tanah WSSB sedia ada. Dengan pembelian dan pajakan, pertambahan simpanan batu-batan di kuari kawasan Labu sekarang dianggarkan sebanyak 13 juta tan.

Strong Mixed Concrete Sdn Bhd (SMC), yang mengilang dan menjual konkrit siap campur juga menikmati tahun yang lebih baik dengan rekod jumlah dagangan sebanyak RM63.74 juta, 28% lebih baik daripada tahun lepas. Akibat daripada itu, keuntungan sebelum cukai juga meningkat sebanyak 27%. .

Peningkatan dalam jumlah dagangan boleh dikaitkan terutamanya kepada tambahan 24 trak pencampur dibeli dalam tahun. Di sebaliknya, bilangan loji pengelompokan telah dikenalkan kepada tujuh, dengan perubahan hanya dalam lokasi loji. Loji yang terletak di Danau Kota dan Kedah telah ditutup dan digantikan dengan yang baru di Kajang dan Wangsa Maju. Syarikat berhasrat untuk meningkatkan bilangan loji yang ia kendalikan dan akan terus mencari lokasi yang baik, termasuk di luar negeri. Memandang ke hadapan, kami menjangkakan keadaan perniagaan yang lebih sukar dalam 2004, dengan gangguan bekalan dijangka dalam sektor pembinaan manakala ketakpastian dalam bekalan dan harga input bahan-bahan berkemungkinan menjadikan prestasi.

Berhadapan dengan persaingan yang sengit di peringkat tempatan dan luar negeri dan pengurangan dalam kerja-kerja dalam syarikat, perniagaan pembikinan keluli di bawah Torsco Berhad mencatat jumlah dagangan sebanyak RM50.63 juta dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM5.09 juta, masing-masing merosot sebanyak 25.48% dan 26.55%. Torsco telah memusatkan usaha-usaha pemasarannya dengan membuat sasaran kepada sektor kilang minyak sawit, hidrokuasa, jambatan dan kren kontena untuk memenuhi semula buku tempahan



Struktur keluli atap utama dibikin oleh Torsco untuk PCC

semasanya. Selain itu, Syarikat cuba mencari perkongsian strategik dengan pembikin-pembikin dari China untuk mengambil peluang ke atas kos pengeluaran yang rendah di situ dalam usahanya untuk menjadi lebih berdaya saing. Di sebalik persaingan yang sengit di seluruh dunia, kami berharap agar Torsco akan meningkatkan lagi keuntungannya dengan strategi-strategi ini.

Hasil di Scaffold Master Sdn Bhd merosot sebanyak 15.39% kepada RM6.54 juta selepas mencapai ketinggian baru pada 2002 disebabkan pengurangan dalam permintaan penyewaan dalam kumpulan. Walau bagaimanapun keadaan ini telah diringankan melalui peningkatan ketara dalam penyewaan luar berikutnya dengan lebih banyak usaha pemasaran dijalankan. Dalam tahun, purata kadar sewa meningkat sebanyak 10%, dan dengan caj susut nilai yang lebih rendah, keuntungan sebelum cukai melonjak 51.95% kepada RM3.89 juta. Prestasi dijangka berkekali kukuh bagi 2004.

Kemena Industries Sdn Bhd, terletak di Bintulu, Sarawak, mengilang produk konkrit pratuang. Ia mencapai keputusan yang bertambah baik secara ketara dengan jumlah dagangan sebanyak RM5.95 juta dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1.21 juta, masing-masing melonjak kira-kira 66% dan 128%. Ini boleh dikaitkan dengan bekalan pembetung dan paip pintal kepada Projek Lebuhraya Jalan Pantai dan bekalan longkang berbentuk U dan cerucuk RC kepada Lembaga Pembangunan Bintulu.

Syarikat-syarikat bersekutu utama dalam Bahagian, iaitu Industrial Concrete Products Berhad, Spirolite (M) Sdn Bhd, Sin Kean Boon Group Berhad dan Cofreth Sdn Bhd menunjukkan prestasi sederhana dengan menyumbang kepada jumlah dagangan digabungkan yang lebih rendah sebanyak RM72.33 juta (2002: RM80.96 juta) dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM3.90 juta (2002: RM4.57 juta).

Bahagian ini yakin akan memberi prestasi yang lebih baik pada 2004.



Pemecah ombak di Royal Langkawi Yacht Club menggunakan cerucuk ICP



ULASAN OPERASI • PERLADANGAN

“ IJM Plantations Berhad (IJMP) telah disenaraikan pada Papan Utama Malaysia Securities Exchange Berhad pada 2 Julai 2003. ”

“ Prestasi memuaskan dalam kedua-dua hasil kendalian dan keberuntungan boleh dikaitkan kepada harga komoditi yang lebih tinggi dan pengeluaran yang bertambah. ”

“ Bahagian merasa bangga dalam menggabungkan rukun atas pengurusan dan tanggungjawab alam sekitar yang kukuh dalam kegiatan perniagaannya. ”



Dari kiri ke kanan: P.K. Venugopal (Pengawal - Perkhidmatan Pertanian), Ng Chun Yin (Pengawal Perladangan Kanan), Ling Ah Hong (Pengurus Besar Kumpulan - Bahagian Perladangan), Velayuthan Tan (Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan - IJMP), Purushothaman a/l Kumaran (Pengawal Kewangan), David Sudhir Kumar Das (Penasihat Penanaman Kumpulan) & Sia Thiam Teck (Ketua Jurutera)

Sebagaimana diperincikan dalam nota 48 kepada penyata kewangan, IJM Plantations Berhad (IJMP) telah disenaraikan pada Papan Utama Malaysia Securities Exchange Berhad pada 2 Julai 2003 dengan mengambil alih status penyenaraian Rahman Hydraulic Tin Berhad. Sebagai sebahagian daripada langkah penyenaraian, Syarikat mengagihkan 148,442,024 saham IJMP kepada pemegang-pemegang saham Syarikat secara percuma melalui pengagihan modal.

Walaupun pelaburan Kumpulan dalam IJMP telah dicairkan daripada 100% kepada 49.4% pada Julai 2003, Bahagian masih lagi dapat menyumbangkan hasil yang lebih tinggi sebanyak RM152.38 juta dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM34.85 juta kepada Kumpulan, mewakili peningkatan masing-masing sebanyak 16.70% dan 17.11%.

Prestasi memuaskan dalam kedua-dua hasil kendalian dan keberuntungan boleh dikaitkan kepada harga komoditi yang lebih tinggi dan pengeluaran yang bertambah. Purata harga CPO bagi tahun meningkat kepada RM1,522 setiap tan (2002: RM1,358 setiap tan), peningkatan sebanyak 12.08% berbanding 2002. Jumlah tan gugusan buah-buahan segar diproses (FFB) meningkat kepada 619,000 tan, rekod baru bagi Bahagian (2002: 472,000 tan). Peningkatan tan FFB yang dikilang adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan sebanyak 27%



Gambaran keseluruhan ladang kelapa sawit Sugut

dalam FFB Bahagian yang dituai sendiri kepada 335,000 tan (2002: 264,000 tan) di samping strategi pembelian agresif untuk mendapatkan buah-buahan dari luar. Ini membantu meningkatkan keupayaan di semua kilang, mengurangkan kos pengilangan.

Di sebalik peningkatan tan FFB dituai adalah terutamanya daripada kawasan baru Sugut memandangkan pokok kelapa sawit muda telah menjadi matang, tanaman dituai di kawasan yang lebih matang di Sandakan juga mencatat hasil yang lebih tinggi untuk melebihi purata sebanyak 28 tan setiap hektar. Kilang-kilang sawit mengekalkan kadar pengekstrakan minyak dan isirong yang baik untuk mengakhiri tahun pada kadar purata masing-masing sebanyak 21.4% dan 4.4% (2002: 21.7% dan 4.7%).

Pada akhir tahun kewangan, Bahagian mempunyai jumlah tanah simpanan seluas 29,559 hektar (2002: 32,783 hektar) di Sabah, berkurangan sebanyak 3,224 hektar berbanding dengan 2002 disebabkan pelupusan satu syarikat bersekutu dalam tahun. Daripada jumlah tanah simpanan, 10,158 hektar terletak di kawasan Sandakan manakala kawasan selebihnya adalah di kawasan Sugut. Ladang Bahagian yang telah mencapai status matang berjumlah 16,135 hektar manakala keluasan yang tidak matang adalah 7,425 hektar. Rizab boleh ditanam berada pada 4,420 hektar pada akhir 2003 dan dijangka akan ditanam pada masa hadapan terdekat.

Bahagian mempunyai keupayaan pemprosesan berjumlah 135 tan FFB setiap jam dalam tiga buah kilang minyak sawitnya, iaitu Desa Talisai Palm Oil Mill (DTPOM), Minat Teguh Palm Oil Mill (MTPOM) dan Sabang Palm Oil Mill (SPOM). Dalam tahun, DTPOM memproses 269,000 tan (2002: 251,000 tan) FFB, peningkatan sebanyak 7%; MTPOM memproses 187,000 tan (2002: 159,000 tan), peningkatan sebanyak 17%; dan, SPOM, dalam tahun kedua pengilangannya, memproses 163,000 tan (2002:



Memetik buah sawit masak

61,800 tan), meningkat sebanyak 164%. Jumlah tanaman sendiri diproses dijangka akan meningkat pada tahun-tahun yang akan datang memandangkan lebih banyak kawasan muda telah menjadi matang, terutamanya di kawasan Sugut.

Dalam tahun, loji pemerahan isirong dengan keupayaan 250 tan setiap hari telah memulakan operasinya. Ia mengeluarkan kira-kira 12,900 tan minyak isirong kelapa sawit mentah dan 15,700 tan hampas isirong kelapa sawit.

Kecukupan pekerja-pekerja mahir dan kebolehan bertahan tahap produktiviti yang tinggi terus menjadi cabaran utama bagi Bahagian. Kesukaran ini dikurangkan melalui latihan

berterusan tenaga kerja dan penyeliaan berstruktur pekerja. Untuk mengekalkan hasil FFB yang tinggi, langkah-langkah pemuliharaan dan saliran air telah diamalkan. Langkah-langkah keberkesanan kos akan diperkuuhkan untuk menghasilkan manfaat yang lebih besar.

Bahagian merasa bangga dalam menggabungkan rukun atas pengurusan dan tanggungjawab alam sekitar yang kukuh dalam kegiatan perniagaannya. Amalan mesra alam sekitar dalam pemuliharaan tanah dan air, pengurusan bahan buangan kilang, pengurusan serangga perosak bersepada, penyuburan dan penyesuaian tanah, dan kaedah pembakaran sifar adalah norma-norma dan akan diteruskan sedemikian bagi Kumpulan untuk memastikan pembangunan ladang yang boleh dikekalkan dalam jangka masa panjang.

Berdasarkan jangkaan bahawa harga produk kelapa sawit yang menguntungkan akan berterusan dan pengeluaran tanaman yang lebih tinggi daripada kawasan kelapa sawit yang utama dan muda yang semakin meningkat, Bahagian merasa yakin akan menunjukkan prestasi yang memuaskan bagi tahun kewangan 2004.



Kemudahan penyimpanan pukal, Sugut, Sabah



ULASAN OPERASI • INFRASTRUKTUR

“ Memandangkan pelaburan baru masih lagi dalam tahun pertama operasi, Kumpulan menjangkakan sebarang peningkatan dalam perolehan pada 2004 adalah pada tahap sederhana. ”



Western Access Tollway di Buenos Aires, Argentina

Pada 2003, Bahagian merekod keuntungan pra-cukai sebanyak RM4.53 juta, pengurangan sebanyak 85.24% berbanding dengan RM30.70 juta yang dicapai pada 2002 memandangkan keputusan 2002 termasuk bahagian Kumpulan daripada laba terkecuali Grupo Concesionario del Oeste S.A. (GCO) berjumlah RM25.89 juta timbul daripada pelarasan inflasi.

Pada 2003, sumbangan daripada syarikat bersekutu 20.1% Kumpulan di Argentina, (GCO), adalah nominal berbanding dengan tahun 2002 di sebalik hasil yang lebih tinggi, disebabkan oleh caj pelunasan yang lebih tinggi berhubung dengan aset tetap inflasi diselaraskan dan caj kewangan yang lebih tinggi. Prestasi operasi terus meningkat dengan pertumbuhan trafik yang pesat sebanyak 15% dilihat pada 2003. Pihak pengurusan GCO pada masa ini sedang mengadakan perundingan mengenai beberapa terma Kontrak Konsesi dengan Kerajaan Argentina dan kontrak kemudahan kreditnya dengan bank pembiutang. Butir-butir lanjut yang melibatkan pelaburan Kumpulan dalam GCO dijelaskan dalam Nota 24(b) kepada Penyata Kewangan.



Loji Rawatan Air Binh An di Bandar Ho Chi Minh City, Vietnam

Syarikat bersekutu 36% Kumpulan di Vietnam, Binh An Water Corporation Limited (BAWC) menyumbang keuntungan bersih sebanyak RM4.82 juta (2002: RM5.24 juta). Syarikat bekalan air tempatan hanya membeli jumlah mengikut kontraknya memandangkan ia telah memulakan loji rawatan airnya sendiri yang baru.



Tol Tada-Nellore, India

Swarna Tollway Pte Ltd, syarikat bersekutu 35% di India, yang sedang menjalankan penswastaan dua lebuhraya (sepanjang NH5 dan NH9, dengan jumlah 156 km panjangnya) di bawah perjanjian konsesi 30-tahun dalam

negeri Andhra Pradesh telah berjaya menyiapkan sebahagian besar daripada semua kerja pembinaan sebelum akhir 2003. Pengutipan tol lebuhraya dijangka akan bermula pada suku kedua tahun 2004.

Dua projek tol jalanraya Bina-Kendali-Pindah 100% milik Kumpulan di India, iaitu Jalanraya Rewa-Jaisinghnagar-Shahdol-Amarkantak dan Jalanraya Satna-Maihar-Parasi More-Umaria, dijangka akan siap pembinaannya pada 2004 dan memulakan kutipan tol selepas itu. Kos adalah mengikut bajet dan pembinaan dalam satu segmen dijangka akan disiapkan mendahului jadual.

Memandangkan pelaburan baru masih lagi dalam tahun pertama operasi, Kumpulan menjangkakan sebarang peningkatan dalam perolehan pada 2004 pada tahap sederhana.

KESIMPULAN

Selepas setengah dekad mempunyai peluang-peluang yang begitu banyak dan persekitaran kos yang tidak tinggi disebabkan penggunaan keupayaan yang rendah berikutan dengan krisis kewangan Asia dan kemelesetan di Negara-negara Barat, persekitaran bagi perniagaan teras kami telah bertukar menjadi bergelora dan mencabar. Beberapa pihak mencirikan persekitaran sebagai serupa dengan berakit di air putih. Ia akan menjadi ujian sebenar ke atas kemahiran pengurusan untuk mengemudi Kumpulan melalui keadaan-keadaan ini dan memberi prestasi yang membanggakan.

DATO' TAN BOON SENG @ KRISHNAN
CEO & Pengarah Urusan

IJM gets nod to sell shares in China

IJM Corp. Malaysia's fourth-largest contractor by market value, became China's second overseas investor after billionaire George Soros to get approval to sell non-tradable shares in a mainland company.

China's stock regulator will let IJM Overseas Ventures Sdn trade 45 million shares of Guangdong Provincial

China said in August 2002 it would consider applications to convert untradable stock to market shares.

Soros, allowed to trade his 14.8 per cent stake in Hainan Airlines Co since Jan 30, hasn't sold.

IJM's shareholder will IJM secures project in India

IJM Corp. Bhd has secured a project to develop a 2,000ha township in Hyderabad, India.

In voluntary IJM (India) Infrastructure

Ltd (VIIIL), which has an agreement with

the Andhra Pradesh Housing Board (APPHB) jointly develop the integrated township.

VIIIL was awarded to the Kunta Lumber Stock

Company on Thursday that the project es-

timated gross development value is at RM214

million with a two-year development period.

IJM is a 95.3 per cent subsidiary of IJMII

(Infrastructure) Ltd, which is a wholly-owned sub-

sidiary of IJM Investments (M) Ltd, which is

turn is a wholly-owned subsidiary of IJM.

IJMII and APPHB integrated township Develop-

ment Co Private Ltd as the 51:49 joint

venture company to undertake the develop-

ment of the township.

IJM said the transaction will not have any

significant effect on the company's earnings as

it will only receive 0.01 cents per share of the company

for the financial year ending December 31,

2003.

100% IJM holds

controlling interest in the local auth-

orities in the state of Andhra Pradesh.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

The project is located in the northern part of

Hyderabad, about 15km from the city cen-

tre and 10km from the international airport.

PENYATA URUS TADBIR KORPORAT



Anugerah Urus Tadbir Perniagaan Malaysia 2002, Anugerah Merit Korporat BSKL (Sektor Pembinaan) 2002 & 2003, penarafan 20 teratas Euromoney dalam urus tadbir korporat dalam pasaran dunia membangun, Anugerah Laporan Korporat Tahunan Nasional 2003 (Syarikat-syarikat Projek Pembinaan dan Infrastruktur) ... adalah testimoni kepada komitmen padu IJM kepada urus tadbir korporat contoh.

Pengasas-pengasas Kumpulan ini mengiktiraf bahawa taraf tinggi urus tadbir korporat adalah penting untuk melindungi kepentingan semua pemegang kepentingan pelbagai dan untuk meningkatkan nilai pemegang saham. Lama sebelum penggubalan Kod Urus Tadbir Korporat Malaysia (“Kod”), syarikat-syarikat dalam Kumpulan telah mewujudkan rangka kerja asas amalan urus tadbir korporat yang baik dalam pertubuhan dan operasinya. Oleh itu, dengan pengenalan Kod, pembentukan amalan-amalan sedemikian tidaklah begitu sukar untuk dicapai.

Lembaga Pengarah (“Lembaga”) menyokong sepenuhnya dan komited untuk memastikan bahawa taraf tertinggi urus tadbir korporat diamalkan dalam Kumpulan. Lembaga berterusan menggalakkan profesionalisme, ketelusan dan urus tadbir yang baik sebagai cara bagi Kumpulan untuk menyediakan persekitaran bagi prestasi yang baik oleh kakitangannya dan memberi pulangan yang lebih baik kepada pemegang-pemegang sahamnya.

PARA PENGARAH

Lembaga

Lembaga yang berkesan menerajui dan mengawal Kumpulan IJM. Para Pengarah tergolong daripada profesional dalam bidang kejuruteraan, kewangan, perakaunan, ekonomi, atau pentadbir awam kanan berpengalaman. Bersama, mereka membawa rangkaian kemahiran teknikal dan pengalaman perniagaan berkaitan yang luas untuk memastikan Kumpulan terus menjadi peneraju yang berdaya saing dalam industri pembinaan dengan reputasi kukuh bagi kekompetenan teknikal dan profesional. Pengarah-pengarah bukan eksekutif memberi penghakiman bebas ke atas isu-isu strategi, prestasi perniagaan, sumber dan piawaian tatalaku.

Penerangan ringkas latar belakang setiap Pengarah dibentangkan pada muka surat 15 hingga 17.

Lembaga bertanggungjawab terutamanya bagi keseluruhan rancangan strategik, prestasi perniagaan, rancangan penggantian, pengurusan risiko, program perhubungan pelabur, kawalan dalaman dan sistem maklumat pengurusan Kumpulan. Manakala Lembaga bertanggungjawab untuk membentuk rangka kerja dan polisi dalam mana Kumpulan harus beroperasi, pihak pengurusan bertanggungjawab bagi pelaksanaan polisi yang dinyatakan dan pencapaian objektif korporat Kumpulan yang dinyatakan. Pembatasan ini memperkuatkan peranan penyeliaan Lembaga.

Terdapat keseimbangan antara Pengarah eksekutif, bukan eksekutif dan bukan eksekutif bebas. Ini memastikan bahawa terdapat perwakilan berkesan bagi pemegang-pemegang saham, dan selanjutnya memastikan bahawa isu-isu strategi, prestasi dan sumber dibincangkan dan dikaji sepenuhnya untuk mengambil kira kepentingan jangka panjang pemegang saham, kakitangan, pelanggan, pembekal dan komuniti-komuniti dalam mana Kumpulan menjalankan perniagaannya. Daripada sepuluh ahli Lembaga, tujuh adalah Pengarah bukan eksekutif. Antara Pengarah bukan eksekutif, empat (4) adalah Pengarah bebas. Pengerusi adalah salah seorang Pengarah bukan eksekutif bebas. Y. Bhg. Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor adalah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Kanan.

Peranan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan (CEO & MD) adalah berbeza dan berasingan; Pengerusi bukan Eksekutif meluangkan dirinya untuk memberi penjelasan mengenai isu-isu yang ditimbulkan oleh pemegang saham dan pelabur, memastikan ketelusan dan keberkesan proses urus tadbir Lembaga. Pengerusi juga kerap mengadakan dialog dengan CEO & MD mengenai semua perkara operasi; dan bertindak sebagai fasilitator pada mesyuarat Lembaga. CEO & MD bertanggungjawab untuk memastikan pelaksanaan matlamat strategik, operasi berkesan dalam Kumpulan yang sewajar, dan untuk menerang, menjelas dan memaklum kepada Lembaga mengenai perkara-perkara berhubung dengan Kumpulan.

Lembaga mengadakan sekurang-kurangnya empat (4) mesyuarat berjadual tetap secara tahunan, dengan mesyuarat tambahan diadakan bila dan apabila perlu. Pada tahun 2003, 5 mesyuarat Lembaga telah diadakan. Selain mesyuarat Lembaga, para Pengarah mengambil bahagian dalam beberapa mesyuarat memutuskan pemberian tender dan penerangan pelaburan di mana ahli-ahli mempertimbangkan mengenai penyertaan Kumpulan dalam bidaan dan/atau pelaburan projek besar. Mesyuarat dan perundingan tidak formal sering kali dan secara bebas diadakan untuk berkongsi kepakaran dan pengalaman. Para Pengarah juga menghadiri dialog pengurusan kanan separuh tahun di mana strategi operasi, kemajuan prestasi dan lain-lain isu dibentangkan, dibincangkan secara ekstensif dan dimaklumkan kepada pengurus kanan Kumpulan.

Rekod kehadiran setiap Pengarah adalah seperti berikut:

	Bilangan Mesyuarat Dihadiri	Peratusan
Pengarah Eksekutif		
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	4 daripada 5	80%
Goh Chye Koon	5 daripada 5	100%
Soo Heng Chin	5 daripada 5	100%
Velayuthan a/l Tan Kim Song (<i>Bersara pada 21 Mei 2003</i>)	2 daripada 2	100%
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas		
Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob	5 daripada 5	100%
Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor	5 daripada 5	100%
Datuk Oh Chong Peng	5 daripada 5	100%
Datuk Yahya bin Ya'acob	5 daripada 5	100%
Tan Sri Dato' (Dr) Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin (<i>Bersara pada 28 Februari 2003</i>)	1 daripada 1	100%
Pengarah Bukan Eksekutif		
Dato' Goh Chye Keat	5 daripada 5	100%
Dato' Ismail Bin Shahudin (<i>Dilantik pada 30 Oktober 2003</i>)	*Dikecualikan	-
Lai Meng (<i>Bersara pada 30 September 2003</i>)	3 daripada 3	100%
Haji Osman bin Haji Ismail (<i>Bersara pada 30 Januari 2004</i>)	5 daripada 5	100%
Abd Hamid bin Othman (<i>Dilantik pada 25 Mac 2004</i>)	-	-

* Cuti telah diluluskan oleh MSEB pada 24 Disember 2003.

PENYATA URUS TADBIR KORPORAT *(Sambungan)*

Syarikat boleh dari masa ke masa menggunakan perkhidmatan Pengarah eksekutif bersara bagi peranan khusus dalam operasi Syarikat untuk tempoh khusus. Para Pengarah ini dibayar imbuhan bagi perkhidmatan mereka.

Lembaga telah menugaskan fungsi tertentu kepada Jawatankuasa yang ia tubuhkan untuk membantu dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Jawatankuasa beroperasi di bawah bidang tugas yang dinyatakan secara jelas. Pengerusi Jawatankuasa masing-masing melapor kepada Lembaga keputusan mesyuarat Jawatankuasa dan laporan sedemikian dimasukkan dalam kertas-kertas Lembaga.

1. Jawatankuasa Eksekutif

Jawatankuasa Ekesekutif telah ditubuhkan pada 31 Mac 1995 dan ahli-ahlinya terdiri daripada Pengarah Eksekutif Lembaga. Jawatankuasa Eksekutif bermesyuarat secara bulanan untuk mengkaji prestasi bahagian operasi Kumpulan. Yang hadir adalah Pengarah Kewangan dan Ketua Bahagian Harta dan Industri di samping Setiausaha Syarikat dan ketua jabatan berkaitan.



Jawatankuasa Eksekutif bermesyuarat secara bulanan untuk mengkaji prestasi bahagian-bahagian operasi Kumpulan

Bidang tugas Jawatankuasa Eksekutif termasuklah yang berikut:-

- untuk membuat keputusan mengenai semua urusniaga dan perkara berkaitan dengan perniagaan teras Kumpulan atau pelaburan sedia ada dalam kuasa terbatas diberi melalui had-had yang ditentukan oleh Lembaga; dan
- untuk membuat keputusan mengenai semua perkara berkaitan dengan kemudahan perbankan sebagaimana diperlukan bagi pengurusan operasi Kumpulan.

Sebelas (11) mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif telah diadakan dalam tahun 2003. Rekod kehadiran setiap ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut:

Pengarah Eksekutif	Bilangan Mesyuarat yang Dihadiri	Peratusan
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	11 daripada 11	100%
Goh Chye Koon	10 daripada 11	91%
Soo Heng Chin	10 daripada 11	91%
Velayuthan a/l Tan Kim Song <i>(Bersara pada 21 Mei 2003)</i>	3 daripada 4	75%

2. Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan pada 31 Januari 1994 dan dipengerusikan oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor. Lain-lain ahli Jawatankuasa Audit adalah Y. Bhg. Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob, Y. Bhg. Datuk Yahya bin Ya'acob dan Y. Bhg. Datuk Oh Chong Peng. Bidang tugas dan ringkasan kegiatan Jawatankuasa Audit dinyatakan pada muka surat 52 hingga 55.

3. Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan

Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan dianggotai oleh empat ahli; tiga daripada mereka adalah Pengarah bukan eksekutif bebas, iaitu Y. Bhg. Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor (Pengerusi), Y. Bhg. Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob dan Y. Bhg. Datuk Yahya Bin Ya'acob. Seorang lagi ahli adalah Y. Bhg. Dato' Goh Chye Keat.

Bidang tugas Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan termasuklah yang berikut:-

1. untuk mewujudkan dan mengkaji terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan & imbuhan Pengarah Eksekutif dan eksekutif kanan Kumpulan;
2. untuk mengkaji dan meluluskan kenaikan gaji dan bonus tahunan Pengarah-pengarah Eksekutif dan eksekutif kanan Kumpulan;
3. untuk mengkaji, mengesyorkan dan menimbangkan calon-calon kepada Lembaga Syarikat, anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu Kumpulan, termasuk jawatankuasa Lembaga;
4. untuk mengkaji dan menentukan gabungan kemahiran, pengalaman dan lain-lain kualiti, termasuk kekompetenan teras Pengarah-pengarah bukan eksekutif, atas dasar tahunan; dan
5. untuk menilai keberkesanannya Lembaga secara keseluruhan, jawatankuasa Lembaga dan sumbangan tahun setiap Pengarah.

Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan akan bermesyuarat sebagaimana diperlukan dan bagi tahun 2003, tiga (3) mesyuarat telah diadakan. Semua pengesyoran Jawatankuasa Penamaan & Imbuhan adalah tertakluk kepada ratifikasi Lembaga.

4. Jawatankuasa Saham

Jawatankuasa Saham telah ditubuhkan pada 3 September 1986 dan bertanggungjawab bagi mengawal dan meluluskan urusniaga sekuriti dan pendaftaran. Jawatankuasa Saham dianggotai oleh Y. Bhg. Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan (Pengerusi), En Goh Chye Koon dan En Soo Heng Chin.

5. Jawatankuasa ESOS

Jawatankuasa ESOS baru telah ditubuhkan pada 30 Oktober 2003 dan bertanggungjawab bagi pelaksanaan dan pentadbiran Skim Opsyen Saham Kakitangan baru (ESOS) Syarikat. Jawatankuasa ESOS dianggotai oleh Y. Bhg. Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor (Pengerusi), En Goh Chye Koon dan En Soo Heng Chin.

PENYATA URUS TADBIR KORPORAT *(Sambungan)*

Bekalan Maklumat

Semua Pengarah diberikan laporan Lembaga sebelum mesyuarat Lembaga. Sebagai syarat am, laporan Lembaga diedarkan kepada para Pengarah terlebih dahulu sebelum mesyuarat yang dijadualkan untuk memberi mereka peluang mendapatkan penjelasan atau maklumat tambahan mengenai prestasi kewangan entiti dan unit perniagaan, dan lain-lain isu yang mungkin memerlukan perbincangan dan keputusan.

Antara lain, laporan menyediakan maklumat mengenai isu-isu operasi, kewangan dan korporat laporan dan/atau minit Jawatankuasa Pengarah seperti Jawantankuasa Eksekutif, Jawantankuasa Audit, Jawantankuasa Pencalonan dan Imbuhan, Jawantankuasa ESOS dan Jawantankuasa Saham, kegiatan dan pelaksanaan projek, prestasi bahagian dan alasan-alasan bagi pelencongan ketara daripada bajet dan perubahan besar dalam struktur Syarikat dan urusniaga sekuriti, termasuk ringkasan urusniaga sekuriti para Pengarah dan perihal kepentingan pengarah dalam kontrak harta jawatan selurus dengan sekyen 131, Akta Syarikat 1965 (Akta).

Selain mesyuarat Lembaga suku tahunan, taklimat diadakan untuk Lembaga mengenai pelbagai isu seperti perubahan kepada perundangan, syarat dan peraturan syarikat dan sekuriti dari masa ke masa untuk memaklumkan mereka mengenai perkembangan terkini dalam bidang-bidang ini. Lembaga Pengarah juga dijemput dan ada menghadiri Dialog Pengurusan Kanan separuh tahun dalam mana kajian operasi dan strategi pengurusan dibentangkan dan dibincangkan.

Para Pengarah juga dimaklumkan mengenai sebarang pengumuman korporat yang dikeluarkan kepada MSEB. Mereka juga dimaklumkan mengenai sekatan yang belum diputuskan dalam berurusan dengan sekuriti Syarikat sekurang-kurangnya satu bulan sebelum pengeluaran pengumuman keputusan kewangan suku tahunan.

Selain daripada itu, terdapat jadual perkara-perkara yang dirizab secara khusus untuk pertimbangan Lembaga, seperti kelulusan rancangan korporat dan bajet tahunan, pembelian dan pelupusan usahaniaga dan harta bernilai besar, dan perubahan kepada struktur pengurusan dan kawalan dalam Kumpulan, termasuk polisi penting, had kuasa yang ditugaskan dan penyertaan dalam keputusan pemberian tender untuk projek pembinaan melebihi had yang diwujudkan.

Semua Pengarah mempunyai akses kepada nasihat dan perkhidmatan Setiausaha Syarikat sepenuh masa yang dilantik oleh Lembaga. Manual Pengarah Syarikat, Manual Penyenaraian MSEB, Penyata mengenai Kawalan Dalaman: Panduan bagi para Pengarah Syarikat Tersenarai Awam dan Kod Etika untuk Pengarah dan Setiausaha, kemaskini mengenai perundangan syarikat dan sekuriti dan lain-lain syarat dan peraturan berkaitan telah disediakan untuk Pengarah-pengarah.

Pelantikan kepada Lembaga

Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan bertanggungjawab untuk membuat pengesoran kepada Lembaga, termasuk anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu. Dalam membuat pengesoran-pengesoran ini, Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan menimbangkan campuran kemahiran dan pengalaman yang diperlukan, yang para Pengarah harus bawa kepada Lembaga. Para Pengarah dimaklumkan dan menyedari bahawa mereka boleh meminta nasihat bebas, di mana perlu, dalam melaksanakan tugas-tugas mereka dan atas perbelanjaan Kumpulan.

Latihan Para Pengarah

Semua Pengarah telah menghadiri Program Akreditasi Mandatori Pengarah dianjurkan oleh MSEB. Para Pengarah juga menerima latihan selanjutnya dari masa ke masa, khususnya mengenai undang-undang dan peraturan-peraturan baru berkaitan dan risiko komersil yang sentiasa berubah. Induksi ringkas disediakan kepada para Pengarah yang baru dilantik.

Di mana mungkin dan apabila berpeluang, mesyuarat Lembaga boleh diadakan di lokasi perniagaan operasi Kumpulan untuk membolehkan para Pengarah mendapat perspektif perniagaan lebih baik dan meningkatkan pemahaman mereka mengenai operasi Kumpulan. Pada tahun 2003, mesyuarat Lembaga telah diadakan di pejabat India kami dan para Pengarah mengambil peluang untuk melawat beberapa projek Kumpulan yang sedang dijalankan di sana.

Pemilihan Semula

Tataurusan Pertubuhan memperuntukkan agar semua Pengarah menawarkan diri mereka bagi pemilihan semula sekurang-kurangnya setiap tiga (3) tahun dalam mematuhi syarat-syarat penyenaraian MSEB. Tataurusan Pertubuhan Syarikat juga memperuntukkan bahawa satu pertiga daripada Lembaga hendaklah bersara daripada jawatan dan menjadi layak untuk pemilihan semula pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan.

Para Pengarah yang berumur lebih tujuh puluh tahun diminta untuk menawarkan diri mereka bagi pelantikan semula selaras dengan Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965 ("Akta").

IMBUHAN

Polisi imbuhan Syarikat adalah berdasarkan falsafah bahawa Kumpulan tidak berhasrat untuk menjadi peneraju pasaran dari segi gaji asas tetapi akan memberi pertimbangan besar ke atas bonus berdasarkan prestasi. Ini termaktub dalam polisi imbuhan bagi para Pengarah Eksekutif.

Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan mengkaji secara tahunan polisi imbuhan bagi Pengarah Eksekutif untuk memastikan bahawa mereka telah diberi ganjaran sewajarnya bagi sumbangan mereka kepada pertumbuhan dan keberuntungan Kumpulan.

Prestasi para Pengarah diukur melalui sumbangan dan komitmen Pengarah kepada kedua-dua Lembaga dan Kumpulan. Imbuhan Pengarah Eksekutif akan bergantung pada pencapaian matlamat (termasuk sasaran organisasi yang telah ditentukan jumlahnya dan pencapaian peribadi) ditetapkan pada permulaan setiap tahun.

Dalam hal Pengarah-pengarah bukan eksekutif, tahap imbuhan menggambarkan pengalaman dan tahap tanggungjawab dipikul oleh Pengarah bukan eksekutif tertentu.

Penentuan imbuhan bagi Pengarah-pengarah eksekutif dan bukan eksekutif adalah tanggungjawab Lembaga secara keseluruhan. Syarikat membayar balik perbelanjaan munasabah yang ditanggung oleh Pengarah-pengarah ini sepanjang tugas mereka sebagai Pengarah.

Yuran

Yuran perlu dibayar kepada Pengarah-pengarah bukan eksekutif ditentukan oleh Lembaga dengan kelulusan daripada pemegang-pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan. Yuran tetap dan variasi akan dibayar berasaskan kehadiran mesyuarat dan tahap tanggungjawab Pengarah dalam Lembaga dan Jawatankuasanya.

Gaji Pokok

Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan melaksanakan kajian tahunan atas gaji pokok bagi semua eksekutif kanan mengambil kira prestasi individu dan syarikat, dan amalan dalam industri. Kumpulan mengambil bahagian dalam soal-selidik khusus industri oleh firma profesional bebas untuk mendapatkan data semasa dalam mengukur rujuk Kumpulan.



Pengerusi Tan Sri Wan, CEO Dato' Krishnan Tan and Setiausaha Jeremie Ting dengan Anugerah Merit Korporat MSEB, (Bahagian Pembinaan)

PENYATA URUS TADBIR KORPORAT *(Sambungan)*

Skim Bonus & Insentif

Kumpulan melaksanakan skim bonus & insentif bagi semua kakitangan, termasuk Pengarah-pengarah Eksekutif. Kriteria bagi skim adalah bergantung pada prestasi kewangan Kumpulan berdasarkan formula yang diwujudkan. Bonus dan insentif yang perlu dibayar kepada Pengarah-pengarah Eksekutif dikaji oleh Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan dan diluluskan oleh Lembaga.

Faedah Bukan Dalam Bentuk Wang

Lain-lain faedah lazim (seperti penjagaan perubatan peribadi dan kereta) disediakan selaras dengan garis panduan yang dibentangkan dalam Skim & Syarat-syarat Perkhidmatan IJM.

Pengaturan Pencen

Caruman dibuat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, rancangan caruman ditetapkan mandatori negara, untuk semua kakitangan dan Pengarah-pengarah eksekutif yang menetap di Malaysia. Selain itu, semua kakitangan dan Pengarah eksekutif mengambil bahagian dalam rancangan ditetapkan gaji akhir dibiayai Kumpulan, dikenali sebagai Skim Persaraan IJM, dengan objektif penyediaan jumlah sekaligus munasabah atas persaraan dan atas alasan-alasan penyakit kronik. Skim juga menyediakan bayaran jumlah sekaligus sekiranya meninggal dunia semasa berkhidmat.

Opsyen Saham dan Waran Pengarah

Kumpulan juga memberi kakitangan opsyen saham di bawah Skim Opsyen Saham Kakitangannya. Dalam tahun, skim baru telah diwujudkan. Opsyen sehingga 36.75 juta saham, bagaimanapun, hanya diberikan pada tahun 2004.

Pergerakan dalam waran para Pengarah dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003 dinyatakan pada muka surat 23.

Imbuhan Para Pengarah

Butir-butir imbuhan para Pengarah dalam tahun adalah seperti berikut:

1. Agregat imbuhan para Pengarah dikategorikan dalam komponen yang sesuai:

	Gaji RM'000	Yuran RM'000	Bonus, Insentif & Lain-lain RM'000	Faedah Persaraan RM'000	KWSP RM'000	Faedah Bukan Dalam Bentuk Wang RM'000	Jumlah RM'000
Pengarah Eksekutif	1,252	-	1,199	79	449	52	3,031
Pengarah Bukan Eksekutif	-	190	26	-	-	44	260

2. Imbuhan agregat setiap Pengarah:

Pengarah Eksekutif

Nama	RM'000
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan	1,172
Goh Chye Koon	1,023
Soo Heng Chin	497
Velayuthan a/l Tan Kim Song (<i>Bersara pada 21 Mei 2003</i>)	339

Pengarah Bukan Eksekutif

Nama	RM'000
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob	47
Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor	62
Datuk Oh Chong Peng	16
Datuk Yahya Bin Ya'acob	25
Dato' Goh Chye Keat	26
Tan Sri Dato' (Dr) Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin <i>(Meletak jawatan pada 28 Februari 2003)</i>	66
Lai Meng <i>(Meletak jawatan pada 30 September 2003)</i>	18
Haji Osman Bin Ismail <i>(Meletak jawatan pada 30 Januari 2004)</i>	-
Abd Hamid Bin Othman <i>(Dilantik pada 25 Mac 2004)</i>	-

* Yuran sebanyak RM18,000 telah dibayar kepada Permodalan Nasional Berhad ("PNB") memandangkan Haji Osman Bin Haji Ismail adalah Pengarah nomini PNB.

PERHUBUNGAN PELABUR & KOMUNIKASI PEMEGANG SAHAM

Dialog Antara Syarikat dan Pelabur

Syarikat memberi perhatian utama dalam memastikan taraf paling tinggi ketelusan dan kebertanggungjawapan dalam penzahiran maklumat yang penting bagi pemegang-pemegang saham serta pelabur-pelabur berpotensi mahu pun orang awam.

Beberapa pengumuman dan penzahiran telah dibuat kepada MSEB dalam tahun, termasuk pengumuman secara tepat pada masa keputusan kewangan atas dasar suku tahunan, memberi pemegang-pemegang saham dan pelabur-pelabur awam gambaran keseluruhan prestasi dan operasi Kumpulan.

Pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan, pembentangan dibuat oleh CEO & MD untuk menjelaskan strategi, prestasi dan perkembangan utama Kumpulan kepada pemegang-pemegang saham. Sebarang maklumat yang mungkin dianggap sebagai material tidak akan diberi kepada mana-mana satu pemegang saham atau kumpulan pemegang saham atas dasar pilihan kecuali setakat perwakilan mereka dalam Lembaga.

Kumpulan mengadakan dialog dengan penganalisis kewangan dari masa ke masa sebagai cara perhubungan pelabur berkesan. Sekurang-kurangnya dua Taklimat Penganalisis berjadual diadakan setiap tahun, biasanya berkebetulan dengan pengumuman keputusan suku tahunan kedua dan akhir Kumpulan untuk menjelaskan keputusan yang dicapai dan strategi untuk ke hadapan. Sidang Akhbar biasanya diadakan selepas Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat. Syarikat juga mengambil bahagian dalam beberapa forum pelabur institusi dalam tahun kewangan sama ada tempatan mahu pun di luar Malaysia.



CEO Dato' Krishnan Tan memberi taklimat mengenai Syarikat kepada jurnal analisis

PENYATA URUS TADBIR KORPORAT *(Sambungan)*

Laporan Tahunan mengandungi ulasan prestasi mengenai perniagaan, aspek kewangan dan operasi Kumpulan, penerangan ringkas perkhidmatan dan produk Kumpulan dan penyata kewangan Kumpulan. Selain daripada itu, Kumpulan telah memperkenalkan laman web yang amat komprehensif dan terkini di <http://www.ijm.com> untuk meningkatkan perhubungan pelabur dan komunikasi pemegang-pemegang saham, termasuk akses mereka kepada maklumat tentang Syarikat dan Kumpulan. Antara lain, laman web menyediakan maklumat mengenai pergerakan harian sekuriti Syarikat, pengumuman korporat kepada MSEB, apa orang lain kata mengenai Syarikat, laporan tahunan, Minit mesyuarat agung, pengagihan dividen, dividen tidak dituntut, urusniaga sekuriti para Pengarah dan pemegang-pemegang saham utama, dan profil Kumpulan.

Mesyuarat Agung Tahunan

Mesyuarat Agung Tahunan adalah forum utama bagi dialog dengan pemegang-pemegang saham. Notis mesyuarat dan laporan tahunan dihantar kepada pemegang-pemegang saham sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh mesyuarat selaras dengan Tataurus Pertubuhan Syarikat.

Pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan, Lembaga menggalakkan pemegang-pemegang saham untuk mengambil bahagian dalam sesi soal jawab. Pengerusi dan, di mana sesuai, CEO & MD menjawab soalan pemegang-pemegang saham dalam mesyuarat. Di mana sesuai, Pengerusi akan mengakujanji untuk menyediakan jawapan bertulis kepada mana-mana soalan penting yang tidak boleh dijawab dengan serta merta pada mesyuarat.

Dalam hal pemilihan semula para Pengarah, notis mesyuarat akan menyatakan Pengarah mana yang bertanding bagi pemilihan atau pemilihan semula.

Setiap perkara urusan khas dimasukkan dalam notis mesyuarat diiringi dengan penjelasan bagi resolusi yang dicadangkan. Resolusi berasingan dicadangkan untuk isu-isu berasingan perunding pada mesyuarat, dan Pengerusi akan mengisyiharkan bilangan undian proksi diterima kedua-dua menyokong dan menentang resolusi sebelum pengundian setiap resolusi.

KEBERTANGGUNGJAWAPAN DAN AUDIT

Pelaporan Kewangan

Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan dan pengumuman suku tahunan kepada pemegang-pemegang saham, Lembaga berhasrat untuk membentangkan penilaian seimbang dan boleh difahami mengenai kedudukan dan prospek Kumpulan. Ini juga terpakai kepada lain-lain laporan awam sensitif harga dan laporan kepada pengawal atur.

Penyata Tanggungjawab Pengarah

Para Pengarah diperlukan oleh Akta untuk menyediakan penyata kewangan bagi setiap tahun kewangan selaras dengan piawaian perakaunan diluluskan untuk memberi gambaran sebenar dan adil akan keadaan hal ehwal Kumpulan dan Syarikat pada akhir tahun kewangan dan mengenai keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan.

Dalam menyediakan penyata kewangan, para Pengarah telah:

1. menggunakan polisi perakaunan sewajarnya yang diamalkan secara konsisten;
2. membuat penghakiman dan anggaran yang munasabah dan berhemah;
3. memastikan bahawa semua standard perakaunan diterima telah diikuti; dan
4. menyediakan penyata kewangan atas dasar usaha berterusan memandangkan para Pengarah mempunyai jangkaan munasabah, setelah membuat pertanyaan, bahawa Kumpulan dan Syarikat mempunyai sumber yang mencukupi untuk terus beroperasi bagi masa hadapan yang boleh diramal.

Para Pengarah mempunyai tanggungjawab bagi memastikan bahawa Syarikat menyimpan rekod perakaunan yang mendedahkan dengan ketepatan munasabah kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat dan yang membolehkan mereka untuk memastikan bahawa penyata kewangan mematuhi Akta.

Para Pengarah mempunyai tanggungjawab menyeluruh dalam mengambil langkah-langkah tertentu secara munasabah untuk melindungi aset Kumpulan dan Syarikat, dan untuk menghalang penipuan dan lain-lain ketakteraturan.

Kawalan Dalaman

Penyata Kawalan Dalaman Kumpulan dinyatakan pada muka surat 56 dan 57.

Hubungan dengan Juruaudit

Peranan Jawatankuasa Audit berhubung dengan juruaudit luar dinyatakan pada muka surat 52 hingga 55.

Ditandangi bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi mereka.

Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob
Pengerusi



KHIDMAT SOKONGAN KUMPULAN

Duduk dari kiri ke kanan: Velaigam a/l Doraisamy (Pengurus Kanan - Undang-undang), Loy Boon Chen (Pengarah Kewangan) & Jeremie Ting Keng Fui (Setiausaha Syarikat)

Berdiri dari kiri ke kanan: Woo Wee Weng (Pengurus - Sistem Maklumat), Wong Wai Li (Pengurus - Sumber Manusia & Pentadbiran), Devaraj Govindarajoo (Pengurus Kanan - Pembangunan Perniagaan) & Ng Yoke Kian (Pengurus - Perkhidmatan Korporat)

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

Keahlian dan Mesyuarat

Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat lima (5) kali sepanjang tahun 2003 dan kehadiran setiap ahli Jawatankuasa Audit adalah seperti berikut:

	Bil. mesyuarat yang diadakan dalam tahun	Bil. mesyuarat yang dihadiri
Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor Pengerusi Jawatankuasa Audit (Pengarah Bukan-Eksekutif Bebas Kanan)	5	5
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob Ahli (Pengarah Bukan-Eksekutif Bebas)	5	5
Y.Bhg. Datuk Yahya bin Ya'acob Ahli (Pengarah Bukan-Ekskutif Bebas)	5	5
Datuk Oh Chong Peng Ahli (Pengarah Bukan-Eksekutif Bebas)	5	5

Kegiatan-kegiatan

Dalam tahun kewangan, kegiatan-kegiatan Jawatankuasa Audit termasuk mengkaji dan membincang:

- pengumuman keputusan kewangan suku tahunan;
- penyata kewangan akhir tahun Kumpulan;
- strategi dan perancangan audit tahunan juruaudit luar;
- laporan juruaudit luar berhubung dengan isu-isu audit dan perakaunan yang timbul daripada audit, dan mengemaskini perkembangan-perkembangan baru mengenai piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia;
- urusniaga pihak-pihak berkaitan yang timbul dalam Syarikat atau Kumpulan;
- rancangan audit tahunan yang dicadangkan oleh Juruaudit Dalaman;
- laporan audit yang dikemukakan oleh Juruaudit Dalaman ke atas penemuan dan pengesongan berhubung dengan kelemahan sistem dan kawalan; dan
- laporan dan penemuan Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

Fungsi Audit Dalaman

Peranan utama Jabatan Audit Dalaman adalah untuk menyediakan kepada Jawatankuasa Audit laporan-laporan bebas dan objektif mengenai keberkesanan sistem kawalan dalam Kumpulan.

Jabatan Audit Dalaman telah melaksanakan penilaian sistem kawalan dalaman yang merangkumi urus tadbir, operasi dan sistem maklumat Kumpulan mengenai bidang-bidang utama operasi Kumpulan. Laporan-laporan audit dalaman telah dibincangkan oleh Jawatankuasa Audit dan tindakan diambil sewajarnya oleh pengurusan terhadap pengesongan.

IAD mengamalkan pendekatan pengauditan berdasarkan risiko pengauditan mengambilkira amalan terbaik global dan piawaian industri.

BIDANG-BIDANG TUGAS JAWATANKUASA AUDIT

Keahlian

Jawatankuasa Audit akan dilantik oleh Lembaga Pengarah dari kalangan Pengarah-pengarah dan hendaklah dianggotai tidak kurang daripada tiga ahli. Majoriti daripada jawatankuasa audit hendaklah terdiri daripada Pengarah-pengarah bebas. Ahli-ahli jawatankuasa audit akan memilih pengurusi daripada kalangan mereka yang hendaklah terdiri daripada pengarah bebas. Pengarah silih ganti tidak boleh dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit.

Sekurang-kurangnya seorang ahli Jawatankuasa Audit:

- (i) mesti merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia; atau
- (ii) sekiranya beliau bukan ahli Institut Akauntan Malaysia, beliau mesti mempunyai sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman bekerja dan:
 - (a) beliau mesti lulus peperiksaan yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual Pertama Akta Akauntan 1967; atau
 - (b) beliau hendaklah merupakan ahli salah satu persatuan akauntan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan 1967.
- (iii) (a) mesti mempunyai ijazah sarjana muda/sarjana/ijazah kedoktoran dalam perakaunan atau kewangan dan sekurang-kurangnya 3 tahun pengalaman selepas kelayakan dalam perakaunan atau kewangan; atau
 - (b) hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 7 tahun pengalaman sebagai ketua pegawai kewangan sesebuah perbadanan atau mempunyai fungsi yang bertanggungjawab terutamanya bagi pengurusan hal ehwal kewangan sesebuah perbadanan.

Lembaga Pengarah hendaklah mengkaji semula tugas-tugas jabatan dan prestasi Jawatankuasa Audit dan setiap ahlinya sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun untuk menentukan sama ada jawatankuasa audit telah menjalankan kewajipan-kewajipan mereka selaras dengan bidang-bidang tugasnya.



AHLI-AHLI JAWATANKUASA AUDIT

Dari kiri ke kanan: Datuk Oh Chong Peng, Tan Sri Dato' Ir (Dr) Wan Abdul Rahman Bin Wan Yaacob,
Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad Bin Mohamad Noor, Datuk Yahya Bin Ya'acob

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT *(Sambungan)*

Mesyuarat dan minit

Mesyuarat hendaklah diadakan tidak kurang daripada empat kali setahun, dan akan biasanya dihadiri oleh Pengarah Kewangan dan Ketua Audit Dalaman. Kehadiran juruaudit luar akan diminta, sekiranya diperlukan. Lain-lain ahli Lembaga boleh menghadiri mesyuarat atas jemputan Jawatankuasa Audit. Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya satu kali setahun dengan juruaudit luar tanpa kehadiran mana-mana ahli lembaga eksekutif. Juruaudit, kedua-dua dalaman dan luar, boleh meminta mesyuarat diadakan sekiranya mereka menganggap yang ianya perlu.

Korum hendaklah dua ahli yang hadir dan yang majoritinya mestilah pengarah bebas.

Setiausaha kepada Jawatankuasa Audit hendaklah merupakan Setiausaha Syarikat. Minit-minit setiap mesyuarat perlu diedarkan kepada setiap ahli Lembaga. Pengerusi Jawatankuasa hendaklah melapor pada setiap mesyuarat Lembaga.



*Lyndon Alfred Felix,
Ketua Jabatan Audit Dalaman*

Autoriti

Jawatankuasa diberi kuasa oleh Lembaga untuk menyiasat mana-mana kegiatan dalam bidang-bidang tugasnya dan akan mempunyai akses tidak terbatas kepada mana-mana maklumat berkaitan dengan Kumpulan, kedua-dua juruaudit luar dan dalaman dan kepada semua kakitangan Kumpulan. Jawatankuasa juga diberi kuasa oleh Lembaga untuk mendapat nasihat undang-undang atau nasihat bebas sebagaimana perlu.

Tugas-tugas

- 1) Untuk mengkaji pelaporan suku tahunan kepada Malaysia Securities Exchange Berhad ("MSEB") dan penyata kewangan akhir tahun Kumpulan sebelum pengemukaan kepada Lembaga, tumpuan diberi keatas:
 - (i) andaian usaha berterusan;
 - (ii) apa-apa perubahan dalam polisi perakaunan;
 - (iii) isu-isu penting timbul daripada audit;
 - (iv) pematuhan dengan piawaian, syarat-syarat berperaturan dan lain-lain syarat undang-undang perakaunan; dan
 - (v) perkara memerlukan pengadilan utama
- 2) Untuk menimbang pencalonan dan pelantikan juruaudit luar, serta yuran audit mereka.
- 3) Untuk menimbang mana-mana surat peletakan jawatan daripada juruaudit luar, dan mana-mana persoalan peletakan jawatan atau pemecatan.
- 4) Untuk berbincang dengan juruaudit luar, sebelum pelaksanaan audit, rancangan audit mereka, yang menyatakan sifat audit, dan untuk memastikan penyelarasaran audit apabila lebih daripada satu firma audit terlibat.
- 5) Untuk mengkaji dengan juruaudit luar, penilaian mereka terhadap sistem kawalan dalaman, surat pengurusan mereka dan jawapan pengurusan.
- 6) Untuk mengkaji bantuan yang diberikan oleh kakitangan Syarikat kepada juruaudit luar.

- 7) Untuk mengkaji yang berikut berhubung dengan audit dalaman:
 - (i) kecukupan ruang lingkup, fungsi dan sumber fungsi audit dalaman dan bahawa ianya mempunyai autoriti yang perlu untuk menjalankan kerjanya;
 - (ii) rancangan dan program audit dalaman;
 - (iii) penemuan-penemuan utama penyiasatan audit dalaman dan jawapan pengurusan, dan memastikan tindakan wajar diambil ke atas pengesyoran-pengesyoran fungsi audit dalaman.
 - (iv) penilaian prestasi kakitangan fungsi audit dalaman.
 - (v) pelantikan atau penamatan ahli-ahli kakitangan kanan fungsi audit dalaman.
 - (vi) perletakan jawatan ahli-ahli kakitangan audit dalaman dan memberi ahli kakitangan yang meletak jawatan peluang untuk mengemukakan alasan beliau meletak jawatan.
- 8) Untuk menimbang penemuan-penemuan utama penyiasatan dalaman dan jawapan pengurusan.
- 9) Untuk mengawasi mana-mana urusniaga pihak berkaitan dan keadaan percanggahan kepentingan yang mungkin timbul dalam Syarikat atau Kumpulan termasuk sebarang transaksi, prosedur atau perjalanan tindakan yang menimbulkan persoalan integriti pengurusan. Mereka juga dikehendaki untuk memastikan bahawa para Pengarah melaporkan urusniaga tersebut secara tahunan kepada pemegang-pemegang saham melalui laporan tahunan.
- 10) Untuk mengkaji laporan-laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko berhubung dengan kecukupan dan keutuhan sistem kawalan dalaman Kumpulan.
- 11) Untuk mengkaji semua maklumat kewangan prospektif yang diberikan kepada pengawal atur dan/atau orang-orang awam.
- 12) Untuk melapor dengan segera kepada MSEB mengenai mana-mana perkara yang dilaporkan olehnya kepada Lembaga Pengarah, yang tidak diselesaikan secara memuaskan mengakibatkan pelanggaran Syarat-syarat Penyenaraian MSEB.
- 13) Untuk menimbang perkara-perkara lain sebagaimana mungkin diarahkan oleh Lembaga dari masa ke masa.

PENYATA KAWALAN DALAMAN

Tanggungjawab

Lembaga Pengarah menyedari untuk mempunyai urus tadbir yang baik, amalan kawalan dalaman dan pengurusan risiko yang kukuh adalah amat penting. Lembaga mengesahkan tanggungjawab keseluruhan sistem kawalan dan pengurusan risiko dalaman Kumpulan IJM, dan untuk mengkaji kecukupan dan ketulusan sistem tersebut. Walau bagaimanapun, adalah harus diperhatikan bahawa sistem sedemikian direka untuk mengurus dan bukannya menghapuskan risiko kegagalan untuk mencapai objektif perniagaan. Selain daripada itu, ia harus diperhatikan bahawa sistem-sistem sedemikian hanya boleh menyediakan jaminan munasabah, dan bukan mutlak, terhadap salah nyataan atau kerugian material.

Kumpulan telah menyediakan proses mengenal pasti, mendokumentasi, menilai, mengawasi dan menguruskan risiko penting melibatkan pencapaian objektif perniagaannya.

Rangka kerja pengurusan risiko

Lembaga telah menujuhkan struktur organisasi dengan garis-garis kebertanggungjawapan dan penugasan autoriti yang ditakrif dengan jelas. Tanggungjawab Jawatankuasa Audit telah diperluaskan untuk merangkumi kerja pengawasan semua kawalan dalaman, bagi pihaknya dengan bantuan Jabatan Audit Dalam (rujuk Laporan Jawatankuasa Audit).

Kumpulan telah menujuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC), yang dipengerusikan oleh Pengarah Kewangan Kumpulan dan dianggotai wakil-wakil dari semua bahagian. Fungsi pengurusan risiko setiap bahagian diketuai oleh ketua Bahagian masing-masing. RMC ditugaskan untuk membangun dan mengekalkan sistem pengurusan risiko berkesan dalam Kumpulan. Kajiannya meliputi perkara-perkara seperti tindak-balas kepada risiko penting yang dikenal pasti, perubahan kepada sistem kawalan dalaman dan output daripada proses pengawasan. Ia melapor secara kerap kepada Jawatankuasa Audit, yang memperuntukkan masa berasingan untuk membincang subjek ini.



Sistem pengurusan risiko Kumpulan telah diwujudkan dengan bantuan pakar-pakar luar. Taksiran dan penilaian risiko menjadi bahagian penting pusingan perancangan strategik tahunan. Setelah mengenal pasti risiko kepada pencapaian objektif strategik, kewangan, operasi dan lain-lain objektif perniagaan, setiap perniagaan atau unit kefungsian diperlukan untuk mendokumenkan tindakan-tindakan pengurangan pihak pengurusan untuk setiap risiko penting. Bidang-bidang baru diperkenalkan untuk penilaian apabila profil risiko perniagaan berubah.

Di bawah sistem ini, setiap perniagaan atau unit kefungsian, tidak termasuk syarikat bersekutu dan usahasama, menyediakan secara tahunan 'lakaran risiko' yang meringkaskan risiko, kawalan dan proses bagi menguruskannya dan cara-cara bagi menjaminkan pihak pengurusan bahawa proses-proses adalah berkesan. Ibu pejabat Kumpulan juga menimbangkan risiko-risiko kepada objektif strategik Kumpulan, yang tidak diuruskan oleh unit perniagaan atau kefungsian. Lakaran-lakaran risiko dan sebarang cadangan perubahan kepada kawalan dan proses dilaporkan kepada RMC yang meringkaskan perubahan-perubahan ini bagi pertimbangan oleh Jawatankuasa Audit.

Lain-lain elemen penting bagi kawalan dalaman

Lain-lain elemen penting sistem kawalan dalaman Kumpulan termasuk:

- penugasan tanggungjawab dijelaskan secara nyata kepada jawatankuasa Lembaga dan kepada unit-unit operasi, termasuk tahap pemberian kuasa untuk semua aspek perniagaan yang dibentangkan dalam campuran kuasa;
- polisi dan prosedur operasi standard yang didokumenkan secara jelas yang tertakluk kepada penyemakan dan peningkatan dari masa ke masa;
- maklumat dari masa ke masa dan komprehensif disediakan kepada pengurusan, meliputi prestasi kewangan dan penunjuk perniagaan penting, seperti penggunaan kakitangan dan prestasi aliran tunai;
- proses bajet yang terperinci di mana unit-unit operasi menyediakan bajet bagi tahun akan datang yang diluluskan pada kedua-dua tahap unit operasi dan oleh Lembaga penuh;
- pengawasan keputusan bulanan berbanding bajet, dengan perbezaan besar disusuli dan tindakan pengurusan diambil, di mana perlu; dan
- lawatan ke unit operasi oleh ahli-ahli Lembaga dan pengurusan kanan.

Dalam tahun, semua Bahagian dalam Kumpulan telah menjalankan kajian tahunannya ke atas profil risiko mereka dan selaras dengan itu perubahan tertentu kepada proses pengurusan risiko dan kawalan dalaman telah dibuat. Perubahan telah dikaji oleh RMC dan kemudiannya dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit.

Beberapa kelemahan kecil kawalan dalaman telah dikenal pasti dalam tempoh tersebut, semua yang mana telah, atau sedang, ditangani. Tidak ada kelemahan yang telah mengakibatkan apa-apa kerugian material, kontigensi, atau ketidakpastian material yang akan memerlukan pendedahan dalam laporan tahunan Kumpulan.



JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

Dari kiri ke kanan: Raw Koon Beng (Pengurus - Akaun), Pang Sek Loh (Pengurus Kanan -Teknikal), Siva Kumar a/l Rajappan (Pengurus - Sistem Kualiti), Loy Boon Chen (Pengarah Kewangan), Low Hong Imm (Pengurus - Akaun & Kewangan), Tan Hock Chien (Pengurus - Akaun) & Md. Ghazali Bin Ali (Pengurus Pembinaan) Tiada dalam gambar: Khoo Kah Hock (Pengurus - Kewangan)

PENYATA MENGENAI KUALITI

Perjuangan Ke Arah Kecemerlangan Melalui Kualiti

Kumpulan IJM telah membina reputasi bagi produk dan perkhidmatan berkualiti dan komited secara kukuh kepada motonya "Kecemerlangan Menerusi Kualiti". Ia merupakan objektif Kumpulan untuk secara berterusan meningkatkan tahap prestasi kualiti bagi memastikan bahawa produk Kumpulan dan perkhidmatan yang dijalankan diterima dengan baik oleh klien dan terus kekal berjaya dalam perniagaan.

Polisi mengenai Kualiti

Ia merupakan polisi Kumpulan IJM agar:


1. Semua projek dan perkhidmatan yang dijalankan akan dilaksanakan dalam cara tertentu agar ia melebihi jangkaan pelanggan.
2. Kualiti produk dan perkhidmatan akhir akan dipertingkatkan melalui kajian berterusan dan pemajuan proses pembinaan dan sistem jaminan kualiti.
3. Kemahiran pekerja-pekerja kami yang berkelayakan dan berdedikasi pada semua peringkat akan dipertingkatkan untuk memberi khidmat yang lebih baik kepada pelanggan kami.

Sistem Penilaian Kualiti dan Keselamatan IJM (IQSAS)

Kumpulan IJM telah mewujudkan Sistem Pengurusan Kualiti yang pertama kali diperakui ISO 9002:1994 pada tahun 1996. Sejak itu, Kumpulan telah dengan jayanya memperbaharui pensijilannya setiap tahun.

Sebagai langkah komitmennya terhadap "zero defects", Kumpulan telah mewujudkan satu taraf dikenali sebagai Sistem Penilaian Kualiti dan Keselamatan IJM (IQSAS). IQSAS adalah sistem penilaian kawalan sendiri, prosedur dan kaedah pengujian dalam mana taraf-taraf ditetapkan bagi pelbagai aspek kualiti dan keselamatan pembinaan bangunan seperti struktur, senibina dan kerja-kerja mekanikal dan kejuruteraan.

Dalam persekitaran tenaga kerja pendatang yang kurang dilatih dan bersifat sementara, pengenalan IQSAS dihasratkan untuk membolehkan Kumpulan untuk selanjutnya mempertingkatkan taraf kualiti dan pelaksanaan keselamatan dalam projek bangunannya.



Peningkatan Kualiti Berterusan

Kumpulan adalah komited untuk memberi tahap yang tinggi dalam kualiti produk akhir - *Mercu Kecemerlangannya*. Proses berterusan ke arah mengekalkan budaya "Kecemerlangan Melalui Kualiti" adalah, dengan yang demikian, diberikan keutamaan tinggi. Antara aktiviti bagi tahun termasuk:

1. Peningkatan Manual Kualiti dengan memperkenalkan carta aliran prosedur dikonsepsikan;
2. Pengenalan manual Jabatan Sistem Kualiti (QSD) dalam sistem server Kumpulan untuk diakses dengan senang oleh semua kakitangan;
3. Pengabungan Polisi dan Prosedur Kualiti ke dalam Buku Panduan Pengurus Projek;
4. Pengembangan ruang lingkup IQSAS untuk meliputi Kerja-kerja Awam
5. Peningkatan kakitangan melalui latihan kerap melalui seminar dalam Kumpulan dan luar; dan
6. Konsep berkongsi pengetahuan melalui sistem pangkalan data.



Ujian renggang bagi jubin dinding dalam

Sistem pengurusan kualiti projek IJM dinilai secara berterusan melalui audit mutu dalaman yang dilaksanakan oleh juruaudit daripada QSD. Setiap projek dan jabatan Ibu Pejabat yang berkenaan biasanya diaudit dua kali setahun. Dalam tahun dilapor, 31 audit dijalankan.

Keputusan semua audit dikemukakan dan dibentang kepada Jawatankuasa Pengurusan Kualiti ("QMC") diketuai Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan untuk kajian pengurusan secara kerap. QMC kemudiannya, di mana perlu, membuat pengesoran-pengesoran mengenai langkah-langkah untuk mempertingkatkan IQSAS.

Kumpulan juga mengadakan pertandingan Anugerah Kualiti di mana projek-projek dinilai setiap tahunan daripada kategori Awam dan Bangunan. Projek-projek dinilai mengikut sepuluh kriteria utama, termasuk kajian bebas berdasarkan maklum balas pelanggan. Projek dengan markah tertinggi dalam setiap kategori Awam dan Bangunan dihadiahkan dengan Trofi Pengerusi QMC dan hadiah wang dan tambahan bonus bagi kakitangan projek.



Pemenang-pemegang Anugerah Kualiti 2003...



...kategori Awam: Butterworth Outer Ring Road



...dan kategori Bangunan: Fasa 4 Riana Green

Pensijilan ISO

Kumpulan mempunyai sasaran agar semua perniagaannya berusaha ke arah pensijilan ISO 9000. IJM Properties Sdn Bhd menjadi syarikat terbaru yang menyertai kelompok syarikat-syarikat Kumpulan dalam memperolehi pensijilan ISO apabila ia telah diaudit dengan jayanya bagi pelaksanaan pensijilan MS ISO 9001:2000 pada 10 Disember 2003.

Sehingga kini, syarikat-syarikat dalam Kumpulan yang telah memperolehi pensijilan ISO adalah seperti berikut:-

1. Strong Mixed Concrete Sdn Bhd
2. IJM Corporation Berhad
3. IJM Construction Sdn Bhd
4. Prebore Piling & Engineering Sdn Bhd
5. IJM Building Systems Sdn Bhd
6. IJM (India) Infrastructure Sdn Bhd
7. IJM Properties Sdn Bhd

Kaji Selidik Tahunan

Borang kaji selidik dihantar secara tahunan kepada klien atau wakil klien untuk projek-projek yang dijalankan bagi mendapatkan maklum balas mengenai prestasi IJM. Maklum balas kemudiannya digunakan untuk menentukan langkah masa hadapan untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan bagi mempertingkatkan kepuasan pelanggan.

PENYATA MENGENAI KESELAMATAN DAN KESIHATAN

Moto Kumpulan "Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar Adalah Tanggungjawab Semua" telah menjadi prinsip-prinsip panduan bagi usaha Kumpulan untuk menanam ke dalam budaya kerjanya keperluan untuk mengekal dan mempamerkan tahap tinggi kesedaran atas keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan alam sekitar.

Keutamaan diberi ke atas pencegahan kecederaan dan bahaya ditempat kerja kepada kakitangannya dan orang awam apabila menjalankan kegiatan perniagaannya telah teruji dan diperakui oleh SIRIM pada November 2000 apabila pensijilan OSHAS 18001:1999 telah dikeluarkan kepada IJM Corporation Berhad dan IJM Construction Sdn Bhd. Syarikat-syarikat ini menjadi dua buah syarikat Malaysia yang pertama dalam industri pembinaan untuk diberikan pensijilan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Kumpulan telah berjaya mengekalkan pensijilan ini sejak dari itu.

Polisi Keselamatan dan Kesihsatan

Adalah menjadi polisi Kumpulan IJM untuk mewujudkan kesedaran di kalangan kakitangannya mengenai tanggungjawab bersama untuk mencegah bahaya kecederaan dan kesihatan di tempat kerja dan jaminan keselamatan awam apabila menjalankan kegiatan perniagaannya. Usaha bersepdu sentiasa diambil untuk memastikan langkah-langkah awal dilaksanakan di semua lokasi operasi Kumpulan.

Lawatan Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn ke Pusat Konvensyen Putrajaya ...



... menyampaikan sijil kepada Pengurus Projek Chan Foo Kheong bagi pencapaian satu juta jam tanpa kehilangan masa akibat kecederaan



... dan memeriksa salah satu aspek keselamatan

Strategi untuk melaksanakan polisi keselamatan dan kesihatan

Strategi-strategi berikut telah dirumuskan untuk melaksanakan polisi:

- Mematuhi semua syarat perundungan yang terpakai;
- Komitmen untuk mencapai standard pematuhan yang lebih tinggi;
- Meningkatkan kesedaran dan kebertanggungjawapan kakitangan pada semua tahap iaitu tanggungjawab mereka terhadap keselamatan dan kesihatan;
- Menyediakan maklumat, latihan dan kemudahan kepada setiap kakitangan dan pihak-pihak berkepentingan;
- Mengawasi prestasi dan mengkaji sistem secara kerap untuk mencapai standard kesihatan dan keselamatan yang lebih tinggi.

Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan

Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (SHC) ditubuh pada setiap projek dan di Ibu Pejabat bagi tujuan :

- membantu dalam pembentukan peraturan-peraturan keselamatan dan kesihatan dan sistem kerja yang selamat;
- mengkaji keberkesanan program-program keselamatan dan kesihatan sedia ada;
- menjalankan penyiasatan ke atas trend-trend kemalangan, kemalangan yang hampir berlaku, kejadian berbahaya, keracunan semasa kerja atau penyakit semasa kerja, sekiranya ada, yang berlaku di tempat kerja, dan mengesyorkan tindakan pembetulan segara; dan
- mengkaji polisi-polisi keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dan membuat pengesyoran kepada pengurusan sekiranya amalan-amalan tersebut tidak selaras dengan amalan-amalan yang telah lama wujud.

SHC menjalankan pemeriksaan tapak kerja secara kerap dan mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya satu kali sebulan untuk berbicara dan menonjolkan bagaimana tahap keselamatan dan kesihatan sedia ada boleh dipertingkatkan lagi.

Satu salinan "Manual dan Prosedur Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan" diberi kepada setiap tapak projek dan jabatan. Manual telah dirumuskan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan ("SHD") dan disahkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan Kumpulan ("OHSMC"). Sebelum pelaksanaan kerja-kerja pembinaannya, setiap projek dikehendaki untuk menyiapkan Pelan Keselamatan dan Kesihatan Projek ("PSP") mereka masing-masing. Pelaksanaan pelan ini adalah untuk memastikan Kumpulan mematuhi dan mengikuti Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994.

OHSMC terdiri daripada pengurus-pengurus kanan daripada pelbagai unit kendalian, wakil-wakil daripada jawatankuasa keselamatan dan kesihatan ("SHC") dan diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan. OHSMC bermesyuarat secara berkala untuk mengkaji operasi sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan bagi memastikan keberkesanan keselamatan dan kesihatan di tapak kerja.



CEO Dato' Krishnan Tan menyampaikan Anugerah Keselamatan kepada Pengurus Projek French Castle, Leong Chan Fatt

Dalam tahun kewangan, SHD telah menjalankan sejumlah 30 audit keselamatan dan kesihatan, meliputi kesemua projek aktif sedia ada. Di mana perlu, tindakan pembetulan dan pencegahan disyorkan dan tindakan diambil untuk membetuli sebarang kelemahan atau kekurangan yang boleh dikenal pasti.

Pertandingan Anugerah Keselamatan diatur secara tahunan untuk menggalakkan lagi kesedaran kesihatan dan keselamatan di tempat kerja. Projek-projek dengan pencapaian tertinggi dalam setiap kategori yang dikenal pasti diberi ganjaran piala, wang hadiah dan bonus-bonus yang dinaikkan bagi kakitangan projek.

Sistem Penilaian Kesihatan dan Keselamatan IJM (IHSAS)

Sejajar dengan usaha-usahanya untuk memperbaiki lagi aspek keselamatan semua kegiatannya, Kumpulan telah mewujudkan Sistem Penilaian Kesihatan dan Keselamatan IJM (IHSAS). IHSAS adalah penilaian dikawal sendiri bagi prosedur dan kaedah pengujian dalam mana standard-standard ditetapkan untuk pelbagai aspek keselamatan kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan, termasuk Asas dan Pencerucukan, Pembinaan dan Kejuruteraan Awam.

IHSAS dirumus berdasarkan standard OHSAS 18001 dan semua undang-undang terpakai lain seperti Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, 1994 dan Akta Kilang dan Mesin, 1967.

Latihan

Dalam usahanya untuk mencapai kadar "Kemalangan Sifar", kakitangan IJM menjalani latihan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan yang diatur secara dalaman dan luaran. Latihan suaikenal juga diatur bagi semua kakitangan atau pekerja baru yang menyertai Kumpulan, termasuk ceramah keselamatan dan kesihatan biasa yang dikendalikan oleh SHD. Dalam tahun kewangan, SHD memperkenalkan program latihan baru seperti Pengenalpastian Bahaya, Penilaian Risiko dan Kawalan Risiko (HIRARC) dan Pengurusan Kimia.

PENYATA MENGENAI ALAM SEKITAR

Polisi

Kumpulan mempunyai tanggungjawab sosial ke arah kesejahteraan alam sekitar dan menggabungkan objektif perniagaan dengan pembangunan kekal jangka panjang.

Pengurusan Alam Sekitar

Kumpulan menyedari bahawa isu-isu alam sekitar bersifat jangka panjang dan juga kompleks. Terdapat isu-isu alam sekitar dalam kebanyakan operasi kami dan terdapat keperluan untuk memakai prinsip-prinsip biasa dan struktur asas dalam Kumpulan IJM yang berkembang pesat.

Kumpulan secara berterusan memantau dan mengawasi perkara-perkara yang menjadi kebimbangan alam sekitar dengan tujuan mengambil langkah terlebih dahulu untuk mencegah kerosakan terhadap alam sekitar yang tidak boleh diperbaiki. Sistem pengurusan alam sekitar direka secara wajar adalah, satu syarat yang wajib bagi kawalan alam sekitar yang cekap.

Pengurusan alam sekitar dalam operasi pembinaan mengikuti garis panduan Rancangan Pengurusan Alam Sekitar (EMP), yang termasuk tetapi tidak semestinya terhad kepada:

- bagaimana isu-isu alam sekitar yang timbul akan ditangani dalam rekabentuk kejuruteraan, dan
- bagaimana perlindungan alam sekitar dan langkah-langkah peringanan akan dilaksanakan daripada fasa pembinaan sehingga fasa operasi, di mana berkenaan.

Komponen-komponen utama EMP menggabungkan perkara-perkara berikut:

- **Penerangan Projek:** Garis kasar ciri-ciri dan komponen-komponen projek, dan kegiatan-kegiatan pembangunan utama semasa pembinaan;
- **Kesan Alam Sekitar:** Ringkasan potensi kesan-kesan alam sekitar dan keseriusannya. Bidang kesan merangkumi mutu udara, bunyi dan air vis-à-vis kesan-kesannya kepada manusia dan ekologi;
- **Pembaikan:** Mengenal pasti langkah-langkah pengurangan khusus yang akan dipakai untuk mengawal atau membaiki potensi kesan kurang baik, dan dalam pemberian, tahap sehingga mana langkah-langkah diambil akan mengurangkan kesan kurang baik;
- **Pemantauan:** Menghasilkan program untuk memantau impak dan kesan berpotensi yang dikenal pasti, dengan itu keberkesanannya langkah-langkah cadangan pemberian dapat dinilai.



Ujian tahap bunyi

Laporan Pemantauan Dan Pematuhan Alam Sekitar

Pemantauan alam sekitar secara berterusan dijalankan pada tahap projek, sering-kali dengan bantuan perunding-perunding luar. Tujuan pemantauan adalah untuk menilai keberkesanannya langkah-langkah pengurangan diambil untuk memastikan agar kesan-kesan kurang baik kepada alam sekitar dikekalkan pada tahap minimum. Bidang utama di bawah pemantauan alam sekitar termasuklah sistem pengurusan alam sekitar, kawalan kualiti udara, hakisan, kawalan mendapan dan kawalan banjir, kawalan trafik, pengurusan sisa, kawalan kualiti air, kawalan tahap bunyi, buangan kumbahan dan kemudahan kebersihan, dan lain-lain isu ekologi.

Audit alam sekitar dikendalikan dari masa ke masa dan penemuan audit digunakan untuk menyusun Laporan Pemantauan dan Pematuhan Alam Sekitar secara amnya menggabungkan unsur-unsur berikut:

1. Analisis keputusan diperolehi daripada kajian alam sekitar;
2. Penilaian kesan-kesan alam sekitar dijangkakan dan keberkesanannya langkah-langkah pemberian yang dilaksanakan;
3. Laporan mengenai status kerja ke atas pelaksanaan langkah-langkah pemberian;
4. Status pematuhan piawaian dan/atau syarat-syarat beroperaturan diluluskan;
5. Pengesyoran bagi tindakan-tindakan selanjutnya, sekiranya ada.

Laporan dihasratkan untuk menyediakan kepada kontraktor dan/atau pihak-pihak berkuasa berkaitan dengan maklum balas mengenai status pelaksanaan EMP termasuk penilaian ke atas keberkesanannya. Perhatian sewajarnya diberi kepada pengesyorannya dan tindakan-tindakan perlu diambil di mana laporan ketidakpatuhan telah difailkan.

Perlindungan Alam Sekitar di Ladang-ladang

Pengurusan alam sekitar di ladang kelapa sawit kami mengikuti amalan terbaik digariskan dalam manual penanaman kami, yang mempunyai objektif-objektif utama berikut:

- Memperkenalkan amalan pengurusan agro terbaik untuk melindungi alam sekitar dan memulihara tanah, air, nutrien dan karbon;
- Melaksana proses-proses bagi pematuhan menyeluruh undang-undang, peraturan-peraturan dan piawaian-piawaian mengenai alam sekitar;
- Mengawasi keberkesanan pelaksanaan dan pematuhan.

Bahagian Perladangan Kumpulan telah menggunakan pelbagai amalan mesra alam untuk melindungi alam sekitar. Ini termasuklah:

- **Pemuliharaan tanah dan air:**

Hakisan tanah diminimumkan semasa pembangunan perladangan melalui penanaman pantas tanaman penutup bumi. Di ladang yang mantap, polisi mengekalkan sebanyak mungkin tanaman penutup bumi yang boleh membantu menghalang kehilangan tanah dan memulihara kelembapan. Di mana rupa bumi memerlukannya, teres kontur dibuat untuk tujuan yang sama. Lokasi strategik di tanah lebih tinggi dikenal pasti di mana empangan dibina untuk mengumpul air daripada sumber air semulajadi seperti sungai dan hujan bagi mengairi ladang-ladang semasa keadaan musim kering.

- **Pengurusan sisa kilang:**

Tertakluk kepada kelulusan daripada pihak-pihak berkuasa berkaitan, cairan buangan dari kilang-kilang kami dirawat untuk mengairi kawasan ladang. Memandangkan cairan buangan adalah organik, ia memperkayakan tanah dengan menggalakkan kegiatan mikrob tanah. Amalan ini mengurangkan penggunaan baja tak organik. Kelebihan tambahan adalah bahawa hasil tandan buah baru telah meningkat secara ketara.

Selain pengairan buangan kilang, ladang juga menggunakan abu tandan untuk menggantikan baja potasy, tandan buah kosong sebagai penyungkup penyesuai tanah, dan pepejal bercembul kering sebagai pemberi tanah di kawasan tanah kaya dengan zat besi.

- **Pengurusan Perosak Bersepadu:**

Di mana praktikal, tanaman berfaedah seperti *Cassia Cobanensis* ditanam di ladang. Tanaman ini terkenal sebagai sumber makanan yang baik untuk serangga yang menjadikan serangga perosak kelapa sawit mangsa mereka. Kewujudan tanaman berfaedah menggalakkan pembiakan serangga-serangga berfaedah ini dan membantu untuk memastikan bilangan perosak rendah. Racun perosak kimia tertentu adalah kini dielakkan dengan penggunaan kawalan biologi ke atas perosak sawit.

- **Pemulihan dan Pengayaan Tanah:**

Untuk pemulihan tanah, tandan buah terpisah (EFB) yang dicarik digunakan untuk mengurangkan tekanan air ke atas pokok sawit disebabkan oleh keadaan tanah kurang baik, seperti bahan berpasir. Ia juga menyumbang bahan organik dan nutrien semulajadi selepas pereputan. Oleh yang demikian, EFB, apabila digunakan sebagai penutup tanah atas, mengekalkan kelembapan selain nutrien.

Untuk memperbaiki keadaan tanah, Bahagian Perladangan menggunakan legum sebagai pengukuhan litupan semasa peringkat awal pertumbuhan sawit untuk menghalang pertumbuhan tumbuhan yang tidak diingini yang mungkin bersaing untuk mendapat nutrien dan cahaya matahari. Legum pengukuhan juga menyumbang kepada perkara-perkara organik, nutrien dan pengudaraan yang akan menghalang pembiakan perosak, hakisan tanah dan memperbaiki kualiti tanah.

- **Pendekatan pembakaran sifar:**

Bahagian Perladangan telah mengamalkan polisi pembakaran sifar dalam semua program penanaman semulanya.

Bahagian Kualiti, Latihan dan Penyelidikan Perladangan sentiasa memantau pematuhan dan perkembangan amalan baru untuk meningkatkan pengurusan alam sekitar di semua ladang kelapa sawit Bahagian ini.



Lindungan legum yang baik untuk pemuliharaan tanah dan air

PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN, SERTA INOVASI

IJM menyedari bahawa ia beroperasi dalam persekitaran yang berdaya saing. Pengeluaran produk dan perkhidmatan yang lebih baik pada kos yang lebih rendah dan perkembangan pesat adalah penting untuk kekal berada di hadapan dalam persaingan.

Budaya menghasilkan produk dan perkhidmatan kami yang bermutu dan berinovasi akan terus menjadi asas kepada pertumbuhan. Kami akan terus memperuntukkan sumber-sumber kami dalam cara yang sinergistik dan menghapuskan penduaan, untuk mengukur rujuk proses kami yang setanding dengan piawaian tertinggi antarabangsa dan menguasai teknologi canggih untuk kekal berada di hadapan. Peruntukan pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan, dan pendekatan-pendekatan berinovasi akan menjadi kunci kepada kestabilan pertumbuhan dalam perniagaan kami. Kami akan bergerak ke hadapan dengan menyedari bahawa kami boleh terus membentuk dan menjamin masa depan kami hanya dengan mengamalkan kejuruteraan semula dan daya cipta yang berterusan, dan mengeluarkan produk yang lebih bermutu melalui pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan.

Inovasi dan Kecemerlangan Pembinaan


Kumpulan telah membuktikan dirinya sebagai pengusaha terunggul dalam industri pembinaan, khususnya melalui

kerja-kerja pembinaan yang direkabentuk secara inovatif dan bermutu dijalankan dalam jangka masa yang secepat mungkin. Kami percaya dalam memasang peralatan dan teknologi terkini untuk menghasilkan produk dan membina struktur dengan cepat dan cekap dengan taraf kualiti pembinaan yang tinggi yang memenuhi keperluan hari ini dan memenuhi keperluan negara pada masa-masa akan datang.

Pembinaan Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC) bernilai RM603 juta atas dasar serah kunci dalam tempoh 22 bulan memerlukan perancangan, penyelaras dan pelaksanaan yang intensif. Peralatan canggih terkini memerlukan penyepadan untuk berfungsi dalam cara tanpa batasan. Kesemuanya ini membawa maksud kaedah pembinaan baru untuk kecepatan, kemahiran baru untuk penyepaduan sistem dan seterusnya. Sebagai mercu tanda bertaraf dunia, PCC akan menjadi simbol keupayaan IJM untuk memanfaatkan pelbagai disiplin kemahirannya dan kebolehan untuk membangunkan bangunan bertaraf dunia. Setiap projek serah kunci baru merupakan ujian kemahiran kami untuk pembaharuan, menggunakan teknologi dan produk baru dan menyampaikan produk akhir bermutu dengan tempoh pembinaan yang sesingkat mungkin.

Kami telah membuktikan diri kami sebagai pengusaha antarabangsa dalam industri pembinaan dan berkaitan pembinaan. Kami telah menempah nama di beberapa

JEJAK-JEJAK KAMI DI DUNIA



buah negara. Kami merupakan antara kontraktor Malaysia yang pertama menceburkan diri dalam pasaran luar negeri seperti Argentina, Australia, Bangladesh, Chile, China, Florida (USA), Hong Kong, India, Mauritius, Namibia, Pakistan dan Singapura, antara lainnya. Kami memperolehi konsesi loji rawatan air Bina-Kendali-Pindah (BOT) yang pertama di Vietnam, apabila tidak ramai pelabur berani memasukinya. Kami juga mendapat penghormatan menjadi syarikat Malaysia pertama yang memulakan skim perumahan diswastakan di India di samping menerajui konsortium syarikat pembinaan Malaysia pertama untuk menjalankan projek lebuhraya BOT di India. Dalam setiap pasaran ini, kemahiran baru adalah diperlukan untuk disesuaikan kepada keadaan tempatan, kerjasama yang berkesan dan penghantaran cepat seperti yang dijanjikan.

Produk Inovasi

Kumpulan juga sentiasa mencari cara-cara untuk memajukan produk-produk baru untuk kegunaan dalam pelbagai operasinya. Pada tahun 2002, kami melaporkan bahawa menerusi usahasama yang dijalankan oleh IJM Building Systems Sdn Bhd, pengeluaran panel komposit simen bertutulang gentian kelapa sawit ringan yang pertama telah dinautialahkan dengan Anugerah Malaysian Book of Records sebagai produk pertama seumpamanya di Malaysia.

Tahun ini, Industrial Concrete Products Berhad, syarikat bersekutu 20%, juga telah diiktiraf oleh Malaysian Book of Records bagi pengilangan cerucuk konkrit pratuang terpanjang sepanjang 46 meter. Cerucuk tersebut telah digunakan bagi sebahagian terminal pelabuhan dan maritim di Pelabuhan Klang, Pulau Pinang dan Lumut.



Cerucuk terpanjang yang dikilangkan di Malaysia

Penyelidikan dan Pembangunan

Kumpulan terus meletakkan keutamaan yang tinggi ke atas penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bahagian perladangannya apabila ia berusaha untuk mengekalkan kelebihan hingga jauh ke masa hadapan. Pelaburan penting telah dibuat dalam R&D dan latihan sebagaimana yang dibuktikan melalui pembukaan rasmi Pusat Kualiti, Latihan dan Penyelidikannya (QTRC) pada tahun 2002.



Makmal QC, IJM Plantations

Kegiatan utama R&D adalah pembiakan kelapa sawit dan pengeluaran biji benih. Untuk tujuan ini, dan bersama dengan percubaan ke atas peningkatan pelbagai kelapa sawit dan agronomi, Bahagian ini sekarang mengeluarkan sendiri biji benih hibrid yang berkualiti untuk memenuhi permintaan pengembangannya. Pada tahun 2003, QTRC telah mengeluarkan lebih daripada 960,000 biji benih hibrid DxP untuk perladangan kami di Sugut, hampir dua kali ganda daripada tahun 2002.

Penyelidikan dalam penggunaan kawalan Biologi untuk mengurangkan penggunaan racun perosak, penukaran sisa-sisa buangan kilang kepada baja asli juga sedang dijalankan.

QTRC akan terus menyediakan pelbagai kursus latihan, termasuk "Inovasi dalam Amalan Pengurusan Semaian Kelapa Sawit", "Hari Mutu FBB untuk Pengurus Ladang & Kilang", antara lainnya. Aktiviti-aktiviti penyelidikan dan latihan di QTRC pada tahun-tahun akan datang dijangka selanjutnya menyumbang ke arah peningkatan produktiviti Bahagian.



ORANG KAMI

Manusia menjadikan sesebuah Pertubuhan. Di IJM, ini adalah kepercayaan kami bahawa kakitangan IJM adalah aset yang paling penting. Kakitangan berdedikasi adalah faktor penting dan tenaga pendorong di sebalik kejayaan IJM. IJM memberi keutamaan tinggi dalam membimbing dan mengambil berat tentang kakitangan. Sebaliknya, kumpulan kakitangan IJM yang kompeten - didorong oleh semangat mereka untuk cemerlang - akan membentuk tunjang untuk menyokong pertumbuhan jangka panjang Kumpulan.

Latihan

Kumpulan terus menggalakkan kakitangannya untuk memperbaiki kekompetenan dan kemahiran mereka melalui kegiatan pembangunan formal seperti latihan, seminar profesional, dsb. Pada tahun 2003, RM344,009 telah dibelanjakan dalam pelbagai program kecekapan. Sesi pembinaan kekompetenan menekankan kemahiran sambil bekerja, teknologi maklumat, pengurusan keselamatan dan kesihatan, kemahiran ringan seperti pengurusan, pembangunan penyeliaan, akaun dan kewangan, kemahiran pembentangan dan menulis laporan. Sejumlah 32,560 jam manusia latihan telah disediakan kepada kakitangannya pada tahun 2003.



Pekerja pembinaan di tempat kerja

Kumpulan adalah komited untuk mewujudkan satu kumpulan Pegawai Keselamatan & Kesihatan yang kompeten dan layak untuk memenuhi keperluan OSHA 1994. Meneruskan keutamaan yang ditetapkan pada tahun sebelumnya, kelompok kedua seramai 15 kakitangan daripada bahagian pembinaan dikenal pasti untuk menghadiri kursus pensijilan Keselamatan dan Kesihatan.

Kumpulan kekal sebagai sebuah syarikat yang menyedari kepentingan membangun, mengurus dan membimbing bakat. Program orientasi pada permulaan penyertaan Kumpulan, bersama dengan kursus induksi oleh pengurus terdekat, didorong terhadap asimilasi lancar kakitangan baru kepada kepercayaan dan nilai teras Kumpulan.



CEO Dato' Krishnan Tan dan kakitangan di Anugerah NACRA

Menyediakan mentor di tempat kerja bagi graduan muda telah dikenal pasti berjaya dalam menggalakkan pembangunan tertumpu setiap graduan dan kepaduan antara kelompok rekrut muda. Selain itu, ini membolehkan pengenalan awal bakat berpotensi yang sebaliknya menyediakan saluran untuk pekerja yang memamer kecemerlangan diletakkan pada rancangan perkembangan dipercepatkan untuk mengiktiraf dan membimbing kekuatan dan keupayaan yang berlainan.

Dalam tahun, Kumpulan mengambil satu lagi langkah ke arah mananam budaya berkemahiran membentang dengan baik ke dalam diri pekerja-pekerjanya – untuk berdiskusi dari segi pertuturan, pendengaran dan berfikir secara berdiskusi, semuanya dalam persekitaran pembelajaran sokongan bersama lain, dengan penubuhan Kelab Toastmasters IJM.



Kelab Toastmasters IJM – memupuk budaya kemahiran persembahan yang baik

Kebajikan Kakitangan

Kebajikan kakitangan kekal sebagai bahagian penting antara komitmen Kumpulan kepada kakitangannya. Manakala Kumpulan berusaha untuk mewujudkan lebih kekayaan kepada pemegang-pemegang saham, ia tidak lupa komitmennya kepada kakitangan. Perlindungan insurans terancang untuk semua pekerja terus disediakan bagi memastikan ketenangan jiwa dan keselamatan dalam bentuk perlindungan kemalangan diri di seluruh dunia 24 jam, asurans hayat sementara dengan perlindungan penyakit kritis, kemasukan hospital dan insurans pembedahan. Selain itu, Skim Persaraan IJM menyediakan kakitangan mencapai usia persaraan dengan tunai sekali gus yang dialu-alukan. Skim mempunyai manfaat tambahan menyediakan jaringan keselamatan kepada kakitangan yang meninggal dunia akibat penyakit atau kematian semasa perkhidmatan dengan Kumpulan.



Perbincangan kesihatan secara tetap diadakan sebagai sebahagian daripada program penyayang Kumpulan bagi kakitangannya

Kakitangan IJM di bahagian perladangan tidak ketinggalan. Mereka telah menunjukkan dari masa ke masa bahawa ianya bukan sahaja menanam kelapa sawit. Pasukan IJMP Eagles mengatasi cabaran untuk memenangi Piala Bola sepak Cabaran IJM-Adidas manakala IJM Cobra Blacks muncul johan di pertandingan ragbi Malaysia Timur COBRA 10's ketiga.



Makan Malam & Tari-Menari Tahunan ke-20

Anugerah Kesetiaan

Lebih separuh daripada 972 kakitangan Kumpulan telah bersama kita lebih daripada 5 tahun. Dalam tahun dilaporkan, 14 orang lagi kakitangannya mencecah ulang tahun kedua puluh tahun mereka bersama Kumpulan dan mereka telah dianugerahkan di Majlis Makan Malam dan Tarian Tahunan Kumpulan.




Pasukan IJMP Eagles sedang beraksi semasa pertandingan ragbi COBRA 10's ke-3 Malaysia Timur




CEO Dato' Krishnan Tan merupakan salah seorang daripada 14 penerima bagi Anugerah Kesetiaan 20 tahun

KAKITANGAN & PRODUKTIVITI



Pengurangan berdasarkan pengecualian kakitangan-kakitangan IJM Plantations Berhad yang telah menjadi syarikat bersekutu pada 2 Julai 2003.



PERKHIDMATAN MASYARAKAT

Prihatin terhadap Masyarakat



Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Binti Almarhum Tengku Abdul Rashid (kedua dari kanan) dengan Jeremie Ting di pameran lukisan Heart to Art untuk Kutipan Kebajikan

Kepercayaan teguh untuk menjadi warga rakyat korporat yang bertanggungjawab dari segi sosial, Kumpulan menyahut seruan kepada beberapa keperluan pelbagai masyarakat dan pertubuhan. Jumlah sumbangan sebanyak RM2.50 juta dibuat kepada pelbagai pertubuhan amal, pendidikan, kebudayaan dan sukan.

Bagi tahun 2003, penerima sumbangan dalam bentuk tunai dan bukan tunai termasuk Yayasan Kepimpinan Perdana, Yayasan Kajian Dan Pembangunan Masyarakat, Majlis Kanser Nasional, Malaysian Humanitarian Foundation, Malaysian Care, Rumah Amal Cheshire Home, Pusat Penjagaan Kanak-kanak Cacat Taman Megah, Rumah Ozanam, Institut Jantung Negara, Huaren Education Foundation (UTAR), Maju Institute of Educational Development, antara lain.

Kegiatan masyarakat lain juga disusun, termasuk apa yang sekarang menjadi acara yang tetap dalam kalender IJM – kempen menderma darah. Dalam tahun, kanak-kanak daripada pertubuhan amal juga dijemput untuk menyertai perayaan dan lawatan kami seperti ke Gua Tempurung.

Anugerah Biasiswa IJM 2003

IJM meneruskan tradisi menyediakan bantuan kewangan kepada yang memerlukan dan mahasiswa-mahasiswi yang layak meneruskan pendidikan tinggi tempatan. 8 lagi mahasiswa-mahasiswi yang layak telah menerima anugerah biasiswa untuk belajar di universiti tempatan. Ini menjadikan jumlah biasiswa dianugerahkan setakat ini kepada 72. Telah menjadi kepercayaan kumpulan bahawa anugerah-anugerah ini menyediakan aliran profesional yang cerah untuk mengekalkan dan merangsang pertumbuhan jangka panjang.



Kumpulan terus bertindak menyahut keperluan beberapa pertubuhan kebajikan



Pemegang biasiswa yang lepas dan semasa bersama Pengurus, Timbalan CEO dan Setiausaha Syarikat

PENYATA KEWANGAN

Laporan dan Penyata Para Pengarah	71
Penyata Pendapatan	76
Kunci Kira-kira	77
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti	78
Penyata Aliran Tunai Disatukan	81
Penyata Aliran Tunai Syarikat	82
Ringkasan Polisi Perakaunan Penting	83
Nota-nota Kepada Penyata Kewangan	92
Senarai Anak-anak Syarikat dan Syarikat-syarikat Bersekutu	146
Perakuan Berkanun	151
Laporan Juruaudit Kepada Ahli-ahli	152

LAPORAN DAN PENYATA PARA PENGARAH

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan mereka yang kedua puluh bersama dengan penyata kewangan teraudit Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003.

KEGIATAN UTAMA

2. Syarikat pada dasarnya terlibat dalam pembinaan, pembangunan harta dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan adalah dalam pembinaan, pembangunan harta, pengilangan dan pengkuarian, penanaman kelapa sawit dan pemegangan pelaburan.

Tidak ada perubahan ketara dalam kegiatan utama ini dalam tahun kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	KUMPULAN RM'000	SYARIKAT RM'000
3. Keuntungan daripada kegiatan biasa selepas cukai Kepentingan minoriti	150,661 (4,937)	79,921 -
Keuntungan bersih bagi tahun	145,724	79,921

DIVIDEN

4. Dividen dibayar, diisyiharkan atau dicadangkan sejak akhir tahun kewangan sebelum ini adalah seperti berikut:-

	RM'000
(a) Berhubung dengan tahun berakhir 31 Disember 2002 sebagaimana ditunjukkan dalam Laporan dan Penyata Para Pengarah bagi tahun tersebut: -	
Dividen interim kedua sebanyak 7% tolak cukai dibayar pada 22 Mei 2003	18,512
(b) Berhubung dengan tahun berakhir 31 Disember 2003: -	
Dividen interim pertama sebanyak 5% tolak cukai dibayar pada 14 November 2003	13,693
Dividen interim kedua sebanyak 10% tolak cukai dibayar pada 21 Mei 2004	27,524

Para Pengarah tidak mengesyorkan bayaran dividen akhir bagi tahun berakhir 31 Disember 2003.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

5. Tidak ada pemindahan material kepada atau daripada rizab atau peruntukan dalam tahun kewangan selain daripada yang dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan.

MODAL SAHAM

6. Dalam tahun kewangan, modal saham biasa Syarikat yang diterbitkan dan berbayar telah bertambah daripada RM363,936,565 kepada RM382,276,059 melalui terbitan 7,168,800 dan 11,170,694 saham biasa baru bernilai RM1 sesaham timbul daripada penukaran Waran 2000/2004 pada harga pelaksanaan masing-masing RM2.99 dan RM2.76 (harga diselaraskan) selaras dengan Surat Ikatan Pol bertarikh 24 Januari 2000.

Saham biasa baru yang diterbitkan bertaraf *pari passu* dalam semua hubungan dengan saham sedia ada Syarikat yang diterbitkan.

LAPORAN DAN PENYATA PARA PENGARAH (*Sambungan*)

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

SKIM OPSYEN SAHAM KAKITANGAN ("ESOS")

7. Pada Mesyuarat Agung Luar Biasa yang diadakan pada 17 Oktober 2003, para Pengarah telah diberi kebenaran untuk meneruskan dengan penubuhan dan pentadbiran ESOS dikenali sebagai Skim Opsyen Saham Kakitangan IJM Corporation Berhad.

Ciri-ciri utama ESOS adalah seperti berikut:

- a) ESOS telah dilaksanakan pada 11 November 2003, dan akan terus berkuatkuasa untuk tempoh selama (5) tahun dan tamat pada 10 November 2008.
- b) Jawatankuasa ESOS mempunyai budi bicara mutlak untuk menentukan kakitangan yang layak tertakluk kepada kakitangan dan Pengarah Eksekutif (memegang jawatan sepenuh masa dalam keupayaan eksekutif) telah disahkan dalam jawatan atau pelantikan IJM Corporation Berhad dan anak-anak syarikatnya (kecuali bagi mana-mana anak syarikat yang lengai) pada atau sehingga Tarikh Tawaran dan telah mencapai umur lapan belas (18) tahun. Pengarah Eksekutif hanya layak sekiranya beliau berada dalam senarai gaji dan terlibat dalam pengurusan harian IJM dan penyertaan beliau dalam Skim diluluskan secara khususnya oleh pemegang-pemegang saham Syarikat dalam mesyuarat agung.
- c) Jumlah bilangan saham Syarikat yang disediakan di bawah ESOS tidak boleh melebihi sepuluh peratus (10%) (atau sebarang peratusan maksimum yang dibenarkan oleh pihak-pihak berkuasa berkenaan) daripada jumlah modal saham Syarikat yang diterbitkan dan berbayar terdiri daripada saham biasa Syarikat pada satu-satu masa.
- d) Harga Opsyen adalah purata wajaran harga pasaran saham Syarikat sebagaimana ditunjukkan dalam Senarai Rasmi Harian Malaysia Securities Exchange Berhad bagi lima (5) hari pasaran sebaik sahaja sebelum Tarikh Tawaran dengan peruntukan bagi diskon tidak lebih daripada sepuluh peratus (10%) mengikut budi bicara Jawatankuasa ESOS atau nilai tara saham Syarikat, yang mana lebih tinggi.

Tiada tawaran telah diberikan kepada kakitangan yang layak pada 2003.

WARAN

8. Waran 2000/2004 dibentuk melalui Surat Ikatan Pol bertarikh 24 Januari 2000.

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2000, Syarikat menerbitkan RM150,000,000 jumlah nominal Bon Tidak Bergaransi Boleh Tebus 5% 2000/2005 bersama 80,178,930 waran boleh cerai kepada pelanggan utama atas dasar urusniaga dibeli.

Setiap waran memberi hak kepada pemegang berdaftar untuk melanggan satu (1) saham biasa baru dalam Syarikat pada bila-bila masa pada atau selepas 28 Februari 2000 hingga 28 Ogos 2004 atau tarikh tertentu yang dilanjutkan selaras dengan peruntukan-peruntukan Surat Ikatan Pol, pada harga pelaksanaan RM2.99 setiap saham atau harga diselaraskan tertentu selaras dengan peruntukan-peruntukan dalam Surat Ikatan Pol. Mana-mana Waran 2000/2004 tidak dilaksanakan pada tarikh matang akan luput dan terhenti menjadi sah untuk apa-apa tujuan.

Harga pelaksanaan Waran 2000/2004 telah diselaraskan kepada RM2.76 setiap saham pada 10 Jun 2003 berikutan dengan pengagihan 148,442,024 saham biasa bernilai RM0.50 sesaham dalam IJM Plantations Berhad ("IJMP") kepada pemegang-pemegang saham Syarikat atas dasar dua (2) saham IJMP bagi setiap lima (5) saham dipegang dalam Syarikat. Harga pelaksanaan telah diselaraskan selaras dengan syarat 3(1)(c) jadual kedua Surat Ikatan Pol.

Saham yang timbul daripada pelaksanaan Waran 2000/2004 akan bertaraf *pari passu* dalam semua hubungan dengan saham biasa Syarikat yang diterbitkan kecuali bahawa saham-saham tersebut tidak berhak kepada pengagihan atau hak kepada sebarang dividen melainkan pelaksanaan Waran 2000/2004 telah berkuatkuasa sebelum penutupan buku daftar saham untuk penentuan keberhakann kepada hak atau pengagihan sedemikian.

PARA PENGARAH

9. Para Pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan dan penyata yang lepas adalah : -

Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob, *Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas (dilantik Pengerusi pada 28 Februari 2003)*
 Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan, *Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Urusan Goh Chye Koon, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif & Penolong Pengarah Urusan Soo Heng Chin, Pengurus Besar Kanan & Pengarah Eksekutif*
 Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad bin Mohamad Noor, *Pengarah Kanan Bukan Eksekutif Bebas Datuk Oh Chong Peng, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Datuk Yahya bin Ya'acob, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Dato' Ismail Bin Shahudin, Pengarah Bukan Eksekutif (dilantik pada 30 Oktober 2003)*
 Dato' Goh Chye Keat, *Pengarah Bukan Eksekutif*
 Tan Sri Dato' (Dr) Haji Ahmad Azizuddin bin Haji Zainal Abidin, *Pengerusi Bukan Eksekutif Bebas (meletak jawatan pada 28 Februari 2003)*
 Velayuthan A/L Tan Kim Song, *Pengarah Eksekutif Kumpulan (bersara pada 21 Mei 2003)*
 Lai Meng, *Pengarah Bukan Eksekutif (meletak jawatan pada 30 September 2003)*
 Haji Osman bin Haji Ismail, *Pengarah Bukan Eksekutif (meletak jawatan pada 30 Januari 2004)*

10. Mengikut Daftar Pemegangan Saham para Pengarah, butir-butir kepentingan para Pengarah dalam saham Syarikat dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:-

Nama Pengarah	Bilangan Saham Biasa Bernilai RM1 sesaham			
	Baki 01.01.2003	Diperolehi	Dilupuskan	Baki 31.12.2003
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan Kepentingan langsung	760,698	200,000	40,000	920,698
Kepentingan tidak langsung	319,698	25,000	-	344,698
Goh Chye Koon Kepentingan langsung	298,712	400,000	321,300	377,412
Soo Heng Chin Kepentingan langsung	5,000	120,000	75,000	50,000
Tan Sri Dato' (Dr) Haji Murad Bin Mohamad Noor Kepentingan langsung	10,333	-	-	10,333
Dato' Goh Chye Keat Kepentingan langsung	576,362	120,000	270,000	426,362
Kepentingan tidak langsung	600,132	171,000	591,000	180,132

LAPORAN DAN PENYATA PARA PENGARAH (*Sambungan*)

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

PARA PENGARAH (Sambungan)

11. Butir-butir pemegangan waran para Pengarah dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:-

Nama Pengarah	Bilangan Waran			Baki 31.12.2003
	Baki 01.01.2003	Diperolehi	Dilupuskan / Dilaksanakan	
Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob Kepentingan langsung	33,400	-	-	33,400
Dato' Tan Boon Seng @ Krishnan Kepentingan langsung Kepentingan tidak langsung	1,647,000 234,000	- -	200,000 -	1,447,000 234,000
Goh Chye Koon Kepentingan langsung	976,000	194,300	405,000	765,300
Soo Heng Chin Kepentingan langsung	642,000	25,000	140,000	527,000
Dato' Goh Chye Keat Kepentingan langsung Kepentingan tidak langsung	232,000 172,000	70,000 42,000	212,000 210,000	90,000 4,000

12. Mengikut Daftar Pemegangan Saham para Pengarah, tidak ada Pengarah lain mempunyai sebarang kepentingan langsung atau tidak langsung dalam saham Syarikat dalam tahun kewangan.

13. Sejak akhir tahun kewangan sebelum ini, tiada Pengarah telah menerima atau menjadi berhak untuk menerima faedah (selain daripada yuran dan lain-lain emolumen yang ditunjukkan dalam penyata kewangan) dengan alasan kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau oleh syarikat berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma yang mana Pengarah adalah seorang ahli, atau dengan syarikat dalam mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan utama selain daripada Dato' Goh Chye Keat yang mempunyai kepentingan kewangan utama dalam Industrial Concrete Products Berhad, sebuah syarikat bersekutu Kumpulan yang berdagang dengan Syarikat dan Kumpulan dalam perjalanan biasa perniagaan dan Tan Sri Dato' Ir. (Dr) Wan Abdul Rahman bin Wan Yaacob yang mempunyai kepentingan kewangan utama dalam Minconsult Sdn Bhd, yang berdagang dengan Syarikat dan Kumpulan dalam perjalanan biasa perniagaan sebagaimana dinyatakan dalam Nota 44 kepada penyata kewangan.

14. Kecuali sebagaimana dinyatakan di atas, sama ada dalam tahun kewangan mahupun pada akhir tahun kewangan Syarikat atau mana-mana anak syarikatnya tidak menjadi pihak kepada mana-mana pengaturan yang objeknya adalah untuk membolehkan para Pengarah mendapat faedah melalui pembelian saham-saham dalam, atau debentur, Syarikat atau mana-mana badan korporat.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

15. Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah: -

- untuk memastikan tindakan yang diambil berhubung dengan penghapusan kira hutang lapuk dan penyediaan peruntukan bagi hutang rugu dan telah berpuas hati bahawa kesemua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan bahawa peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang rugu; dan
- untuk memastikan bahawa mana-mana aset semasa yang besar kemungkinan tidak akan dapat direalis nilai bukunya dalam perjalanan biasa perniagaan telah dikurangkan nilai kepada anggaran nilai boleh direalisnya.

16. Pada tarikh laporan dan penyata ini, para Pengarah tidak mengetahui akan apa-apa keadaan: -
- (a) yang akan menjadikan jumlah dihapus kira bagi hutang lapuk atau jumlah peruntukan bagi hutang ragu Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi sehingga mana-mana tahap yang material atau nilai yang boleh dikaitkan kepada aset semasa Kumpulan dan Syarikat mengelirukan; atau
 - (b) yang telah timbul yang menjadikan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti sedia ada Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak wajar; atau
 - (c) tidak sebaliknya diuruskan dalam laporan dan penyata ini atau dalam penyata kewangan yang akan menjadikan mana-mana jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.
17. Dalam jarak waktu antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan dan penyata ini: -
- (a) tidak ada perkara, urusniaga atau peristiwa lain yang bersifat material dan luar biasa telah timbul yang, pada pendapat para Pengarah, akan secara ketara menjelaskan keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan semasa; atau
 - (b) tidak ada gadaian telah timbul ke atas aset mana-mana syarikat dalam Kumpulan yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain atau mempunyai apa-apa liabiliti kontingen yang timbul dalam mana-mana syarikat dalam Kumpulan.
18. Tidak ada liabiliti kontingen atau lain-lain liabiliti mana-mana syarikat dalam Kumpulan telah menjadi boleh dikuatkuasakan atau berkemungkinan menjadi boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjelaskan keupayaan Syarikat dan anak-anak syarikatnya untuk memenuhi obligasi mereka apabila obligasi ini timbul.
19. Pada Pendapat para Pengarah: -
- (a) keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat dalam tahun kewangan tidak terjejas secara ketara oleh mana-mana perkara, urusniaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa; dan
 - (b) penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat dinyatakan pada muka surat 76 hingga 150 disediakan untuk memberi gambaran sebenar dan adil mengenai hal ehwal Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2003 dan mengenai keputusan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian perakaunan berkenaan yang diluluskan di Malaysia dan peruntukan Akta Syarikat, 1965.

JURUAUDIT

21. Juruaudit, PricewaterhouseCoopers, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk terus berkhidmat. Para Pengarah mengendorskan pengesongan Jawatankuasa Audit untuk melantik semula PricewaterhouseCoopers sebagai Juruaudit.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga selaras dengan resolusi para Pengarah.

TAN SRI DATO' IR. (DR) WAN ABDUL RAHMAN
BIN WAN YAACOB

DATO' TAN BOON SENG @ KRISHNAN

Petaling Jaya
26 Februari 2004

PENYATA PENDAPATAN

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

Nota	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
HASIL KENDALIAN KOS JUALAN	3 1,363,895 (1,117,441)	2002 1,295,195 (1,063,471)	2003 238,203 (148,157)	2002 236,802 (137,883)
KEUNTUNGAN KASAR LAIN-LAIN PENDAPATAN KENDALIAN	246,454	231,724	90,046	98,919
PERBELANJAAN TENDER, JUALAN DAN PENGEDARAN	54,658	43,464	46,370	40,515
PERBELANJAAN PENTADBIRAN	(10,069)	(12,557)	-	-
LAIN-LAIN PERBELANJAAN KENDALIAN	(50,978)	(50,608)	(11,398)	(12,798)
	(45,890)	(33,257)	(6,834)	(10,538)
KEUNTUNGAN KENDALIAN SEBELUM KOS KEWANGAN	194,175	178,766	118,184	116,098
KOS KEWANGAN	4 (23,161)	5 (24,124)	5 (13,606)	5 (17,194)
KEUNTUNGAN KENDALIAN SELEPAS KOS KEWANGAN	171,014	154,642	104,578	98,904
BAHAGIAN DARIPADA KEPUTUSAN SYARIKAT BERSEKUTU	35,225	44,090	-	-
KEROSOTAN PELABURAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU	6 -	6 (10,800)	6 -	6 (10,800)
BAHAGIAN DARIPADA KEPUTUSAN ENTITI KAWALAN BERSAMA	561	3,838	-	-
KEUNTUNGAN DARIPADA KEGIATAN BIASA SEBELUM CUKAI	206,800	191,770	104,578	88,104
CUKAI				
Syarikat dan anak-anak syarikat	(50,687)	(48,647)	(24,657)	(21,363)
Syarikat-syarikat bersekutu	(5,452)	(3,479)	-	-
Entiti kawalan bersama	-	(1,022)	-	-
	7 (56,139)	7 (53,148)	7 (24,657)	7 (21,363)
KEUNTUNGAN DARIPADA KEGIATAN BIASA SELEPAS CUKAI	150,661	138,622	79,921	66,741
KEPENTINGAN MINORITI	(4,937)	(16,079)	-	-
KEUNTUNGAN BERSIH BAGI TAHUN	145,724	122,543	79,921	66,741
PEROLEHAN SETIAP SAHAM : -				
Asas	8(a) 39.2 Sen	8(b) 36.7 Sen	34.0 Sen	31.3 Sen
Dicairkan sepenuhnya				
DIVIDEN SETIAP SAHAM	9 15.0 Sen		12.0 Sen	

KUNCI KIRA-KIRA

Pada 31 Disember 2003

Nota	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
MODAL DAN RIZAB				
Modal Saham	11	382,276	363,937	382,276
Premium saham		193,873	241,880	193,873
Rizab penilaian semula		26,357	53,335	-
Rizab terjemahan pertukaran mata wang		18,885	5,402	17,602
Rizab modal	12	61,451	34,383	-
Keuntungan tertahan	13	826,647	769,452	310,234
Ekuiti pemegang-pemegang saham		1,509,489	1,468,389	903,985
Kepentingan minoriti		18,482	102,825	-
		1,527,971	1,571,214	903,985
				869,611
LIABILITI BUKAN SEMASA				
Bon	14	247,164	246,671	150,000
Pinjaman berjangka	15	68,909	523	-
Pembiutang sewa beli dan pajakan	16	1,244	4,338	-
Liabiliti cukai tertunda	17	4,956	26,924	-
Jumlah ter hutang kepada syarikat bersekutu	18	-	36,956	-
Jumlah dagangan perlu dibayar	19	6,000	12,000	-
Faedah persaraan	20	2,971	2,262	924
		331,244	329,674	150,924
				150,871
PENDAPATAN TERTUNDA	21	27,423	6,661	-
		1,886,638	1,907,549	1,054,909
				1,020,482
ASET BUKAN SEMASA				
Harta, loji dan peralatan	22	250,450	674,218	18,437
Anak-anak syarikat	23	-	-	260,779
Syarikat-syarikat bersekutu	24	676,935	366,271	293,252
Pelaburan jangka panjang	25	80,471	66,638	50,961
Jumlah belum terima jangka panjang	26	43,466	53,701	-
Aset tak ketara	27	10,847	11,718	-
Aset cukai tertunda	17	14,068	25,300	2,867
Tanah dipegang untuk pembangunan harta	28(a)	72,331	29,288	358
		72,331	29,288	281
		1,148,568	1,227,134	626,577
				503,935
ASET SEMASA				
Kos pembangunan harta	28(b)	332,492	321,725	-
Inventori	29	29,730	47,492	6,766
Jumlah dagangan dan lain-lain jumlah belum terima	30	760,762	780,512	611,047
Pelaburan jangka pendek	31	107,073	101,048	16,453
Deposit dengan bank berlesen	32	137,356	87,705	108,901
Tunai dan baki bank	33	47,639	49,572	1,648
		1,415,052	1,388,054	744,815
				875,853
LIABILITI SEMASA				
Jumlah dagangan dan lain-lain jumlah perlu dibayar	35	610,834	626,614	275,964
Pinjaman bank menanggung faedah	36	45,581	68,246	35,075
Overdraft bank	37	9,203	880	-
Liabiliti cukai semasa		11,364	11,899	5,444
		676,982	707,639	316,483
				359,306
ASET SEMASA BERSIH		738,070	680,415	428,332
		1,886,638	1,907,549	1,054,909
				1,020,482

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

KUMPULAN	Nota	Modal Saham RM'000	Tidak Boleh Diagih				Boleh Diagih	
			Premium saham RM'000	Rizab penilaian semula RM'000	Rizab terjemahan pertukaran RM'000	Rizab modal RM'000	Keuntungan tertahan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2003								
- sebagaimana dinyatakan sebelum ini		363,937	241,880	73,853	5,402	34,383	737,453	1,456,908
- pelarasan tahun terdahulu	45	-	-	(20,518)	-	-	31,999	11,481
- sebagaimana dinyatakan semula		363,937	241,880	53,335	5,402	34,383	769,452	1,468,389
Pelarasan inflasi ke atas baki pembukaan ke atas ekuiti syarikat bersekutu asing	24(b)	-	-	-	-	-	(5,448)	(5,448)
Rizab atas penyatuhan		-	-	-	-	4,851	-	4,851
Pelunasan rizab atas penyatuhan		-	-	-	-	(80)	-	(80)
Rizab timbul daripada terjemahan pelaburan bersih dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan cawangan asing		-	-	-	14,759	-	-	14,759
Realisasi rizab pertukaran asing cawangan asing		-	-	-	(1,276)	-	-	(1,276)
Laba / (kerugian) bersih tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan		-	-	-	13,483	4,771	-	18,254
Pengagihan modal sehubungan dengan penyenaraian anak syarikat	48	-	(81,933)	(26,978)	-	22,297	(50,876)	(137,490)
Keuntungan bersih bagi tahun		-	-	-	-	-	145,724	145,724
Dividen bagi tahun berakhir : -								
31 Disember 2002	9	-	-	-	-	-	(18,512)	(18,512)
31 Disember 2003	9	-	-	-	-	-	(13,693)	(13,693)
Penukaran waran	11	18,339	33,926	-	-	-	-	52,265
Pada 31 Disember 2003		382,276	193,873	26,357	18,885	61,451	826,647	1,509,489

KUMPULAN	Nota	Modal saham RM'000	Premium saham RM'000	Tidak Boleh Diagih		Boleh Diagih		Keuntungan tertahan RM'000	Jumlah RM'000
				Rizab penilaian semula RM'000	Rizab pertukaran RM'000	Rizab modal RM'000	Terjemahan RM'000		
Pada 1 Januari 2002									
- sebagaimana dilaporkan sebelum ini		352,723	210,559	73,853	5,946	34,161	643,399	1,320,641	
- pelarasan tahun terdahulu	45	-	-	(20,518)	-	-	29,657	9,139	
- sebagaimana dinyatakan semula		352,723	210,559	53,335	5,946	34,161	673,056	1,329,780	
Rizab atas penyatuan		-	-	-	-	277	-	277	
Pelunasan rizab atas penyatuan		-	-	-	-	(55)	-	(55)	
Rizab timbul daripada terjemahan pelaburan bersih dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan cawangan asing		-	-	-	(544)	-	-	(544)	
Laba/ (kerugian) bersih tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan		-	-	-	(544)	222	-	(322)	
Keuntungan bersih bagi tahun		-	-	-	-	-	122,543	122,543	
Dividen bagi tahun berakhir : -									
31 Disember 2001		-	-	-	-	-	(13,060)	(13,060)	
31 Disember 2002	9	-	-	-	-	-	(13,087)	(13,087)	
Terbitan saham di bawah ESOS	11	9,605	28,120	-	-	-	-	-	37,725
Penukaran waran	11	1,609	3,201	-	-	-	-	-	4,810
Pada 31 Disember 2002		363,937	241,880	53,335	5,402	34,383	769,452	1,468,389	

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI (*Sambungan*)

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

SYARIKAT	Nota	Modal saham RM'000	← Tidak boleh diagih →		Boleh diagih	
			Rizab	terjemahan pertukaran RM'000	Keuntungan tertahan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2003						
- sebagaimana dilaporkan sebelum ini		363,937	241,880	1,276	257,261	864,354
- pelarasan tahun terdahulu	45	-	-	-	5,257	5,257
- sebagaimana dinyatakan semula		363,937	241,880	1,276	262,518	869,611
Realisasi rizab pertukaran asing cawangan asing		-	-	(1,276)	-	(1,276)
Rizab timbul daripada terjemahan pelaburan bersih anak syarikat asing		-	-	17,602	-	17,602
Laba / (kerugian) bersih tidak diiktiraf dalam penyata pendapatan		-	-	16,326	-	16,326
Pengagihan modal sehubungan dengan penyenaraian anak syarikat	48	-	(81,933)	-	-	(81,933)
Keuntungan bersih bagi tahun		-	-	-	79,921	79,921
Dividen bagi tahun berakhir : -						
31 Disember 2002	9	-	-	-	(18,512)	(18,512)
31 Disember 2003	9	-	-	-	(13,693)	(13,693)
Penukaran waran	11	18,339	33,926	-	-	52,265
Pada 31 Disember 2003		382,276	193,873	17,602	310,234	903,985
Pada 1 Januari 2002						
- sebagaimana dilaporkan sebelum ini		352,723	210,559	1,272	219,975	784,529
- pelarasan tahun terdahulu	45	-	-	-	1,949	1,949
- sebagaimana dinyatakan semula		352,723	210,559	1,272	221,924	786,478
Rizab timbul daripada terjemahan pelaburan bersih dalam cawangan asing		-	-	4	-	4
Keuntungan bersih bagi tahun		-	-	-	66,741	66,741
Dividen bagi tahun berakhir : -						
31 Disember 2001		-	-	-	(13,060)	(13,060)
31 Disember 2002	9	-	-	-	(13,087)	(13,087)
Terbitan saham di bawah ESOS	11	9,605	28,120	-	-	37,725
Penukaran waran	11	1,609	3,201	-	-	4,810
Pada 31 Disember 2002		363,937	241,880	1,276	262,518	869,611

PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

	Nota	2003 RM'000	KUMPULAN 2002 RM'000
KEGIATAN KENDALIAN			
Penerimaan daripada pelanggan		1,349,831	1,233,223
Bayaran kepada kontraktor, pembekal dan kakitangan		(1,148,845)	(988,523)
Faedah diterima		20,363	16,131
Faedah dibayar		(7,661)	(8,624)
Cukai pendapatan dipulangkan		1,042	883
Cukai pendapatan dibayar		(61,446)	(52,952)
Aliran tunai bersih daripada kegiatan kendalian		153,284	200,138
KEGIATAN PELABURAN			
Pengambilalihan anak-anak syarikat	39	(675)	(7,928)
Pengambilalihan saham daripada pemegang-pemegang saham minoriti		(125)	(5,610)
Pelupusan anak syarikat	40	1,198	672
Pengagihan modal sehubungan dengan penyenaraian anak syarikat	48	(11,102)	-
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu		(31,796)	(44,390)
Pembelian pelaburan		(17,639)	(29,984)
Pengagihan modal oleh syarikat-syarikat bersekutu		-	7,825
Pembelian harta, loji dan peralatan		(136,730)	(126,996)
Penebusan saham keutamaan dalam syarikat bersekutu		3,400	-
Pelupusan harta, loji dan peralatan		6,210	7,699
Pelupusan pelaburan		1,365	275
Dividen diterima daripada syarikat-syarikat bersekutu		2,796	7,498
Dividen diterima daripada lain-lain pelaburan		4,370	5,489
Pendahuluan dan bayaran balik bersih daripada/ (kepada) syarikat-syarikat bersekutu		49,687	(28,027)
Pendahuluan kepada entiti kawalan bersama		(23,615)	-
Bayaran balik daripada entiti kawalan bersama		5,479	-
Aliran tunai bersih diguna dalam kegiatan pelaburan		(147,177)	(213,477)
KEGIATAN PEMBIAYAAN			
Terbitan saham oleh Syarikat : -			
- Skim Opsyen Saham Kakitangan		-	37,725
- Penukaran waran		52,265	4,810
Terbitan saham oleh anak-anak syarikat kepada pemegang-pemegang saham minoriti		1,510	510
Perolehan bersih pinjaman bank		45,256	6,746
Bayaran balik kepada pembiayaan sewa beli dan pajakan		(12,577)	(19,210)
Faedah bon		(15,500)	(15,500)
Dividen dibayar oleh anak-anak syarikat kepada pemegang-pemegang saham minoriti		(5,667)	(3,658)
Dividen dibayar oleh Syarikat (Penebusan)/penempatan bersih deposit bank diserahkan hak kepada pemegang amanah	42	(32,272)	(26,164)
		(10,323)	7,376
Aliran tunai bersih daripada/(diguna dalam) kegiatan pembiayaan		22,692	(7,365)
Peningkatan / (pengurangan) bersih dalam tunai dan setara tunai dalam tahun kewangan		28,799	(20,704)
Tunai dan setara tunai pada permulaan tahun kewangan		123,785	143,045
Perbezaan pertukaran asing ke atas baki pembukaan		273	1,444
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun kewangan	42	152,857	123,785

PENYATA ALIRAN TUNAI SYARIKAT

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

	Nota	SYARIKAT	
		2003 RM'000	2002 RM'000
KEGIATAN KENDALIAN			
Penerimaan daripada pelanggan		238,167	174,090
Bayaran kepada kontraktor, pembekal dan kakitangan		(157,106)	(114,792)
Faedah diterima		6,305	1,625
Faedah dibayar		(8,271)	(4,195)
Cukai pendapatan dipulangkan		93	883
Cukai pendapatan dibayar		(21,784)	(9,230)
Aliran tunai daripada kegiatan kendalian		57,404	48,381
KEGIATAN PELABURAN			
Balasan tunai bagi penyenaraian anak syarikat	48(d)	(25,000)	-
Pengambilalihan anak-anak syarikat		-	(4,980)
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu		(4,830)	(3,330)
Pembelian pelaburan		(778)	(5)
Penebusan saham keutamaan dalam syarikat bersekutu		3,400	-
Pelupusan pelaburan		-	144
Pelupusan harta, loji dan peralatan		154	227
Dividen diterima daripada anak-anak syarikat		8,676	33,362
Dividen diterima daripada syarikat-syarikat bersekutu		2,213	6,276
Dividen diterima daripada lain-lain pelaburan		1,321	658
Pembelian harta, loji dan peralatan		(600)	(380)
Pendahuluan kepada anak-anak syarikat		(12,562)	(169,977)
Pendahuluan kepada syarikat-syarikat bersekutu		(8,602)	-
Pendahuluan kepada entiti kawalan bersama		(995)	(464)
Pendahuluan daripada anak-anak syarikat		-	7,625
Pendahuluan daripada syarikat-syarikat bersekutu		-	1,480
Pendahuluan daripada entiti kawalan bersama		-	887
Pengagihan modal oleh syarikat-syarikat bersekutu		-	7,800
Bayaran balik daripada entiti kawalan bersama		3,100	-
Bayaran balik daripada syarikat-syarikat bersekutu		40,254	42,549
Aliran tunai bersih daripada /(diguna dalam) kegiatan pelaburan		5,751	(78,128)
KEGIATAN PEMBIAYAAN			
Terbitan saham oleh Syarikat :-			
- Skim Opsyen Saham Kakitangan		-	37,725
- Penukaran waran		52,265	4,810
(Bayaran balik)/perolehan bersih pinjaman bank		(31,371)	11,743
Faedah bon		(7,500)	(7,500)
Dividen dibayar oleh Syarikat		(32,272)	(26,164)
Aliran tunai bersih (diguna dalam)/daripada kegiatan pembiayaan		(18,878)	20,614
Peningkatan/(pengurangan) bersih dalam tunai dan setara tunai dalam tahun kewangan		44,277	(9,133)
Tunai dan setara tunai pada permulaan tahun kewangan		66,272	75,405
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun kewangan	42	110,549	66,272

RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

Polisi-polisi perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam berurusan dengan perkara-perkara yang dianggap material berhubung dengan penyata kewangan, kecuali perubahan dalam polisi-polisi perakaunan seperti yang dinyatakan dalam Nota 45.

A. Asas Penyediaan

Penyata kewangan disediakan di bawah konvensyen kos sejarah (sebagaimana diubahsuai untuk penilaian semula harta, loji dan peralatan dan harta pembangunan tertentu) kecuali dinyatakan sebaliknya dalam ringkasan polisi-polisi perakaunan penting ini.

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan selaras dengan piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan terpakai di Malaysia dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965. Piawaian-piawaian perakaunan diluluskan terpakai yang baru diterima pakai dalam penyata kewangan ini adalah seperti berikut:-

(a) Piawaian-piawaian baru terpakai bagi tahun kewangan

- (i) MASB 25 "Cukai Pendapatan"
- (ii) MASB 27 "Kos Pinjaman "
- (iii) MASB 28 "Operasi Tidak Diteruskan"
- (iv) MASB 29 "Faedah Kakitangan"

(b) Penerimaan pakai awal piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan terpakai hanya dalam tahun kewangan akan datang

- (i) MASB 31 "Piawaian bagi Geran Kerajaan dan Pendedahan Bantuan Kerajaan"
- (ii) MASB 32 "Kegiatan Pembangunan Harta"

Kecuali bagi penerimaan pakai MASB 25 ke atas Cukai Pendapatan dan MASB 29 ke atas Faedah Kakitangan, tidak ada perubahan dalam polisi perakaunan yang menjelaskan keuntungan bersih bagi tahun atau ekuiti pemegang-pemegang saham memandangkan Kumpulan telahpun mengikuti prinsip-prinsip pengiktirafan dan pengiraan dalam piawaian-piawaian tersebut. Di mana terpakai, angka-angka bandingan telah diselaraskan atau dilanjutkan untuk mengambil kira syarat-syarat Piawaian-piawaian MASB yang baru (Nota 45).

Penyediaan penyata kewangan dalam mematuhi piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan terpakai di Malaysia dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1965 memerlukan para Pengarah untuk membuat anggaran dan andaian yang melibatkan jumlah aset dan liabiliti dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti kontingen pada tarikh penyata kewangan dan jumlah hasil dan perbelanjaan yang dilaporkan dalam tempoh dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran-anggaran tersebut.

B. Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan termasuk penyata kewangan Syarikat dan semua anak syarikatnya yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan.

Anak-anak syarikat disatukan dari tarikh bila mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan tidak lagi disatukan dari tarikh yang kawalan berhenti. Anak-anak syarikat disatukan dengan menggunakan kaedah pengambilalihan perakaunan.

Di bawah kaedah pengambilalihan perakaunan, keputusan anak-anak syarikat diambil alih dan dilupuskan dalam tahun dimasukkan dari tarikh pengambilalihan atau sehingga tarikh pelupusan. Pada tarikh pengambilalihan, nilai saksama aset bersih anak-anak syarikat ditentukan dan nilai-nilai ini ditunjukkan dalam penyata kewangan disatukan.

Semua urusniaga antara syarikat, baki dan laba tidak direalis ke atas urusniaga antara kumpulan dihapus kira; kerugian tidak direalis juga dihapus kira kecuali kos tidak boleh diperolehi semula. Di mana perlu, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan anak-anak syarikat untuk memastikan keseragaman polisi-polisi perakaunan dengan Kumpulan.

Kepentingan minoriti dikira pada bahagian minoriti daripada nilai saksama selepas pengambilalihan aset dan liabiliti boleh dikenal pasti syarikat diambil alih. Pendedahan berasingan dibuat bagi kepentingan minoriti.

Laba atau kerugian atas pelupusan anak syarikat adalah perbeaan di antara perolehan pelupusan bersih dan bahagian Kumpulan ke atas aset-aset bersih bersama dengan mana-mana baki tidak dilunaskan daripada muhibah atau muhibah negatif dan perbeaan pertukaran yang tidak diiktiraf sebelum ini dalam penyata pendapatan disatukan.

RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (*Sambungan*)

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

C. Anak-anak Syarikat

Anak-anak syarikat adalah perusahaan-perusahaan dalam mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk melaksanakan kawalan ke atas polisi-polisi kewangan dan kendalian untuk mendapatkan faedah daripada kegiatannya.

Pelaburan dalam anak-anak syarikat dinyatakan pada kos kecuali di mana terdapat petunjuk kerosotan, dalam hal mana jumlah penyimpanan pelaburan dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehnya.

D. Syarikat-syarikat Bersekutu

Kumpulan menganggap syarikat-syarikat bersekutu sebagai perusahaan-perusahaan di mana Kumpulan berupaya melaksanakan pengaruh penting melalui perwakilan dalam lembaga pengarah dan/atau penyertaan dalam proses-proses pembuatan keputusan kewangan dan kendalian syarikat penerima pelaburan tetapi bukan kawalan ke atas polisi-polisi tersebut.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos kecuali di mana terdapat petunjuk kerosotan, dalam hal mana jumlah penyimpanan pelaburan dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehnya.

Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diakaunkan dalam penyata kewangan disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti.

Perakaunan ekuiti melibatkan pengiktirafan dalam penyata pendapatan bahagian Kumpulan ke atas keputusan syarikat-syarikat bersekutu bagi tempoh. Pelaburan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu ditunjukkan dalam kunci kira-kira pada jumlah yang menggambarkan bahagian Kumpulan daripada aset bersih syarikat-syarikat bersekutu dan termasuk muhibah atas pengambilalihan. Perakaunan ekuiti tidak diteruskan apabila jumlah penyimpanan pelaburan dalam syarikat bersekutu mencapai sifar, kecuali Kumpulan telah menanggung obligasi-obligasi berhubung dengan syarikat bersekutu tersebut.

Laba tidak direalis atas urusniaga antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutunya dihapus kira sehingga tahap kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu; kerugian tidak direalis juga dihapus kira kecuali urusniaga menyediakan bukti kerosotan aset dipindahkan. Di mana perlu, dalam menggunakan kaedah ekuiti, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu untuk memastikan keseimbangan polisi-polisi perakaunan dengan Kumpulan.

E. Entiti Kawalan Bersama

Kepentingan Kumpulan dalam entiti kawalan bersama, yang merupakan entiti dalam mana Kumpulan mempunyai pengaturan kontrak jangka masa pendek dengan pihak-pihak ketiga untuk melaksana projek pembinaan dan lain-lain projek, diakaunkan dalam penyata kewangan disatukan dengan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti di mana bahagian keputusan Kumpulan daripada entiti kawalan bersama dimasukkan dalam penyata kewangan disatukan.

Laba atas urusniaga tidak direaliskan antara Kumpulan dan entiti kawalan bersamanya dihapus kira sehingga tahap kepentingan Kumpulan dalam entiti kawalan bersama; kerugian tidak direalis juga dihapus kira kecuali urusniaga menyediakan bukti mengenai kerosotan aset dipindah. Di mana perlu, dalam menggunakan kaedah ekuiti, pelarasan telah dibuat kepada penyata kewangan entiti kawalan bersama untuk memastikan keseimbangan polisi-polisi perakaunan Kumpulan.

F. Muhibah

Muhibah mewakili lebihan kos pengambilalihan anak-anak syarikat, entiti kawalan bersama dan syarikat-syarikat bersekutu ke atas nilai saksama bahagian Kumpulan daripada aset boleh dikenal pastinya pada tarikh pengambilalihan. Muhibah dengan hayat berguna boleh ditentukan dilunaskan dengan menggunakan kaedah garisan lurus sepanjang anggaran hayat berguna ekonominya atau 20 tahun, yang mana lebih pendek. Semua muhibah lain dinyatakan pada kos kecuali di mana terdapat petunjuk kerosotan wujud, nilai penyimpanan muhibah dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehnya.

Muhibah negatif mewakili lebihan nilai saksama bahagian Kumpulan daripada aset bersih boleh dikenal pasti ke atas kos pengambilalihan dan dikreditkan kepada rizab dalam tahun pengambilalihan. Sehingga tahap bahawa muhibah negatif berkait dengan jangkaan mengenai kerugian dan perbelanjaan masa hadapan dikenal pasti dalam rancangan Kumpulan bagi pengambilalihan dan boleh dikira dengan boleh dipercaya, tetapi yang tidak mewakili liabiliti boleh dikenal pasti, bahawa bahagian daripada muhibah negatif tersebut diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila kerugian dan perbelanjaan masa hadapan diiktiraf.

G. Pelaburan

Pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos, melainkan pada pendapat para Pengarah, terdapat pengurangan selain daripada yang bersifat sementara dalam nilai pelaburan tersebut. Di mana terdapat pengurangan selain daripada yang bersifat sementara dalam nilai pelaburan, pengurangan sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana pengurangan dikenal pasti.

Pelaburan jangka pendek dalam sekuriti boleh dipasar diantar pada kos dan nilai pasaran yang mana lebih rendah, ditentukan atas dasar portfolio agregat. Kos diperolehi atas dasar purata wajaran. Nilai pasaran dikira melalui rujukan kepada harga jualan disebut harga bursa saham pada penutup perniagaan pada tarikh kunci kira-kira. Peningkatan/pengurangan dalam nilai penyimpanan sekuriti boleh dipasar dikreditkan/dicaj kepada penyata pendapatan.

Atas pelupusan pelaburan, perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih dan nilai penyimpanannya dicaj atau dkreditkan kepada penyata pendapatan.

H. Terjemahan Mata Wang

Terjemahan mata wang asing ditukar kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang terdapat pada tarikh urusniaga. Perbezaan pertukaran timbul daripada penyelesaian perkara-perkara monetari atau atas aset dan liabiliti monetari diterjemahkan pada kadar pertukaran yang terdapat pada akhir tahun dimasukkan dalam penyata pendapatan.

Perbezaan pertukaran timbul ke atas pinjaman mata wang asing yang telah digunakan untuk membiayai pelaburan ekuiti dalam mata wang asing diuruskan melalui rizab terjemahan mata wang sehingga tahap yang ia diliputi oleh perbezaan pertukaran timbul ke atas aset bersih diwakili oleh pelaburan ekuiti. Perbezaan ini diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan selepas pelupusan pelaburan tersebut.

Aset dan liabiliti anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu asing, sama ada berbentuk monetari dan bukan monetari, diterjemahkan kepada Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang terdapat pada akhir tahun kewangan; dan perkara-perkara pendapatan dan perbelanjaan diterjemahkan pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga. Semua perbezaan pertukaran terhasil diuruskan melalui rizab terjemahan pertukaran.

Pelarasan muhibah dan nilai saksama timbul atas pengambilalihan entiti asing dianggap sebagai aset dan liabiliti mata wang tempatan daripada entiti asing dan diterjemahkan selaras dengan itu pada kadar penutup.

Kadar penutup utama digunakan dalam terjemahan jumlah mata wang asing adalah seperti berikut:-

Mata wang asing	31.12.2003	31.12.2002
	RM	RM
1 Dolar US	3.800	3.800
1 Dolar Australia	2.845	2.153
1 Dolar Singapura	2.232	2.192
1 Dolar Hongkong	0.489	0.487
1 Renminbi Cina	0.459	0.459
1 Rupee India	0.083	0.079
1 Peso Argentina	1.297	1.128
1 Pound Sterling	6.756	6.093

RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (*Sambungan*)

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

I. Harta, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai

Semua harta, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kerosotan kecuali bagi tanah pegangan kekal dan modal kerja dalam pelaksanaan yang mana tidak disusutnilaikan. Tanah pegangan kekal tidak disusutnilaikan memandangkan ia mempunyai hayat tidak terhad.

Kumpulan melunaskan semua tanah pegangan pajak dalam ansuran sama rata berdasarkan tempoh pajakan. Ke atas lain-lain aset, susut nilai dikira untuk menghapus kira kos atau jumlah dinilai semula harta, loji dan peralatan atas dasar garisan lurus pada kadar yang akan menghapus kira aset, tolak anggaran nilai bakinya, ke atas anggaran hayat bergunanya. Kadar tahunan utama susut nilai adalah : -

Tanah pegangan pajak	0.1	-	2.5%
Bangunan	2	-	20%
Loji, mesin dan peralatan	10	-	20%
Peralatan pejabat, perabot dan pepasangan	5	-	33.3%
Ubahsuaian pejabat	10	-	20%
Kenderaan bermotor	20	-	25%

Lebihan timbul atas penilaian semula dikeditkan kepada rizab penilaian semula. Mana-mana defisit timbul daripada penilaian semula dicaj terhadap rizab penilaian semula sehingga tahap lebihan sebelum ini dipegang dalam rizab penilaian semula bagi aset yang sama. Dalam semua hal lain, pengurangan dalam nilai penyimpanan dicaj kepada pernyataan pendapat.

Para Pengarah telah menggunakan peruntukan peralihan MASB 15 ke atas Harta, Loji dan Peralatan yang membenarkan aset untuk dinyatakan pada jumlah dinilai semula terakhir tolak susut nilai. Selaras dengan itu, penilaian ini belum dikemas kini.

Susut nilai ke atas aset dalam pembinaan bermula apabila aset tersedia untuk kegunaan dihasratkannya.

Di mana petunjuk kerosotan wujud, nilai penyimpanan aset dinilai dan dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehinya.

J. Hasil dan Pengiktirafan Keuntungan

(i) Kontrak Pembinaan

Di mana hasil daripada kontrak pembinaan dianggarkan dengan agak betul, hasil dan kos kontrak dikaitkan dengan kontrak pembinaan diiktiraf masing-masing sebagai hasil dan perbelanjaan dengan merujuk kepada peringkat siap kontrak. Peringkat siap kontrak pembinaan ditentukan berdasarkan bahagian yang kos kontrak ditanggung bagi kerja dilaksanakan sehingga kini berbanding dengan anggaran jumlah kos kontrak.

Apabila hasil kontrak pembinaan tidak boleh dianggarkan dengan agak betul, hasil diiktiraf hanya sehingga tahap kos kontrak yang mungkin boleh diperolehi dan kos kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh.

Di mana ia berkemungkinan bahawa jumlah kos kontrak akan melebihi hasil kontrak, kerugian dijangka diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana kerugian dikenal pasti.

(ii) Kegiatan Pembangunan Harta

Di mana hasil kegiatan pembangunan boleh dianggap dengan agak tepat, hasil dan kos pembangunan harta masing-masing diiktiraf sebagai hasil dan perbelanjaan melalui rujukan kepada peringkat siap kegiatan pembangunan pada tarikh kunci kira-kira. Peringkat siap ditentukan berdasarkan atas bahagian yang kos pembangunan harta ditanggung sehingga kini yang menanggung anggaran jumlah kos bagi pembangunan harta.

Di mana hasil daripada kegiatan pembangunan tidak boleh dianggarkan dengan agak betul, hasil pembangunan harta diiktiraf hanya sehingga tahap kos pembangunan ditanggung yang berkemungkinan boleh diperolehi dan kos pembangunan harta ke atas unit-unit pembangunan terjual diiktiraf apabila ditanggung.

Di mana berkemungkinan bahawa jumlah kos pembangunan harta melebihi jumlah hasil pembangunan harta, kerugian dijangka diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana kerugian dikenal pasti.

(iii) Jualan Barang

Jualan diiktiraf selepas penghantaran produk dan penerimaan pelanggan, dan prestasi perkhidmatan selepas jualan, sekiranya ada, bersih daripada cukai dan diskau jualan dan selepas menghapus kira jualan dalam Kumpulan.

(iv) Lain-lain Hasil

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran dibuktikan.

Pendapatan faedah diiktiraf apabila ia terakru kecuali pengutipan diragui, dalam hal mana ia diiktiraf atas dasar penerimaan tunai.

K. Permodalan Kos Kewangan

Faedah yang ditanggung atas pinjaman yang dikaitkan secara langsung dengan harta pembangunan sehingga siap dipermodalkan dan dimasukkan sebagai sebahagian daripada kos pembangunan harta.

Kos faedah ke atas pinjaman untuk membiayai pembinaan harta, loji dan peralatan dalam tempoh yang dikehendaki untuk disiapkan dan menyediakan aset untuk kegunaan dihasratkannya dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset.

L. Tanah Dipegang Untuk Pembangunan Harta dan Kos Pembangunan Harta

Tanah dipegang untuk pembangunan harta terdiri daripada tanah yang dipegang bagi pembangunan masa hadapan di mana tidak ada pembangunan penting telah dilaksanakan atau di mana kegiatan pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam kitaran kendalian biasa. Tanah sedemikian dikelaskan sebagai aset bukan semasa dan dinyatakan pada kos atau pada penilaian tolak kerugian kerosotan terkumpul. Tanah dipegang bagi pembangunan harta dipindahkan kepada kos pembangunan harta (di bawah aset semasa) apabila kegiatan pembangunan telah bermula dan dijangka akan disiapkan dalam kitaran kendalian biasa.

Kos dikaitkan dengan pembelian tanah termasuk harga pembelian tanah, yuran profesional, duti setem, komisen, yuran penukaran dan lain-lain cukai berkaitan. Di mana Kumpulan sebelum ini telah merekodkan tanah pada jumlah dinilai semula, ia terus mengekalkan jumlah ini sebagai kos pemangkuan sebagaimana dibenarkan oleh MASB 32 ke atas Kegiatan Pembangunan Harta. Di mana petunjuk kerosotan wujud, jumlah penyimpanan aset dinilai dan dikurang kira dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehinya.

Kos pembangunan harta terdiri daripada kos berkaitan dengan pembelian tanah dan semua kos boleh dikaitkan secara langsung kepada kegiatan pembangunan atau yang boleh diperuntukkan atas dasar munasabah kepada kegiatan ini.

Kos pembangunan harta yang tidak diiktiraf sebagai perbelanjaan diiktiraf sebagai aset dan dinyatakan pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah. Kos termasuk kos tanah, semua kos bangunan langsung, dan lain-lain perbelanjaan pembangunan berkaitan, termasuk perbelanjaan faedah ditanggung dalam tempoh pembangunan aktif.

Di mana hasil diiktiraf dalam penyata pendapatan melebihi bil-bil kepada pembeli, baki ditunjukkan sebagai bil-bil terakru di bawah jumlah dagangan dan lain-lain jumlah belum terima (dalam aset semasa). Di mana bil-bil melebihi hasil diiktiraf dalam penyata pendapatan, baki ditunjukkan sebagai bil-bil progres di bawah jumlah dagangan dan lain-lain jumlah perlu dibayar (dalam liabiliti semasa).

Di mana terpakai, nilai saksama tanah pada tarikh pengambilalihan anak-anak syarikat dihantar ke hadapan menggantikan kos.

RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (*Sambungan*)

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

M. Inventori

(i) Bangunan Siap

Unit harta pembangunan yang disiapkan dan dipegang untuk jualan dinyatakan pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah. Kos terdiri daripada perkadaruan kos tanah dan pembangunan dan perbelanjaan pembinaan berkaitan.

(ii) Barang Siap, Bahan Mentah, Bahan Pembinaan, Simpanan dan Alat Ganti

Inventori dinilai pada kos dan nilai boleh direalis bersih yang mana lebih rendah. Kos ditentukan atas dasar purata wajaran. Kos bahan mentah, simpanan dan alat ganti terdiri daripada kos asal pembelian campur kos membawa masuk inventori ke lokasi semasanya dan bagi barang siap, ia terdiri daripada bahan-bahan langsung, buruh langsung, caj langsung dan overhead pengeluaran boleh ubah.

Nilai boleh direalis bersih adalah anggaran harga jualan dalam perjalanan biasa perniagaan, tolak kos penyiapan dan perbelanjaan jualan.

N. Jumlah Terhutang Daripada/(Kepada) Pelanggan Atas Kontrak Pembinaan

Di mana jumlah kos kontrak pembinaan ditanggung campur keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf) melebihi bil-bil progres, baki bersih sebagai jumlah terhutang daripada pelanggan-pelanggan ke atas kontrak pembinaan di bawah jumlah dagangan dan lain-lain jumlah belum terima. Di mana bil progres melebihi jumlah kos kontrak pembinaan dan keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf), baki bersih adalah ditunjukkan sebagai jumlah terhutang kepada pelanggan-pelanggan ke atas kontrak pembinaan di bawah jumlah dagangan dan lain-lain jumlah perlu dibayar.

O. Jumlah Dagangan Belum Terima

Jumlah dagangan belum terima termasuk wang tahanan yang ditahan oleh prinsipal. Hutang lapuk diketahui dihapus kira dan peruntukan dibuat bagi mana-mana hutang yang dianggap rugu untuk dikutip.

P. Aset Dipajak

Pajakan harta, loji dan peralatan di mana Kumpulan mengambil sebahagian besar semua faedah dan risiko pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan.

Pajakan kewangan dipermodalkan pada nilai saksama aset dipajak atau anggaran nilai semasa bayaran pajakan mendasari pada tarikh permulaan yang mana lebih rendah. Setiap bayaran pajakan diperuntukkan antara liabiliti dan caj kewangan untuk mencapai kadar seimbang ke atas jumlah pokok pajakan belum dijelas. Obligasi sewa sepadan, bersih daripada caj kewangan, dimasukkan dalam pinjaman. Elemen faedah caj kewangan dicajkan kepada pernyata pendapatan ke atas tempoh pajakan.

Harta, loji dan peralatan dibeli di bawah kontrak pajakan kewangan disusutnilaikan ke atas hayat berguna aset. Sekiranya tidak ada kepastian yang munasabah bahawa pemilikan akan dipindahkan kepada Kumpulan, aset disusutnilakan ke atas tempoh pajakan dan hayat bergunanya yang mana lebih pendek.

Untuk urusniaga jualan dan pajakan balik melibatkan loji dan peralatan tertentu yang terhasil dalam pajakan kewangan, lebih daripada perolehan jualan ke atas nilai penyimpanan aset tersebut di atas dilunaskan atas dasar garisan lurus sepanjang tempoh pajakan yang mempunyai tempoh tiga hingga empat tahun.

Q. Perbelanjaan Tertunda

- (i) Perbelanjaan ditanggung ke atas pembangunan permukaan kuari dipermodalkan dan dihapus kira atas dasar garisan lurus sepanjang hayat berguna permukaan kuari dibangunkan. Pembangunan biasanya dilaksanakan secara berperingkat dan hayat berguna setiap fasa adalah lebih kurang dua hingga tiga tahun.
- (ii) Premium dibayar ke atas penukaran tanah perlombongan pegangan pajak kepada tanah perindustrian dihapus kira atas dasar garisan lurus sepanjang tempoh-tempoh pegangan pajak.

Di mana petunjuk kerosotan wujud, nilai penyimpanan aset dinilai ditakrifkan dan dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada jumlah boleh diperolehi.

R. Pinjaman

Pinjaman pada mulanya diiktiraf berdasarkan perolehan diterima, bersih daripada kos urusniaga ditanggung. Dalam tempoh-tempoh berikutnya, pinjaman dinyatakan pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah hasil berkesan; sebarang perbezaan antara perolehan (bersih daripada kos urusniaga) dan nilai penebusan diiktiraf dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh pinjaman.

S. Cukai Pendapatan

Perbelanjaan cukai semasa ditentukan selaras dengan undang-undang cukai setiap bidang kuasa dalam mana Kumpulan beroperasi dan termasuk semua cukai berdasarkan keuntungan boleh dicukai, termasuk cukai penahanan perlu dibayar oleh anak syarikat asing, syarikat bersekutu atau entiti kawalan bersama ke atas pengagihan perolehan tertahan kepada syarikat-syarikat dalam Kumpulan, dan cukai laba harta tanah perlu dibayar atas pelupusan harta.

Cukai tertunda diperuntukkan, dengan menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara pada tarikh kunci kira-kira antara asas cukai aset dan liabiliti dan jumlah penyimpanannya dalam penyata kewangan. Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh ditolak sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap mana perbezaan sementara boleh ditolak atau kerugian cukai tidak diguna boleh digunakan.

Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan pada masa urusniaga, tidak menjelaskan keuntungan manapun keuntungan boleh dicukai.

Cukai tertunda diiktiraf atas perbezaan sementara timbul atas pelaburan dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama kecuali di mana pemasaan keterbalikan perbezaan sementara boleh dikawal dan ia berkemungkinan bahawa perbezaan sementara tidak akan terbalik pada masa hadapan boleh dijangka.

Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan terpakai kepada tempoh di mana aset direalis atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada tarikh kunci kira-kira.

Cukai tertunda diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali apabila ia timbul daripada urusniaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, dalam hal mana cukai tertunda juga dicaj atau dikreditkan secara langsung kepada ekuiti, atau di mana ia timbul daripada kombinasi perniagaan yang merupakan pengambilalihan, dalam hal mana cukai tertunda dimasukkan dalam muhibah atau muhibah negatif terhasil.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diseimbangkan apabila syarikat mempunyai hak boleh dikuatkuasakan yang sah untuk diimbangkan dan berhasrat untuk menyelesaikan atas dasar bersih atau untuk merealis aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

T. Faedah Kakitangan

(i) Faedah Kakitangan Jangka Pendek

Upah, gaji, cuti sakit, bonus dan faedah bukan wang diakrukan dalam tempoh dalam mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Kumpulan.

(ii) Faedah Selepas Pekerjaan

Kumpulan mempunyai beberapa skim faedah selepas pekerjaan selaras dengan syarat-syarat dan amalan-amalan tempatan dalam negara di mana ia beroperasi. Pelan faedah ini adalah sama ada pelan caruman yang dinyatakan atau pelan faedah yang dinyatakan.

Pelan caruman yang dinyatakan adalah pelan penceh bawah mana Kumpulan membayar caruman tetap kepada entiti berasingan (dana) dan tidak akan mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya sekiranya dana tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk membayar semua faedah kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan dalam tempoh-tempoh semasa dan terdahulu. Pelan faedah yang dinyatakan adalah pelan penceh yang menyatakan jumlah faedah penceh untuk diperuntukkan, pada kebiasaan sebagai fungsi salah satu atau lebih faktor-faktor seperti umur, tahun perkhidmatan atau pampasan.

RINGKASAN POLISI-POLISI PERAKAUNAN PENTING (*Sambungan*)

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

T. Faedah Kakitangan (*Sambungan*)

(ii) Faedah Selepas Pekerjaan (*Sambungan*)

Pelan Caruman Tertakrif

Caruman Kumpulan kepada pelan caruman dinyatakan dicaj kepada penyata pendapatan dalam tempoh kepada mana ia berkait. Sebaik sahaja caruman telah dibayar, Kumpulan tidak mempunyai obligasi membuat bayaran selanjutnya. (Sebagaimana diperlukan oleh undang-undang, syarikat-syarikat di Malaysia membuat caruman kepada skim pencernegi, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP").

Pelan Faedah Dinyatakan

Syarikat dan anak-anak syarikat tertentu mengambil bahagian dalam Skim Persaraan IJM yang merupakan skim faedah yang diterbitkan dan berbayar diluluskan di bawah Seksyen 150 Akta Cukai Pendapatan 1967. Faedah perlu dibayar atas persaraan adalah berdasarkan tempoh perkhidmatan dan purata gaji asas sepanjang lima tahun terakhir perkhidmatan.

Liabiliti berhubung dengan rancangan faedah dinyatakan adalah nilai semasa obligasi faedah dinyatakan pada tarikh kunci kira-kira tolak nilai saksama aset pelan, bersama-sama dengan pelarasan bagi laba/kerugian aktuari dan kos perkhidmatan yang lepas. Kumpulan menentukan nilai semasa obligasi faedah yang diterbitkan dan berbayar dan nilai saksama aset pelan dengan kekerapan mencukupi agar jumlah diiktiraf dalam penyata kewangan tidak berbeza secara material daripada jumlah yang mungkin ditentukan pada tarikh kunci kira-kira. Obligasi Kumpulan berhubung dengan skim faedah dinyatakan tersebut, dikira dengan menggunakan kaedah unit kredit diunjurkan, ditentukan melalui penilaian aktuari dijalankan setiap tiga tahun oleh ahli aktuari bertauliah. Penilaian terakhir telah dijalankan pada Disember 2002.

Laba dan kerugian aktuari timbul daripada pelarasan dialami dan perubahan dalam andaian-andaan aktuari. Jumlah laba dan kerugian aktuari bersih dicaj atau dikreditkan kepada pendapatan sepanjang purata hayat perkhidmatan selebihnya kakitangan berkaitan yang turut serta di mana laba dan kerugian aktuari tidak diiktiraf terkumpul bersih bagi Skim melebihi 10% daripada nilai semasa obligasi faedah dinyatakan dan nilai saksama rancangan aset yang mana lebih tinggi.

Selepas penerimaan pakai awal MASB 29 ke atas Faedah Kakitangan, peningkatan dalam faedah liabiliti dinyatakan diiktiraf sebagai perbelanjaan atas dasar garisan lurus sepanjang 5 tahun selaras dengan peruntukan peralihan Piawaian.

(iii) Faedah Pampasan Ekuiti

Kumpulan tidak membuat caj kepada penyata pendapatan berhubung dengan opsyen saham diberikan. Di mana opsyen saham dilaksanakan, perolehan diterima, bersih daripada mana-mana kos urusniaga, dikreditkan kepada modal saham dan premium saham.

U. Tunai dan Setara Tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, baki bank, overdraf bank, deposit tuntutan dan pelaburan jangka pendek, berkecairan tinggi yang sedia boleh ditukar kepada jumlah tunai diketahui dan yang tertakluk kepada risiko tidak ketara perubahan dalam nilai.

V. Modal Saham

(i) Pengkelasan

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti.

(ii) Kos Terbitan Saham

Kos luaran secara langsung boleh dikaitkan kepada terbitan saham baru ditunjukkan sebagai potongan daripada akaun premium saham, sekiranya ada. Dalam hal lain, ia dicaj kepada penyata pendapatan apabila ditanggung.

(iii) Dividen

Dividen ke atas saham-saham biasa diiktiraf sebagai liabiliti apabila diisyiharkan. Cadangan dividen akhir terakru sebagai liabiliti hanya selepas kelulusan oleh pemegang-pemegang saham.

W. Instrumen-instrumen Kewangan

(i) Instrumen Kewangan Diiktiraf pada Kunci Kira-kira

Kaedah pengiktirafan tertentu diterima pakai bagi instrumen kewangan diiktiraf pada kunci kira-kira dinyatakan dalam pernyata polisi individu berkaitan dengan setiap perkara.

(ii) Instrumen Kewangan Tidak Diiktiraf pada Kunci Kira-kira

Kumpulan adalah pihak kepada instrumen kewangan yang terdiri terutamanya daripada kontrak hadapan mata wang asing. Instrumen ini tidak diiktiraf dalam pernyata kewangan pada permulaan, tetapi dikemukakan dalam nota-nota berkenaan kepada pernyata kewangan.

Kontrak Mata Wang Asing Hadapan

Kumpulan menandatangani kontrak hadapan mata wang asing untuk melindungi Kumpulan daripada pergerakan dalam kadar pertukaran dengan mewujudkan kadar pada mana aset atau liabiliti mata wang asing akan diselesaikan.

Laba dan kerugian timbul atas kontrak ditandatangani sebagai pelindung nilai bagi urusniaga masa hadapan dijangka ditunda sehingga tarikh urusniaga tertentu, yang pada masa mana ia dimasukkan dalam pengiraan urusniaga sedemikian.

Semua laba dan kerugian pertukaran lain berkaitan dengan instrumen lindung nilai diiktiraf dalam pernyata pendapatan dalam tempoh yang sama sebagai perbezaan pertukaran ke atas perkara dilindung nilai mendasari. Laba dan kerugian atas kontrak yang tidak lagi dipanggil sebagai pelindung nilai dimasukkan dalam pernyata pendapatan.

(iii) Anggaran Nilai Saksama Untuk Tujuan Pendedahan

Nilai saksama derivatif dan sekuriti yang didagang secara awam adalah berdasarkan harga pasaran disebut harga pada tarikh kunci kira-kira.

Nilai saksama kontrak pertukaran mata wang asing hadapan ditentukan dengan menggunakan kadar pasaran pertukaran hadapan pada tarikh kunci kira-kira.

Dalam menaksir nilai saksama derivatif dan instrumen-instrumen kewangan bukan didagang, Kumpulan menggunakan pelbagai kaedah dan membuat andaian yang berdasarkan keadaan pasaran yang wujud pada setiap tarikh kunci kira-kira. Harga pasaran disebut harga atau sebut harga wakil penjual bagi instrumen khusus atau serupa digunakan bagi hutang jangka panjang. Lain-lain teknik dan asas, seperti nilai didiskaunkan aliran tunai masa hadapan dan asas aset bersih mendasari instrumen, digunakan untuk menentukan nilai saksama bagi instrumen kewangan selebihnya. Khususnya, nilai saksama liabiliti kewangan dianggarkan dengan mendiskaunkan aliran tunai kontrak masa hadapan pada kadar faedah pasaran semasa tersedia kepada Kumpulan bagi instrumen kewangan yang serupa.

Nilai penyimpanan aset kewangan dan liabiliti kewangan dengan kematangan kurang dari satu tahun diandaikan lebih kurang menyamai nilai saksamanya.

X. Geran Kerajaan

Geran daripada kerajaan diiktiraf pada nilai saksamanya di mana terdapat jaminan munasabah bahawa geran akan diterima dan Kumpulan akan mematuhi semua syarat yang ada padanya.

Geran kerajaan berkaitan dengan pembelian aset dimasukkan dalam liabiliti bukan semasa sebagai pendapatan tertunda dan dikreditkan kepada pernyata pendapatan sepanjang hayat dijangka aset-aset berkaitan, atas asas-asas yang seimbang dengan susut nilai aset berkaitan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

1. MAKLUMAT AM

Syarikat pada dasarnya terlibat dalam pembinaan, pembangunan harta dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terdiri daripada pembinaan, pembangunan harta, pengilangan dan pengkuarian, penanaman kelapa sawit dan pemegangan pelaburan. Kegiatan utama anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan dalam Nota 50 kepada penyata kewangan.

Syarikat adalah sebuah syarikat liabiliti awam berhad, diperbadankan dan berdomisil di Malaysia dan tersenarai pada Papan Utama Malaysia Securities Exchange Berhad.

Alamat pejabat berdaftar Syarikat adalah Tingkat 2, Wisma IJM, Jalan Yong Shook Lin, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Bilangan kakitangan dalam Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2003 masing-masing berjumlah 972 (2002: 1,368) dan 89 (2002: 84).

2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Kegiatan Kumpulan mendedahkan Kumpulan kepada pelbagai risiko kewangan, termasuk risiko pertukaran mata wang asing, risiko kadar faedah, risiko pasaran, risiko kredit, risiko kecairan dan aliran tunai. Objektif keseluruhan pengurusan risiko kewangan Kumpulan adalah untuk memastikan agar Kumpulan membentuk nilai bagi pemegang-pemegang sahamnya. Kumpulan menumpukan kepada ketakbolehan diramal pasaran kewangan dan cuba untuk meminimumkan potensi kesan-kesan kurang baik ke atas prestasi kewangan Kumpulan. Pengurusan risiko kewangan dijalankan melalui kajian risiko, sistem kawalan dalaman, program insurans dan pematuhan kepada polisi-polisi pengurusan risiko kewangan Kumpulan. Pengurusan kerap mengkaji risiko-risiko ini dan meluluskan polisi-polisi perbendaharaan, yang meliputi pengurusan risiko-risiko ini.

Kumpulan menggunakan instrumen kewangan derivatif seperti kontrak pertukaran mata wang asing untuk melindung nilai pendedahan tertentu, tetapi ia tidak bermula dalam instrumen kewangan.

Risiko pertukaran mata wang asing

Kumpulan beroperasi di peringkat antarabangsa dan terdedah kepada pelbagai mata wang, terutamanya Dolar Amerika Syarikat, Dolar Australia, Dolar Singapura, Dolar Hongkong, Renminbi Cina, Rupee India, Peso Argentina dan Pound Sterling. Aset dan liabiliti didenominasikan dalam mata wang asing bersama-sama dengan jangkaan aliran tunai daripada urusniaga-urusniaga dijangkakan didenominasikan dalam mata wang asing membawa kepada pendedahan pertukaran asing.

Kumpulan mengekalkan pelindung nilai semulajadi, bila-bila mungkin, dengan meminjam dalam mata wang negara dalam mana harta atau pelaburan terletak atau dengan meminjam dalam mata wang yang menyamai dengan aliran hasil pada masa hadapan yang akan diperolehi daripada pelaburannya. Pendedahan pertukaran asing dalam mata wang urusniaga selain daripada mata wang kefungsian daripada entiti kendalian dikekalkan pada tahap boleh terima.

Pendedahan mata wang asing urusniaga material dilindung nilai, terutamanya dengan instrumen kewangan derivatif seperti kontrak pertukaran asing hadapan.

Risiko kadar faedah

Pendapatan dan aliran tunai kendalian Kumpulan kebanyakannya bebas daripada perubahan dalam kadar faedah pasaran. Pendedahan kadar faedah timbul terutamanya daripada pinjaman dan deposit Kumpulan. Kumpulan menguruskan pendedahan kadar faedah dengan mengekalkan campuran berhemah kadar pinjaman tetap dan terapung.

Risiko pasaran

Kumpulan menghadapi pendedahan kepada risiko daripada perubahan dalam hutang dan harga ekuiti. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan kerap menyemak risiko-risiko ini dan mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengurangkan potensi kesan risiko-risiko sedemikian.

Risiko kredit

Risiko kredit timbul apabila instrumen-instrumen derivatif digunakan atau jualan dibuat atas terma-terma kredit tertunda. Kumpulan mengawal risiko-risiko ini melalui penggunaan prosedur-prosedur kelulusan kredit, had dan pengawasan. Risiko-risiko kredit diminimumkan dan diawasi dengan menghadkan seketat-ketatnya kaitan Kumpulan kepada rakan niaga dengan kebolehpercayaan yang tinggi. Jumlah dagangan belum terima dikawal atas dasar berterusan melalui prosedur-prosedur pelaporan pengurusan Kumpulan. Kumpulan tidak mempunyai apa-apa pendedahan penting kepada mana-mana pelanggan individu atau pihak satu lagi dan juga tidak mempunyai apa-apa penumpuan utama risiko kredit berkaitan dengan mana-mana instrumen kewangan.

Penumpuan risiko kredit berhubung dengan jumlah dagangan belum terima adalah terhad disebabkan bilangan pelanggan Kumpulan yang ramai, yang berselerak dalam spektrum industri dan perniagaan yang luas. Sejarah pengalaman Kumpulan dalam pemungutan jumlah dagangan boleh terima termasuk dalam peruntuhan yang direkodkan. Akibat daripada faktor-faktor ini, pengurusan percaya bahawa tidak ada risiko kredit tambahan yang melepas jumlah dibenarkan bagi kerugian pemungutan terdapat dalam jumlah dagangan boleh terima Kumpulan.

Risiko kecairan dan aliran tunai

Kumpulan secara aktifnya menguruskan profil kematangan hutang Kumpulan, aliran tunai kendalian dan ketersediaan pembiayaan untuk memastikan kesemua keperluan pembiayaan semula, bayaran balik dan pembiayaan dipenuhi. Sebagai sebahagian daripada keseluruhan pengurusan kecairan berhemah Kumpulan, Kumpulan mengekalkan tahap mencukupi bagi tunai atau pelaburan boleh ditukar tunai untuk memenuhi keperluan modal kerjanya. Selain itu, Kumpulan berusaha untuk mengekalkan ketersediaan kemudahan perbankan pada tahap munasabah kepada kedudukan keseluruhan hutang Kumpulan. Setakat mana yang boleh, Kumpulan cuba mendapatkan pembiayaan dikomitkan daripada kedua-dua institusi pasaran modal dan institusi kewangan dan secara berhemah mengimbangkan portfolionya dengan pendanaan jangka pendek untuk mencapai keberkesanan kos secara keseluruhan.

3. HASIL KENDALIAN

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
Hasil kontrak pembinaan	961,563	953,828	219,147	183,875
Hasil pembangunan harta	167,122	126,853	-	-
Jualan produk kuari dan dikilang	150,517	111,855	-	-
Jualan minyak sawit mentah dan produk sampingan	75,450	96,836	-	-
Perkhidmatan pengurusan harta	2,972	2,599	-	-
Pendapatan dividen	4,519	863	16,054	50,062
Sewa harta	1,752	2,361	3,002	2,865
	1,363,895	1,295,195	238,203	236,802
Bahagian daripada hasil kendalian: -				
Syarikat-syarikat bersekutu	319,360	244,333	-	-
Entiti kawalan bersama	94,314	120,984	-	-
	413,674	365,317	-	-
	1,777,569	1,660,512	238,203	236,802

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (*Sambungan*)

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

4. KEUNTUNGAN KENDALIAN SEBELUM KOS KEWANGAN

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
Keuntungan kendalian sebelum kos kewangan dinyatakan selepas dicaj: -				
Sewa beli loji dan peralatan	840	449	-	-
Harta, loji dan peralatan: -				
- susut nilai	25,839	29,547	919	1,060
- penghapusan kira	107	237	-	-
- kerugian atas pelupusan	15	199	-	-
Penyewaan tanah dan bangunan	908	764	-	-
Imbuhan Juruaudit: -				
- tahun semasa	830	904	210	210
- terkurang peruntukan berhubung dengan tahun terdahulu	5	2	-	-
Lain-lain yuran bukan audit dibayar/ perlu dibayar kepada : -				
- juruaudit Syarikat dan sekutu mereka	637	203	325	29
- juruaudit lain anak-anak syarikat	73	26	-	-
Kerugian pertukaran asing : -				
- tak direalis	178	-	-	-
- direalis	29	-	-	-
Peruntukan bagi pelunasan dalam nilai pelaburan	793	6,886	-	640
Pelunasan perbelanjaan tertunda	2,478	1,749	-	-
Pelunasan premium dibayar ke atas hak kuari	70	18	-	-
Pelunasan muhibah	561	407	-	-
Pelunasan diskaun atas terbitan bon	493	493	-	-
Peruntukan bagi hutang rugu	10,039	14,262	-	5,939
Kos kontrak pembinaan	823,154	796,186	148,157	137,883
Kos pembangunan harta	110,616	87,758	-	-
Kos kuari dan produk dikilang dijual	122,512	87,276	-	-
Kos kakitangan *	68,963	66,905	10,258	11,528
dan mengkreditkan :-				
Dividen kasar diterima daripada :				
- anak-anak syarikat (tak disebut harga)	-	-	11,854	40,803
- syarikat-syarikat bersekutu (disebut harga)	-	-	2,565	2,245
(tak disebut harga)	-	-	97	6,151
- lain-lain pelaburan (disebut harga)	2,524	1,813	1,538	863
(tak disebut harga)	2,063	3,917	-	-
Pendapatan faedah	26,492	16,131	25,488	21,662
Laba pertukaran asing: -				
- direalis	4,224	200	3,967	-
- tak direalis	9,679	10,309	9,256	9,770
Laba atas pelupusan harta, loji dan peralatan	1,041	233	92	88
Pendapatan sewa daripada harta	2,522	3,902	3,002	2,865
Kemasukan kira semula peruntukan bagi hutang rugu	912	906	-	-
Kemasukan kira semula peruntukan bagi pengurangan dalam nilai pelaburan	5,982	5	5,621	-
Laba atas pelupusan/kecairan pelaburan	17	639	-	90

*Termasuk dalam kos kakitangan di atas bagi tahun kewangan adalah imbuhan para Pengarah seperti berikut:

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
Para Pengarah Syarikat: -				
Yuran				
- Tahun semasa	316	231	316	231
- Terkurang//(terlebih) peruntukan berhubung dengan tahun terdahulu	(10)	72	(10)	72
Pelan caruman persaraan dinyatakan	499	449	332	333
Pelan faedah persaraan dinyatakan	79	75	63	60
Lain-lain emolumen	2,477	2,713	1,789	2,024
Para Pengarah anak-anak syarikat: -				
Yuran	60	60	-	-
Pelan caruman persaraan dinyatakan	297	289	-	-
Pelan faedah persaraan dinyatakan	199	102	-	-
Lain-lain emolumen	2,652	2,479	-	-

Anggaran nilai wang faedah bukan berupa wang yang diberi kepada Pengarah-pengarah Kumpulan dan Syarikat melalui penggunaan aset Kumpulan dan Syarikat dan penyediaan faedah-faedah lain masing-masing berjumlah RM191,000 (2002: RM138,000) dan RM82,000 (2002: RM77,000).

5. KOS KEWANGAN

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
Perbelanjaan faedah ke atas :-				
- Pinjaman bank menanggung faedah	7,040	2,774	1,574	2,121
- Pendahuluan daripada anak-anak syarikat	-	-	3,334	5,498
- Sewa beli dan pemajakan	1,032	4,535	-	-
- Bon	15,500	15,500	7,500	7,500
- Lain-lain	2,796	3,319	1,198	2,075
	26,368	26,128	13,606	17,194
Tolak faedah dipermodalkan kepada :				
- Harta, loji dan peralatan (Nota 22)	(2,995)	(2,004)	-	-
- Kontrak pembinaan kerja dalam pelaksanaan (Nota 38)	(212)	-	-	-
	23,161	24,124	13,606	17,194

6. KEROSOTAN PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

Dalam tahun sebelum ini, kerugian kerosotan sebanyak RM10,800,000 telah diiktiraf bagi pelaburan Syarikat dalam Sin Kean Boon Group Berhad, syarikat bersekutu 20.1% milik Kumpulan dalam segmen "Pengilangan & Kuari", memandangkan nilai pasaran pelaburan berada di bawah jumlah penyimpanan Kumpulan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (*Sambungan*)

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

7. CUKAI

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
Cukai semasa :-				
- Cukai pendapatan Malaysia	(64,995)	(44,981)	(27,166)	(22,675)
- Cukai luar negeri	(2,563)	(6,002)	-	-
 Cukai tertunda (Nota 17)	 (67,558) 11,419	 (50,983) (2,165)	 (27,166) 2,509	 (22,675) 1,312
	(56,139)	(53,148)	(24,657)	(21,363)
 Cukai semasa :-				
- Tahun semasa	(69,564)	(50,075)	(26,889)	(22,675)
- Faedah daripada kerugian cukai tak diiktiraf sebelum ini	2,484	581	-	-
- Terkurang akruan dalam tahun terdahulu (bersih)	(478)	(1,489)	(277)	-
	(67,558)	(50,983)	(27,166)	(22,675)
 Cukai tertunda:-				
- Pengasalan dan keterbalikan perbezaan sementara	11,419	(2,165)	2,509	1,312
	(56,139)	(53,148)	(24,657)	(21,363)

Penerangan mengenai hubungan antara cukai dan keuntungan daripada kegiatan biasa sebelum cukai adalah seperti berikut:

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
Keuntungan daripada kegiatan biasa sebelum cukai	206,800	191,770	104,578	88,104
Cukai dikira pada kadar cukai Malaysia sebanyak 28% (2002: 28%)	57,904	53,696	29,282	24,669
Kesan cukai daripada :				
- Kadar cukai berlainan dalam lain-lain negara	(1,439)	2,348	-	-
- Kadar cukai lebih rendah bagi syarikat kecil dan sederhana	(217)	8	-	-
- Perbelanjaan tidak boleh ditolak untuk tujuan cukai	12,515	13,050	1,017	5,479
- Perbelanjaan tertakluk kepada potongan berganda	(2)	-	-	-
- Pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	(9,332)	(13,673)	(5,919)	(8,785)
- Penggunaan insentif cukai	(1,751)	(3,787)	-	-
- Aset cukai tertunda tidak diiktiraf	467	598	-	-
- Penggunaan kerugian cukai tidak diiktiraf sebelum ini	(2,484)	(581)	-	-
- Cukai terkurang diperuntukkan dalam tahun-tahun terdahulu	478	1,489	277	-
Cukai	56,139	53,148	24,657	21,363

Termasuk dalam perbelanjaan cukai pendapatan Kumpulan adalah penjimatan cukai daripada penggunaan kerugian cukai seperti berikut:

	KUMPULAN	
	2003 RM'000	2002 RM'000
Kerugian cukai :-		
Penjimatan cukai akibat daripada penggunaan kerugian cukai tahun semasa untuk yang mana kredit diiktiraf dalam tahun	3,047	-
Penjimatan cukai akibat daripada penggunaan kerugian cukai dibawa ke hadapan untuk yang mana kredit berkaitan diiktiraf dalam tahun	2,484	581

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (*Sambungan*)

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

8. PEROLEHAN SETIAP SAHAM

(a) Asas

Perolehan asas setiap saham bagi tahun kewangan telah dikira berdasarkan keuntungan bersih Kumpulan bagi tahun kewangan sebanyak RM145,724,000 (2002: RM122,543,000) dan purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan dalam tahun kewangan sebanyak 371,846,000 (2002: 360,556,000) saham biasa. Purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan telah diperolehi selepas mengambil kira penerbitan saham-saham selaras dengan ESOS dalam tahun kewangan sebelum ini dan daripada penukaran Waran 2000/2004.

(b) Dicairkan sepenuhnya

Pendapatan dicairkan sepenuhnya setiap saham Kumpulan dikira dengan membahagi keuntungan bersih Kumpulan bagi tahun sebanyak RM145,724,000 (2002: RM122,543,000) dengan purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan diselaraskan untuk mengandaikan penukaran kesemua potensi kecairan saham biasa, iaitu Waran 2000/2004. Pengiraan dibuat untuk menentukan bilangan saham yang mungkin dapat dibeli pada harga pasaran (ditentukan sebagai purata wajaran harga saham tahunan saham-saham Syarikat) berdasarkan nilai kewangan hak langganan yang terdapat pada waran-waran belum ditukar. Pengiraan ini bertindak untuk menentukan elemen "bonus" kepada saham biasa belum ditukar untuk tujuan pengiraan kecairan. Tidak ada pelarasian dibuat kepada keuntungan bersih bagi pengiraan waran.

	KUMPULAN	
	2003 RM'000	2002 RM'000
Keuntungan bersih bagi tahun	145,724	122,543
	'000	'000
Purata wajaran bilangan saham biasa dalam terbitan Pelarasian bagi Waran	371,846 25,303	360,556 30,749
Purata wajaran bilangan saham biasa bagi perolehan setiap saham dicairkan	397,149	391,305
Perolehan dicairkan setiap saham	36.7 Sen	31.3 Sen

9. DIVIDEN

	2003			2002		
	Dividen kasar setiap saham Sen	Jumlah dividen, bersih daripada cukai RM'000	Dividen kasar setiap saham Sen	Jumlah dividen, bersih daripada cukai RM'000		
Dividen interim pertama	5	13,693	5	13,087		
Dividen interim kedua	10	27,524	7	18,512		
	15	41,217	12	31,599		

Penyata kewangan tidak menggambarkan dividen interim kedua diisyiharkan selepas akhir tahun kewangan berjumlah RM27,524,000 (2002: 18,512,000), yang akan hanya terakru sebagai liabiliti dalam tahun kewangan akan berakhir 31 Disember 2004. Tidak ada dividen akhir bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003 (2002: Tiada) telah dicadangkan oleh Lembaga Pengarah.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (*Sambungan*)

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

10. LAPORAN BERSEGMENT

(a) Laporan utama – Segmen perniagaan

	Pembinaan RM'000	Pembangunan Harta RM'000
2003		
HASIL:		
Jumlah jualan	1,268,982	204,378
Tolak: Jualan antara segmen *	(136,708)	-
Jualan luar	1,132,274	204,378
Tolak: Bahagian Kumpulan ke atas hasil syarikat-syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama	(170,711)	(34,284)
Jumlah hasil segmen	961,563	170,094
KEPUTUSAN:		
Keputusan segmen	94,075	34,014
Bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama	7,521	1,760
Jumlah keuntungan segmen sebelum cukai	101,596	35,774
Cukai		
Keuntungan daripada kegiatan biasa selepas cukai		
Kepentingan minoriti		
Keuntungan bersih bagi tahun		
* <i>Jualan antara segmen diurusniagakan atas dasar terma-terma biasa</i>		
LAIN-LAIN MAKLUMAT:		
Aset segmen	944,988	620,761
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	80,134	22,356
Jumlah aset segmen	1,025,122	643,117
Aset korporat tak diperuntukkan		
Jumlah aset disatukan		
Jumlah liabiliti segmen	804,468	101,173
Liabiliti korporat tak diperuntukkan		
Ditanggung bagi tahun :-		
Perbelanjaan modal	99,166	9,937
Susutnilai dicaj kepada penyata pendapatan	11,518	629
Pelunasan muhibah	73	34
Pelunasan perbelanjaan tertunda	-	-
Pelunasan premium dibayar ke atas hak kuari	-	-
Lain-lain perbelanjaan bukan tunai ketara: -		
- Peruntukan bagi hutang ragu	9,000	220

Pengilangan & Kuari RM'000	Perladangan RM'000	Infrastruktur RM'000	Pelaburan & Lain-lain RM'000	Kumpulan RM'000
254,293 (31,446)	152,383 -	34,675 -	46,778 (15,766)	1,961,489 (183,920)
222,847	152,383	34,675	31,012	1,777,569
(72,330)	(76,933)	(34,675)	(24,741)	(413,674)
150,517	75,450	-	6,271	1,363,895
16,988	14,080	(4)	11,861	171,014
3,901	20,773	4,530	(2,699)	35,786
20,889	34,853	4,526	9,162	206,800
				(56,139)
				150,661 (4,937)
				145,724
144,085 57,103	2,744 298,113	17,525 137,593	215,504 8,646	1,945,607 603,945
201,188	300,857	155,118	224,150	2,549,552
				14,068
				2,563,620
48,637	80,000	1,184	2,349	1,037,811 16,320
				1,054,131
7,019 5,992 272 2,478 70	20,608 7,700 52 - -	- - - - -	- - 130 - -	136,730 25,839 561 2,478 70
819	-	-	-	10,039

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (*Sambungan*)

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

10. LAPORAN BERSEGMENT (Sambungan)

(a) Laporan utama – Segmen perniagaan (Sambungan)

	Pembinaan RM'000	Pembangunan Harta RM'000
2002		
HASIL:		
Jumlah jualan	1,197,373	221,745
Tolak : Jualan antara segmen*	(76,703)	(61,093)
Jualan luar	1,120,670	160,652
Tolak : Bahagian Kumpulan daripada hasil syarikat-syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama	(166,842)	(30,479)
Jumlah hasil segmen	953,828	130,173
KEPUTUSAN:		
Keputusan segmen	97,093	18,056
Bahagian daripada keputusan syarikat-syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama	7,512	1,672
Kerosotan pelaburan dalam syarikat bersekutu	-	-
Jumlah keuntungan segmen sebelum cukai	104,605	19,728
Cukai		
Keuntungan daripada kegiatan biasa selepas cukai		
Kepentingan minoriti		
Keuntungan bersih bagi tahun		
*Jualan antara segmen dan diurusniagakan atas dasar terma-terma biasa		
LAIN-LAIN MAKLUMAT:		
Aset segmen	759,366	592,168
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	61,365	20,970
Jumlah aset segmen	820,731	613,138
Aset korporat tak diperuntukkan		
Jumlah aset disatukan		
Jumlah liabiliti segmen	686,329	132,014
Liabiliti korporat tak diperuntukkan		
Jumlah liabiliti disatukan		
Ditanggung bagi tahun :-		
Perbelanjaan modal	38,049	10,909
Susutnilai dicaj kepada penyata pendapatan	8,386	633
Pelunasan muhibah	73	34
Pelunasan perbelanjaan tertunda	-	-
Pelunasan premium dibayar ke atas hak kuari	-	-
Lain-lain perbelanjaan bukan tunai ketara :-		
- Elaun bagi pengurangan dalam nilai pelaburan	-	-

Pengilangan & Kuari RM'000	Perladangan RM'000	Infrastruktur RM'000	Pelaburan & Lain-lain RM'000	Kumpulan RM'000
266,163 (73,345)	130,569 -	35,118 -	67,581 (46,896)	1,918,549 (258,037)
192,818	130,569	35,118	20,685	1,660,512
(80,963)	(33,733)	(35,118)	(18,182)	(365,317)
111,855	96,836	-	2,503	1,295,195
14,483	26,363	(4,688)	3,335	154,642
4,570 (10,800)	3,398 -	35,388 -	(4,612) -	47,928 (10,800)
8,253	29,761	30,700	(1,277)	191,770
				(53,148)
				138,622 (16,079)
				122,543
126,246 55,416	558,557 27,829	52,824 143,404	180,643 11,100	2,269,804 320,084
181,662	586,386	196,228	191,743	2,589,888
				25,300
				2,615,188
49,997	225,852	10,020	3,764	1,107,976
				38,823
				1,146,799
10,524	70,737	-	-	130,219
11,042	9,486	-	-	29,547
65	123	-	112	407
1,749	-	-	-	1,749
18	-	-	-	18
71	-	-	6,815	6,886

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (*Sambungan*)

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

10. LAPORAN BERSEGMENT (Sambungan)

(b) Laporan sekunder – Segmen geografi

Pasaran geografi	Hasil daripada pelanggan luar RM'000	Jumlah aset segmen RM'000	Perbelanjaan modal ditanggung dalam tahun RM'000
2003: -			
Malaysia	1,479,069	1,887,189	40,946
Singapura	89,426	26,929	-
Vietnam	11,609	39,161	-
China	1,468	88,038	-
India	134,000	299,008	95,784
Australia	38,853	138,477	-
Argentina	22,085	67,912	-
Lain-lain negara	1,059	16,906	-
	1,777,569	2,563,620	136,730
Tolak: Bahagian Kumpulan ke atas hasil syarikat-syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama	(413,674)	-	-
	1,363,895	2,563,620	136,730
2002: -			
Malaysia	1,314,787	2,069,704	112,871
Singapura	68,910	23,272	-
Vietnam	12,613	38,122	-
China	1,606	100,032	-
India	219,204	182,174	17,348
Australia	20,902	110,824	-
Argentina	21,428	73,704	-
Lain-lain negara	1,062	17,356	-
	1,660,512	2,615,188	130,219
Tolak: Bahagian Kumpulan ke atas hasil syarikat-syarikat bersekutu dan entiti kawalan bersama	(365,317)	-	-
	1,295,195	2,615,188	130,219

11. MODAL SAHAM

	KUMPULAN DAN SYARIKAT			
	2003		2002	
	Bilangan saham '000	Nilai nominal RM'000	Bilangan saham '000	Nilai nominal RM'000
Saham biasa bernilai RM1 sesaham :-				
Dibenarkan	1,000,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000
Diterbitkan dan berbayar penuh :-				
Pada 1 Januari	363,937	363,937	352,723	352,723
Diterbitkan di bawah Skim Opsyen Saham Kakitangan ("ESOS")	-	-	9,605	9,605
Penukaran Waran	18,339	18,339	1,609	1,609
Pada 31 Disember	382,276	382,276	363,937	363,937

- (a) Dalam tahun kewangan, modal saham biasa Syarikat yang diterbitkan dan berbayar telah ditambah daripada RM363,936,565 kepada RM382,276,059 melalui :-
- (i) Terbitan 7,168,800 saham biasa baru bernilai RM1 sesaham timbul daripada penukaran Waran 2000/2004 pada harga pelaksanaan RM2.99 selaras dengan Surat Ikatan Pol bertarikh 24 Januari 2000.
 - (ii) Terbitan 11,170,694 saham biasa baru bernilai RM1 sesaham timbul daripada penukaran Waran 2000/2004 pada harga pelaksanaan RM2.76 (harga diselaraskan) selaras dengan Surat Ikatan Pol bertarikh 24 Januari 2000.
- Saham biasa baru yang diterbitkan bertaraf *pari passu* dalam semua hubungan dengan saham-saham Syarikat yang diterbitkan sedia ada.
- (b) Pada tarikh kunci kira-kira, jumlah bilangan Waran 2000/2004 yang kekal tidak dilaksanakan berjumlah 60,047,525 (2002: 78,387,019).

12. RIZAB MODAL

	KUMPULAN	
	2003 RM'000	2002 RM'000
Permodalan rizab selepas pengambilalihan dalam anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu: -		
Pada 1 Januari/Pada 31 Disember	12,563	12,563
Bahagian rizab modal syarikat-syarikat bersekutu: -		
Pada 1 Januari	21,555	21,555
Kecairan anak syarikat timbul daripada pengagihan modal:		
- Rizab modal timbul daripada terbitan saham oleh anak syarikat kepada kepentingan minoriti	36,089	-
- Pengagihan modal sehubungan dengan penyenaraian anak syarikat	(13,792)	-
	22,297	-
Pada 31 Disember	43,852	21,555
Muhibah negatif: -		
Pada 1 Januari	265	43
Timbul daripada pembelian saham-saham tambahan dalam anak-anak syarikat	4,851	277
	5,116	320
Tolak: Pelunasan	(80)	(55)
Pada 31 Disember	5,036	265
Jumlah rizab modal	61,451	34,383

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN *(Sambungan)*

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

13. KEUNTUNGAN TERTAHAN

Tertakluk kepada persetujuan oleh pihak-pihak berkuasa cukai, pada 31 Disember 2003, Syarikat mempunyai pendapatan dikecualikan cukai mencukupi untuk mengiyistikarkan dividen dikecualikan sehingga RM146,078,000 (2002: 143,751,000) dan kredit cukai di bawah Seksyen 108 Akta Cukai Pendapatan 1967 untuk membuat bayaran dividen bersih sehingga RM163,384,000 (2002: 151,856,000).

14. BON

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
(a) 8% Bon Kadar Tetap Bercagar 1999/2009	100,000	100,000	-	-
Tolak:				
Diskaun semasa terbitan	4,932	4,932	-	-
Pelunasan	(2,096)	(1,603)	-	-
	2,836	3,329	-	-
(b) 5% Bon Tak Bercagar Boleh Tebus 2000/2005	97,164	96,671	-	-
	150,000	150,000	150,000	150,000
	247,164	246,671	150,000	150,000

Ciri-ciri utama bon adalah seperti berikut :-

- (a) RM100,000,000 jumlah nominal Bon Kadar Tetap Bercagar 8% 1999/2009 telah diterbitkan oleh sebuah anak syarikat pada RM95.068 setiap RM100 nilai nominal kepada dua buah bank berlesen tempatan, yang merupakan pelanggan utama, atas dasar urusan dibeli. Bon dicagar melalui penyerahan hak kesemua hak di bawah Perjanjian Konsesi di antara anak syarikat dan Kerajaan Malaysia dirujuk dalam Nota 26(a) kepada penyata kewangan. Bon bertaraf *pari passu* dan berkadar di kalangan masing-masing dan lebih utama daripada semua keterutangan tidak bercagar lain.

Bon membawa kadar kupon tetap 8% setahun perlu dibayar dua kali setahun secara tunggakan. Pada akhir tempohnya, bon akan ditebus pada 100% daripada nilai nominalnya pada 15 Oktober 2009.

- (b) RM150,000,000 jumlah nominal Bon Tak Bercagar Boleh Tebus 5% 2000/2005 telah diterbitkan oleh Syarikat dengan 80,178,930 waran boleh cerai kepada pelanggan utama atas dasar urusan dibeli.

Bon telah diterbitkan pada 100% jumlah nominal dan membawa kadar kupon tetap 5% setahun perlu dibayar dua kali setahun secara tunggakan. Pada akhir tempohnya, bon akan ditebus pada 100% daripada nilai nominal bersama dengan faedah terakru sehingga tarikh kematangan pada 28 Februari 2005.

Setiap waran memberi hak kepada pemegang berdaftar untuk melanggan satu (1) saham biasa baru dalam Syarikat pada bila-bila masa pada atau selepas 28 Februari 2000 hingga 28 Ogos 2004 pada harga pelaksanaan sebanyak RM2.99 setiap saham atau harga diselaraskan tertentu selaras dengan peruntukan-peruntukan dalam Surat Ikatan Pol. Mana-mana Waran 2000/2004 yang tidak dilaksanakan pada tarikh kematangan akan luput dan tidak lagi sah untuk apa-apa tujuan.

Harga pelaksanaan Waran 2000/2004 telah diselaraskan kepada RM2.76 setiap saham pada 10 Jun 2003 berikutan dengan pengagihan 148,442,024 saham biasa bernilai RM0.50 sesaham dalam IJM Plantations Berhad ("IJMP") kepada pemegang-pemegang saham Syarikat berdasarkan dua (2) saham IJMP bagi setiap lima (5) saham dipegang dalam Syarikat. Harga pelaksanaan telah diselaraskan selaras dengan syarat 3(1)(c) jadual kedua Surat Ikatan Pol.

Waran-waran diiktiraf dalam penyata kewangan hanya apabila ia ditukarkan kepada saham-saham biasa Syarikat.

15. PINJAMAN BERJANGKA

	KUMPULAN	
	2003	2002
	RM'000	RM'000
Bercagar	48,015	523
Tak bercagar	22,800	-
	70,815	523
Perlu dibayar dalam masa 1 tahun (Nota 36)	1,906	-
Perlu dibayar antara 1 dan 5 tahun	41,627	-
Perlu dibayar selepas 5 tahun	27,282	523
Perlu dibayar selepas 1 tahun (termasuk dalam liabiliti bukan semasa)	68,909	523
	70,815	523
Profil pendedahan mata wang pinjaman berjangka adalah seperti berikut : -		
Rupee India	48,015	-
Dolar US	22,800	-
Dolar Australia	-	523
	70,815	523

Pinjaman berjangka sebanyak RM523,000 pada 31 Disember 2002 perlu dibayar balik pada 30 April 2023. Ini telah dibayar balik sepenuhnya dalam tahun.

Dalam tahun, pinjaman berjangka menanggung faedah pada kadar di antara 9.75% hingga 13.00% (2002: 6.05% hingga 6.40%) setahun manakala pada 31 Disember 2003, kadar cukai berkesan adalah di antara 9.75% hingga 13.00% setahun (2002 : 6.40%) setahun.

	KUMPULAN	
	2003	2002
	RM'000	RM'000
Pinjaman berjangka bercagar adalah dicagar melalui : -		
- gadaian tetap dan terapung ke atas pembangunan harta anak-anak syarikat tertentu	-	523
- gadaian tetap dan terapung ke atas harta, loji dan peralatan dan jumlah belum terima anak-anak syarikat tertentu	48,015	-
	48,015	523

16. PEMIUTANG SEWA BELI DAN PAJAKAN

	KUMPULAN	
	2003	2002
	RM'000	RM'000
Bayaran minimum: -		
- perlu dibayar dalam masa 1 tahun	204	19,047
- perlu dibayar antara 1 dan 5 tahun	1,348	4,434
	1,552	23,481
Tolak: Caj kewangan masa hadapan	(104)	(1,116)
Nilai semasa liabiliti	1,448	22,365
Nilai semasa liabiliti: -		
Perlu dibayar dalam masa 1 tahun (Nota 35)	204	18,027
Perlu dibayar antara 1 dan 5 tahun (termasuk dalam liabiliti bukan semasa)	1,244	4,338
	1,448	22,365

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (*Sambungan*)

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

17. CUKAI TERTUNDA

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
Aset cukai tetunda	14,068	25,300	2,867	358
Liabiliti cukai tertunda :				
- tertakluk kepada cukai pendapatan	(4,956)	(6,406)	-	-
- tertakluk kepada cukai laba modal	-	(20,518)	-	-
	(4,956)	(26,924)	-	-
	9,112	(1,624)	2,867	358
Pada 1 Januari	(1,624)	541	358	(954)
(Dicaj)/dikredit kepada penyata pendapatan (Nota 7)				
- harta, loji dan peralatan	(1,279)	(6,169)	49	46
- faedah selepas pekerjaan	404	(18)	(155)	(18)
- aset tak ketara	(234)	(81)	-	-
- kerugian cukai	2,977	17	-	-
- jumlah perlu dibayar	3,087	3,785	577	1,010
- pembangunan harta	87	(109)	-	-
- lain-lain	6,377	410	2,038	274
	11,419	(2,165)	2,509	1,312
Pelupusan anak syarikat (Nota 48)	(620)	-	-	-
Perbezaan terjemahan mata wang	(63)	-	-	-
Pada 31 Disember	9,112	(1,624)	2,867	358
Tertakluk kepada cukai pendapatan				
Aset cukai tertunda (sebelum pengimbangan)				
- Harta, loji dan peralatan	1,271	3,679	-	-
- Faedah selepas pekerjaan	718	314	89	244
- Jumlah perlu dibayar	9,569	6,482	3,098	2,521
- Kerugian cukai	4,646	23,186	-	-
- Lain-lain	5,172	364	-	-
	21,376	34,025	3,187	2,765
Pengimbangan	(7,308)	(8,725)	(320)	(2,407)
Aset cukai tertunda (selepas pengimbangan)	14,068	25,300	2,867	358
Liabiliti cukai tertunda (sebelum pengimbangan)				
- Harta, loji dan peralatan	(8,531)	(9,976)	(320)	(369)
- Pembangunan harta	(1,718)	(1,805)	-	-
- Aset tak ketara	(1,543)	(1,309)	-	-
- Lain-lain	(472)	(2,041)	-	(2,038)
	(12,264)	(15,131)	(320)	(2,407)
Pengimbangan	7,308	8,725	320	2,407
Liabiliti cukai tertunda (selepas pengimbangan)	(4,956)	(6,406)	-	-
Tertakluk kepada cukai laba modal				
Liabiliti cukai tertunda				
- Penilaian semula tanah	-	(20,518)	-	-

Jumlah kerugian cukai tidak diguna untuk yang mana aset cukai tertunda diiktiraf dalam kunci kira-kira adalah seperti berikut :

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
Kerugian cukai	3,217	3,689	-	-

18. JUMLAH TERHUTANG KEPADA SYARIKAT BERSEKUTU

Jumlah terhutang kepada syarikat bersekutu dalam tahun kewangan sebelum ini mewakili jumlah terhutang kepada syarikat bersekutu IJM Plantations Berhad, yang telah dilupuskan dalam tahun kewangan (Nota 48). Ini timbul daripada pinjaman diperolehi daripada syarikat bersekutu yang telah diberi pinjam kepada anak syarikat untuk tujuan pembangunan ladang. Pinjaman perlu dibayar balik melalui bayaran balik sekaligus 7 tahun daripada tarikh pengeluaran pertama 25 Oktober 1999 dan menanggung faedah pada kadar tetap 9.95% setahun. Tanah ladang pegangan pajak jangka panjang tertentu dan perbelanjaan pembangunan Kumpulan telah digadai sebagai cagaran bagi pinjaman (Nota 22(d)).

19. JUMLAH DAGANGAN PERLU DIBAYAR

Ini mewakili balasan pembelian belum dijelas timbul daripada pembelian tanah bagi pembangunan harta oleh anak syarikat, perlu dibayar balik sepanjang tempoh pembangunan, yang adalah tidak bercagar dan tanpa faedah.

	KUMPULAN			
	2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
Jumlah baki belum dijelas			12,000	12,000
Jumlah perlu dibayar dalam masa 12 bulan (Nota 35)			(6,000)	-
Jumlah perlu dibayar selepas 12 bulan			6,000	12,000

20. FAEDAH PERSARAAN

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
(a) Pelan caruman dinyatakan	85	-	-	-
(b) Pelan faedah dinyatakan	2,886	2,262	924	871
	2,971	2,262	924	871

(a) Pelan caruman dinyatakan

Syarikat dan anak-anak syarikatnya di Malaysia mencarum kepada Kumpulan Simpanan Wang Pekerja, pelan caruman kebangsaan dinyatakan. Selain daripada itu, anak syarikat di India juga telah diwujudkan sebagai pelan caruman dinyatakan tidak dibiayai. Sebaik sahaja caruman dibayar, Kumpulan tidak lagi mempunyai sebarang obligasi bayaran selanjutnya.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (*Sambungan*)

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

20. FAEDAH PERSARAAN (Sambungan)

(b) Pelan faedah dinyatakan

Syarikat dan anak-anak syarikat tertentu menyertai dalam Skim Persaraan IJM, yang merupakan skim faedah dinyatakan diluluskan di bawah Seksyen 150 Akta Cukai Pendapatan 1967. Faedah perlu dibayar atas persaraan berdasarkan tempoh perkhidmatan dan purata gaji selama lima tahun perkhidmatan yang terakhir. Liabiliti berhubung dengan skim faedah yang dinyatakan tersebut ditentukan melalui penilaian aktuari yang dilaksanakan setiap tiga tahun oleh aktuari yang layak berdasarkan kaedah penilaian faedah yang diunjurkan. Penilaian terakhir telah dijalankan pada Disember 2002.

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
Pada 1 Januari	2,262	1,594	871	936
Dicaj kepada penyata pendapatan	3,203	3,211	642	513
Caruman dan faedah dibayar	(2,579)	(2,543)	(589)	(578)
Pada 31 Disember	2,886	2,262	924	871

Jumlah diiktiraf dalam kunci kira-kira boleh dianalisis seperti berikut:

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
Pada 31 Disember				
Nilai semasa obligasi dibiayai	20,048	17,342	3,101	2,748
Nilai saksama aset pelan	(15,576)	(12,082)	(2,234)	(1,800)
Status pelan dibiayai	4,472	5,260	867	948
Laba aktuari tak diiktiraf	813	-	119	-
Liabiliti peralihan tak diiktiraf (Nota 45(b))	(2,399)	(2,998)	(62)	(77)
Liabiliti dalam kunci kira-kira	2,886	2,262	924	871

Perbelanjaan diiktiraf dalam penyata pendapatan boleh dianalisis seperti berikut :-

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2003 RM'000	2002 RM'000	2003 RM'000	2002 RM'000
Kos perkhidmatan semasa	1,592	1,452	533	520
Kos faedah	1,206	1,100	187	174
Pulangan dijangka ke atas aset dirancang	(624)	(751)	(93)	(119)
Kerugian/(laba) aktuari diiktiraf	-	1,410	-	(62)
Kos perkhidmatan masa lepas	430	-	-	-
Pelunasan liabiliti peralihan (Nota 45(b))	599	-	15	-
Jumlah pelan faedah persaraan dinyatakan	3,203	3,211	642	513
Pelan caruman persaraan dinyatakan	7,241	7,114	1,486	1,433
Jumlah dimasukkan dalam kos kakitangan (Nota 4)	10,444	10,325	2,128	1,946
Caj kepada penyata pendapatan telah dimasukkan dalam saluran perkara-perkara berikut:				
- kos jualan	5,308	5,492	960	947
- perbelanjaan pentadbiran	5,136	4,833	1,168	999
Jumlah dimasukkan dalam kos kakitangan (Nota 4)	10,444	10,325	2,128	1,946

Andaian-andaian aktuari utama digunakan berhubung dengan pelan faedah dinyatakan Kumpulan adalah seperti berikut:

	KUMPULAN		SYARIKAT	
	2003 %	2002 %	2003 %	2002 %
Pada 31 Disember				
Kadar diskau	7	7	7	7
Pulangan dijangka ke atas aset pelan	5	5	5	5
Kadar dijangka daripada kenaikan gaji	5	5	5	5
Pulangan sebenar ke atas aset pelan	1,216	766	178	121

21. PENDAPATAN TERTUNDA

	KUMPULAN	
	2003 RM'000	2002 RM'000
(a) Lebihan daripada perolehan jualan ke atas nilai penyimpanan harta, loji dan peralatan timbul daripada jualan dan pengaturan pajakan balik yang terhasil dalam pajakan kewangan	-	6,661
(b) Geran Kerajaan	27,423	-
	27,423	6,661

Geran Kerajaan mewakili geran dari Kerajaan India bagi beberapa konsesi jalan bertol yang diberikan kepada Kumpulan. Tidak ada pelunasan Geran Kerajaan dalam tahun memandangkan pembinaan jalan bertol masih lagi dalam pelaksanaan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (*Sambungan*)

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

22. HARTA, LOJI DAN PERALATAN

Butir-butir harta, loji dan peralatan adalah seperti berikut: -

KUMPULAN 2003

Tanah

Tanah ladang
pegangan
pajak jangka
panjang dan
perbelanjaan
pembangunan
Pada Kos
RM'000

Nilai buku bersih

Pada 1 Januari 2003

Kecairan / pelupusan
anak-anak syarikat

Tambahan

Pelupusan

Penghapusan kira

Caj susut nilai untuk tahun

Perbezaan pertukaran timbul
daripada terjemahan
aset entiti asing

Pindahan / Pengkelasan semula

	Pegangan kekal Pada Kos RM'000	Pegangan pajak jangka panjang Pada Kos RM'000	Pegangan pajak jangka panjang Pada Penilaian RM'000	Pegangan pajak jangka pendek Pada Kos RM'000
--	---	--	--	---

Pada 1 Januari 2003	12,907	38,696	1,308	6,773
---------------------	--------	--------	-------	-------

Kecairan / pelupusan anak-anak syarikat	-	(19,379)	-	(7,606)
--	---	----------	---	---------

Tambahan	6,397	871	-	971
----------	-------	-----	---	-----

Pelupusan	-	-	-	-
-----------	---	---	---	---

Penghapusan kira	-	-	-	-
------------------	---	---	---	---

Caj susut nilai untuk tahun	-	(255)	-	(138)
-----------------------------	---	-------	---	-------

Perbezaan pertukaran timbul daripada terjemahan aset entiti asing	-	-	-	-
---	---	---	---	---

Pindahan / Pengkelasan semula	(10,449)	-	-	-
-------------------------------	----------	---	---	---

Pada 31 Disember 2003	8,855	19,933	1,308	-
------------------------------	--------------	---------------	--------------	----------

Pada 31 Disember 2003

Kos

Penilaian

Susut nilai terkumpul

Kos	8,855	23,767	-	-
-----	-------	--------	---	---

Penilaian	-	-	1,308	-
-----------	---	---	-------	---

Susut nilai terkumpul	-	(3,834)	-	-
-----------------------	---	---------	---	---

Nilai buku bersih

Nilai buku bersih	8,855	19,933	1,308	-
-------------------	-------	--------	-------	---

Pada 31 Disember 2002

Kos

Penilaian

Susut nilai terkumpul

Kos	12,907	42,275	-	7,827
-----	--------	--------	---	-------

Penilaian	-	-	1,308	-
-----------	---	---	-------	---

Susut nilai terkumpul	-	(3,579)	-	(1,054)
-----------------------	---	---------	---	---------

Nilai buku bersih

Nilai buku bersih	12,907	38,696	1,308	6,773
-------------------	--------	--------	-------	-------

Tanah ladang
pegangan
pajak jangka
panjang dan
perbelanjaan
pembangunan
Pada Kos
RM'000

Tanah ladang pegangan pajak jangka panjang dan perbelanjaan pembangunan Pada Penilaian RM'000	Bangunan Pada Kos RM'000	Bangunan Pada Penilaian RM'000	Loji, mesin, peralatan & kenderaan Pada Kos RM'000	Peralatan pejabat, perabot & pepasangan & ubahsuaian Pada Kos RM'000	Modal kerja dalam pelaksanaan Pada Kos RM'000	Jumlah RM'000
146,680	69,692	5,630	136,193	7,381	35,747	674,218
(146,585)	(39,065)	(4,723)	(53,668)	(3,064)	(30,992)	(526,754)
-	8,110	-	36,653	1,528	73,373	136,730
-	(34)	-	(4,938)	(212)	-	(5,184)
-	-	-	(74)	(33)	-	(107)
(95)	(2,604)	(247)	(23,506)	(1,995)	-	(29,206)
-	43	-	658	33	19	753
-	3	-	11	-	10,435	-
-	36,145	660	91,329	3,638	88,582	250,450
-	40,880	-	180,162	11,637	88,582	353,883
-	-	660	-	-	-	1,968
-	(4,735)	-	(88,833)	(7,999)	-	(105,401)
-	36,145	660	91,329	3,638	88,582	250,450
-	85,898	-	239,490	17,838	35,747	656,457
146,948	-	9,130	-	-	-	157,386
(268)	(16,206)	(3,500)	(103,297)	(10,457)	-	(139,625)
146,680	69,692	5,630	136,193	7,381	35,747	674,218

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN (*Sambungan*)

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2003

22. HARTA, LOJI DAN PERALATAN (*Sambungan*)

SYARIKAT 2003

	Tanah pegangan pajak jangka panjang Pada Kos RM'000	Bangunan Pada Kos RM'000	Loji, mesin, peralatan & kenderaan Pada Kos RM'000	Peralatan pejabat, perabot & pepasangan & ubahsuaihan Pada Kos RM'000	Jumlah RM'000
Nilai buku bersih					
Pada 1 Januari 2003	9,173	7,651	1,345	649	18,818
Tambahan	-	-	333	267	600
Pelupusan	-	-	(60)	(2)	(62)
Caj susut nilai bagi tahun	(137)	(156)	(313)	(313)	(919)
Pada 31 Disember 2003	9,036	7,495	1,305	601	18,437
Pada 31 Disember 2003					
Kos	11,500	8,321	5,054	2,325	27,200
Susut nilai terkumpul	(2,464)	(826)	(3,749)	(1,724)	(8,763)
Nilai buku bersih	9,036	7,495	1,305	601	18,437
Pada 31 Disember 2002					
Kos	11,500	8,321	5,255	2,076	27,152
Susut nilai terkumpul	(2,327)	(670)	(3,910)	(1,427)	(8,334)
Nilai buku bersih	9,173	7,651	1,345	649	18,818

(a) Penilaian

